



LAPORAN TAHUNAN 2022

CAWANGAN AUDIT DALAM
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

KANDUNGAN

Prakata	i
Perutusan Ketua Setiausaha	ii
Penghargaan Ketua Audit Dalam	iii
Ringkasan Eksekutif	iv

1.0 Pendahuluan **1**

1.1 Penubuhan	2
1.2 Fungsi Audit Dalam	2
1.3 Visi dan Misi	3
1.4 Organisasi dan Perjawatan	3
1.5 Kesimpulan	4

2.0 Pencapaian Pengauditan **7**

2.1 Pendahuluan	8
2.2 Pembahagian Tugas	8
2.3 Pencapaian Aktiviti Pengauditan	9
2.4 Kesimpulan	10

3.0 Laporan Pengauditan **11**

Pendahuluan	12
3.1 Pengauditan Kewangan	13
3.1.1 Pengurusan Kewangan	13
3.1.2 Pematuhan	26
3.1.3 Arahan Pembayaran	33
3.1.4 Pemeriksaan Mengejut	36
3.1.5 Pengurusan Risiko	41
3.1.6 Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK)	48
3.2 Pengauditan Prestasi (Aktiviti)	63
3.2.1 Pengauditan Terhadap Pengurusan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Denggi	63
3.2.2 Pengauditan Terhadap Pengurusan Aktiviti Rawatan Psikiatri di Hospital Psikiatri KKM	73
3.2.3 Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah Kosong Milik KKM	89
3.2.4 Pengauditan Terhadap Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM	97
3.2.5 Pengauditan Terhadap Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib dan Dirujuk Kepada <i>Medical Board</i> di KKM	105

3.3	Pengauditan Prestasi (Perolehan)	113
3.3.1	Pengurusan Perolehan Bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Locker4U di KKM	113
3.3.2	Pengauditan Terhadap Pengurusan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) di KKM	126
3.3.3	Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Naik Taraf <i>Wellness Hub</i> di KKM	136
3.3.4	Pengauditan Terhadap Program <i>Community Feeding</i> di KKM	144
3.4	Pengauditan Prestasi (ICT)	150
3.4.1	Pengurusan Terhadap Pembangunan Sistem Keselamatan Makanan Malaysia (FoSIM) di KKM	150
3.4.2	Pengauditan Terhadap Pengurusan Penyenggaraan Sistem ICT - Total Hospital Information System (THIS) di Institut Kanser Negara (IKN)	159
3.4.3	Pengauditan Pengurusan Perolehan ICT (Komputer Peribadi dan Komputer Riba) di Bahagian Pengurusan Maklumat KKM	166
3.5	Pengauditan Khas dan Siasatan	175
3.6	Pengesahan Data Baki Awal Perakaunan Akruan	177

4.0 Laporan *AG's Dashboard* 183

4.1	Pemantauan Isu-isu Yang Dipaparkan Dalam AG's <i>Dashboard</i>	184
-----	--	-----

5.0 Mesyuarat *Jawatankuasa Audit* 185

5.1	Penubuhan dan Keahlian	186
5.2	Tarikh Mesyuarat Jawatankuasa Audit	186
5.3	Status Isu-isu Audit Yang Dibentangkan Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit	186
5.4	Rumusan	188

6.0 Outcome dan *Impak* 189

Jadual 6.1	190
------------	-----

7.0 Kursus/ Latihan/ *Aktiviti* 219

7.1	Kursus Anjuran CAD	220
7.2	Latihan Yang Dihadiri Oleh Pegawai	226
7.3	Aktiviti-aktiviti Lain	228

8.0 Warga Audit Dalam 263

8.1	Ibu Pejabat KKM	264
8.2	Unit Audit Dalam (Negeri)	268
8.3	Seksyen Cawangan Audit Dalam (Ibu Pejabat)	273
8.4	Pertukaran Warga CAD KKM	275

PRAKATA

Cawangan Audit Dalam (CAD) bertanggungjawab memastikan sistem kawalan dalaman dan pengurusan risiko di Kementerian dan Jabatan/ Agensinya adalah mencukupi dan berkesan untuk memberi jaminan terhadap pencapaian objektif. Tanggungjawab ini telah dipikul melalui pelaksanaan pengauditan secara bebas, adil dan saksama serta pelaporan kepada Jawatankuasa Audit Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Secara umumnya, proses pengauditan melibatkan perancangan, pelaksanaan dan pelaporan. Hasil pengauditan yang telah dilaksanakan dilaporkan kepada ketua jabatan atau pusat tanggungjawab (PTJ) yang berkenaan sebelum maklum balas dikemukakan oleh jabatan atau PTJ. Akhirnya laporan pengauditan yang telah selesai, dilaporkan kepada Jawatankuasa Audit bagi membincang lebih lanjut isu-isu audit yang dibangkitkan. Daripada minit mesyuarat Jawatankuasa Audit tindakan susulan diambil terhadap isu-isu yang memerlukan penyelesaian atau pembetulan. Semoga proses pengauditan ini dapat memberi nilai tambah kepada semua program dan aktiviti dalam Kementerian dan Jabatan/ Agensi.

Jutaan terima kasih kepada semua warga KKM atas kerjasama dihulurkan semasa pengauditan dijalankan.

PERUTUSAN KETUA SETIAUSAHA




Salam Sejahtera dan Salam Perpaduan.

Aspek kesihatan awam terus menjadi agenda utama kerajaan pada tahun 2022 yang mana sejumlah RM32.4 bilion untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan telah diperuntukkan Kerajaan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) bagi membina daya tahan negara dalam fasa endemik COVID-19. Justeru, sebagai Kementerian penerima peruntukan kedua terbesar, peranan Cawangan Audit Dalam (CAD) amat diperlukan bagi meningkatkan keberkesanan tadbir urus operasi dan mengukuhkan kawalan dalaman, khususnya melalui pengauditan dan pelaporan pencapaian program dan aktiviti Kementerian kepada pihak pengurusan.

KKM sebagai sebuah agensi Kerajaan yang memberi perkhidmatan secara terus kepada rakyat memandang serius semua teguran, baik daripada Jabatan Audit Negara mahupun CAD. Oleh itu, segala pemerhatian dan syor yang dilaporkan akan dijadikan rujukan dalam usaha untuk meningkatkan prestasi pengurusan dan tadbir urus di KKM. Selain itu, penambahbaikan yang berterusan perlu dilaksanakan khususnya oleh Ketua Jabatan serta semua warga kerja KKM bagi memastikan perkhidmatan yang terbaik, cemerlang dan berintegriti dapat diberikan kepada rakyat.

Akhir kata, tahniah dan syabas diucapkan kepada CAD kerana telah berjaya melaksanakan aktiviti pengauditan yang dirancang serta menerbitkan Laporan Tahunan CAD bagi tahun 2022. Adalah diharapkan CAD terus memainkan peranannya secara objektif serta memberi nilai tambah terhadap operasi dan organisasi di KKM di samping berupaya mengadaptasi perubahan dalam metodologi pengauditan selari dengan perkembangan teknologi terkini.

Sekian, terima kasih.



DATUK HARJEET SINGH A/L HARDEV SINGH

Ketua Setiausaha

Kementerian Kesihatan Malaysia

22 Februari 2023

PENGHARGAAN KETUA AUDIT DALAM



بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.**

Syukur alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, Cawangan Audit Dalam (CAD) telah berjaya mencapai sasaran pengauditan sebagaimana perancangan bagi tahun 2022 dan seterusnya dapat menerbitkan Laporan Tahunan 2022 ini dengan jayanya.

Sepertimana lazim, laporan ini mengandungi maklumat yang meliputi hasil kerja-kerja audit ke atas Pusat Tanggungjawab (PTJ) Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan lain-lain aktiviti sepanjang tahun 2022. Pengauditan yang dijalankan merangkumi

Pengauditan Kewangan, Prestasi, Perakaunan Akruan, Penilaian Risiko, Khas dan Siasatan dan lain-lain pengauditan. Secara purata, kutipan melebihi RM1 juta telah berjaya dikutip balik sebagai hasil Kerajaan pada tahun 2022 impak dari pengauditan yang dilaksanakan. Semoga segala penemuan Audit dan syor-syor penambahbaikan yang dibentangkan dalam laporan ini dapat dijadikan sumber rujukan dan *lesson learnt* kepada semua pihak dalam usaha berterusan untuk menambah baik kawalan dalaman, tadbir urus dan seterusnya meningkatkan akauntabiliti di semua PTJ KKM.

Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KKM dan Pengurusan Atasan KKM di atas kepercayaan dan sokongan yang diberikan juga kepada semua Ketua Jabatan atas kerjasama yang baik sepanjang pengauditan dijalankan. Ucapan terima kasih juga saya tujukan kepada semua warga kerja CAD atas dedikasi dan komitmen yang ditunjukkan dalam menyempurnakan tanggungjawab yang diamanahkan dengan cemerlang.

Sekian, wassalam.

NOOR RITA BINTI KASSIM

Ketua Audit Dalam

Kementerian Kesihatan Malaysia

21 Februari 2023

RINGKASAN EKSEKUTIF

Penubuhan Cawangan Audit Dalam (CAD), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 1980 adalah selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979 dan CAD KKM bertanggungjawab terus kepada Ketua Setiausaha Kementerian. Sehingga bulan Disember 2022, CAD mempunyai 78 pegawai berbanding 85 perjawatan yang diluluskan bagi melaksanakan tugas yang diamanahkan.

Sepanjang tahun 2022, CAD telah menjalankan pengauditan dan siasatan serta mengeluarkan laporan seperti berikut:

LAPORAN CAWANGAN AUDIT DALAM KKM BAGI TAHUN 2022

BIL.	PENGAUDITAN	CATATAN
1.	Pengurusan Kewangan	Pengauditan di 36 PTJ yang meliputi Jabatan Kesihatan Negeri, Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri, Hospital, Pejabat Kesihatan Daerah, Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah.
2.	Pematuhan	i. Pengurusan Perolehan Darurat di 13 PTJ. ii. Perkhidmatan Kawalan Keselamatan di Pejabat Kesihatan Daerah/ Bahagian/ Kawasan di 13 PTJ.
3.	Arahan Pembayaran	39 PTJ
4.	Pemeriksaan Mengejut	78 Pusat Kos
5.	Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK)	Dilaksanakan pada Julai 2022 oleh 446 PTJ dan Januari 2023 oleh 448 PTJ.
6.	Pengurusan Risiko Kewangan KKM	i. Pengauditan Penilaian Risiko Terhadap Aktiviti Kelulusan Bersyarat Kit Ujian Kendiri Covid-19. ii. Pengauditan Penilaian Risiko Terhadap Kontrak Sewaan Peralatan Komputer di KKM. iii. Penyataan Kawalan Dalaman Aktiviti Kelulusan Bersyarat Kit Ujian Kendiri Covid-19. iv. Penyataan Kawalan Dalaman Perolehan Peralatan ICT.
7.	Prestasi (Aktiviti)	i. Pengurusan Terhadap Aktiviti Kawalan dan Pencegahan Penyakit Denggi. ii. Pengauditan Terhadap Pengurusan Aktiviti Rawatan Psikiatri di Hospital Psikiatri KKM. iii. Pengauditan Terhadap Pengurusan Tanah Kosong Milik KKM.

BIL.	PENGAUDITAN	CATATAN
		iv. Pengauditan Terhadap Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) KKM. v. Pengauditan Terhadap Pegawai Yang Dikenakan Tindakan Tatatertib dan Dirujuk Kepada <i>Medical Board</i> di KKM.
8.	Prestasi (Perolehan)	i. Pengauditan Pengurusan Perolehan Terhadap Perkhidmatan Nilai Tambah Locker4U di KKM. ii. Pengauditan Terhadap Pengurusan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS). iii. Pengauditan Terhadap Pengurusan Projek Naik Taraf <i>Wellness Hub</i>. iv. Pengauditan Terhadap Program <i>Community Feeding</i>.
9.	Prestasi (ICT)	i. Pengauditan Pembangunan Sistem Keselamatan Makanan (FoSIM) Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM). ii. Pengauditan Pengurusan Penyelenggaraan <i>Total Hospital Information</i> (THIS) Institut Kanser Negara. iii. Pengauditan Pengurusan Perolehan ICT (Komputer Peribadi dan Komputer Riba).
10.	Khas dan Siasatan	i. Pengauditan Terhadap Tindakan Penambahbaikan Yang Telah Disyorkan Oleh Pihak Kementerian Bagi Kes-Kes Kehilangan Aset Yang Berlaku di PTJ KKM. ii. Pengauditan Terhadap Emolumen Terlebih Bayar.
11.	Pengesahan Data Baki Awal Perakaunan Akruan	i. Pengesahan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Tambahan (Akaun Belum Terima/ Aset Tak Ketara/ Inventori). ii. Pengesahan Data Baki Awal Aset dan Liabiliti Tambahan (Aset Tak Alih/ Tanah/ Bangunan).



1.0

PENDAHULUAN


1

Berasaskan kepada Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 Cawangan Audit Dalam, KKM dengan ini menerbit dan mengemukakan kepada Kementerian Kewangan senaskhah Laporan Tahunan 2022.

1.1 PENUBUHAN

- Selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1979, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menubuhkan Cawangan Audit Dalam (CAD) pada tahun 1980. Pekeliling Perbendaharaan PS 3.1 dan PS 3.2 memantapkan lagi peranan dan tanggungjawab CAD dan bertanggungjawab terus kepada KSU bagi menjamin kebebasan fungsi CAD.
- Objektif CAD adalah untuk membantu sesebuah organisasi mencapai matlamatnya melalui pendekatan yang sistematik dan berdisiplin untuk menilai dan menentukan keberkesanan semua proses kawalan dan tadbir urus.

1.2 FUNGSI AUDIT DALAM



1.3 VISI DAN MISI



1.4 ORGANISASI DAN PERJAWATAN

Sebanyak 85 perjawatan termasuk 72 perjawatan kader dari Jabatan Audit Negara dan 13 daripada pelbagai gred jawatan guna sama ditempatkan di CAD KKM. Pengisian perjawatan sehingga 31 Disember 2022 seperti dalam **Jadual 1.1**.

JADUAL 1.1
KEDUDUKAN PERJAWATAN YANG DILULUSKAN
BERBANDING PERJAWATAN DIISI SETAKAT 31 DISEMBER 2022

JAWATAN	KUMPULAN	BIL. JAWATAN		
		LULUS	ISI	KOSONG
Ketua Audit Dalam Gred Utama C	Pengurusan Tertinggi	1	1	0
Juruaudit W52	Pengurusan & Profesional	1	1	0
Juruaudit W48	Pengurusan & Profesional	5	5	0
Juruaudit W44	Pengurusan & Profesional	4	4	0
Pegawai Teknologi Maklumat F44	Pengurusan & Profesional	1	1	0
Juruaudit W41/44	Pengurusan & Profesional	6	6	0


JAWATAN	KUMPULAN	BIL. JAWATAN		
		LULUS	ISI	KOSONG
Penolong Juruaudit W36	Pelaksana	11	10	1
Penolong Juruaudit W32	Pelaksana	9	9	0
Penolong Juruaudit W29/32	Pelaksana	35	31	4
Pembantu Khas, Pembantu Setiausaha Pejabat/ Setiausaha Pejabat N19/22/29/30	Pelaksana	1	1	0
Pembantu Tadbir N22	Pelaksana	1	1	0
Pembantu Tadbir N19/22	Pelaksana	8	6	2
Pembantu Operasi N11/14	Pelaksana	1	1	0
Pemandu Kenderaan H11/14	Pelaksana	1	1	0
JUMLAH		85	78	7

1.5 KESIMPULAN

Dengan kekuatan sumber manusia yang diisi seramai 78 pegawai, pihak CAD telah berjaya menyelesaikan Sasaran Kerja Tahunan (SKT) seperti yang dirancang untuk tahun 2022.

Carta organisasi CAD, KKM setakat 31 Disember 2022 adalah seperti berikut:

CARTA ORGANISASI CAWANGAN AUDIT DALAM, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA







2.0

**PENCAPAIAN
PENGAUDITAN**

2.1 PENDAHULUAN

CAD menyediakan rancangan aktiviti pengauditan pada setiap tahun bagi tahun berikutnya. Pada setiap hujung tahun pula, CAD akan membuat penilaian terhadap pencapaian aktiviti pengauditan sama ada Petunjuk Prestasi Utama (KPI) telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Berikut adalah butiran berkenaan pembahagian tugas dan pencapaian aktiviti pengauditan mengikut KPI yang telah ditetapkan.


2.2 PEMBAHAGIAN TUGAS

Bilangan perjawatan yang diluluskan untuk CAD adalah sebanyak 85 jawatan. Berdasarkan bilangan *manhours* bagi setiap jawatan adalah 1,701 setahun, pembahagian tugas mengikut aktiviti berdasarkan jumlah *manhours* 85 pegawai dari pelbagai gred di CAD seperti dalam **Jadual 2.1** dan **Carta 2.1**.

JADUAL 2.1
PEMBAHAGIAN MANHOURS MENGIKUT AKTIVITI PADA TAHUN 2022

AKTIVITI	JUMLAH MANHOURS	PERATUS (%)
Aktiviti Pengauditan		
Pengauditan Pengurusan Kewangan	40,460	28
Pengauditan Pematuhan	11,560	8
Pengauditan Arahan Pembayaran	8,670	6
Pengauditan Mengejut	17,340	12
Pengauditan Khas/ Siasatan	2,890	2
Pengauditan Prestasi/ Perolehan/ ICT	46,325	32
Verifikasi Data Baki Awal Aset Dan Liabiliti	2,890	2
Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan	2,890	2
Penyataan Kawalan Dalam Penyata Kewangan	2,890	2
Aktiviti-Aktiviti Lain		
Latihan	2,890	2
Pentadbiran	2,890	2
Mesyuarat	2,890	2
JUMLAH	144,585	100%

CARTA 2.1
PEMBAHAGIAN MANHOURS MENGIKUT AKTIVITI TAHUN 2022



2.3 PENCAPAIAN AKTIVITI PENGAUDITAN

Bagi memastikan setiap cawangan/ bahagian mencapai objektif masing-masing, sasaran kerja atau Petunjuk Prestasi Utama telah ditetapkan bagi setiap cawangan/ bahagian. Bagi Cawangan Audit Dalam, sasaran dan pencapaian KPI bagi tahun 2022 adalah seperti dalam **Jadual 2.2**.

JADUAL 2.2
PERBANDINGAN PENCAPAIAN AKTIVITI PENGAUDITAN BERBANDING KPI

BIL.	AKTIVITI	SASARAN KERJA TAHUN 2022			ULASAN
		SASARAN KPI	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)	
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	36	36	100	Selesai
2.	Pengauditan Pematuhan	26	26	100	Selesai
3.	Pengauditan Arahkan Pembayaran	39	39	100	Selesai
4.	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut	78	78	100	Selesai
5.	Pengauditan Prestasi	12	12	100	Selesai

BIL.	AKTIVITI	SASARAN KERJA TAHUN 2022			ULASAN
		SASARAN KPI	PENCAPAIAN	PERATUS PENCAPAIAN (%)	
6.	Pengesahan Data Baki Awal Perakaunan Akruan	2	3	100	Selesai
7.	Pengauditan Pengurusan Risiko	4	4	100	Selesai
JUMLAH		197	197	100	

2.4 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, pencapaian dari aktiviti pengauditan sepanjang tahun 2022 telah mencapai sasaran dan didapati daripada 197 sasaran KPI yang ditetapkan, pihak CAD telah mencapai 100% pencapaian berdasarkan KPI Kementerian.



3.0

**LAPORAN
PENGAUDITAN**

11

PENDAHULUAN

Sepanjang tahun 2022, terdapat tiga (3) jenis pengauditan utama yang telah dilaksanakan iaitu Pengauditan Kewangan, Pengauditan Prestasi dan Pengesahan Data Baki Awal Perakaunan Akruan. Pengauditan Kewangan yang dilaksanakan melibatkan 36 PTJ bagi Pengauditan Pengurusan Kewangan, 448 PTJ bagi Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (S3PK), 26 PTJ bagi Pengauditan Pematuhan, 39 PTJ bagi Pengauditan Arahan Pembayaran, 78 PTJ bagi Pengauditan Pemeriksaan Mengejut, dua (2) tajuk bagi Pengauditan Pengurusan Risiko dan dua (2) tajuk bagi Pengauditan Khas/ Siasatan. Bagi Pengauditan Prestasi, sebanyak 12 tajuk melibatkan Prestasi Aktiviti, Perolehan dan ICT. CAD juga melaksanakan Pengesahan Data dua (2) Baki Awal Aset dan Liabiliti di bawah Perakaunan Akruan.

3.1 PENGAUDITAN KEWANGAN

3.1.1 PENGURUSAN KEWANGAN

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada pengurusan kewangan dilaksanakan dengan teratur dan mengikut peraturan yang ditetapkan.

Skop Pengauditan

Pengurusan Kewangan bagi tahun 2022 meliputi aspek:

- Kawalan Terimaan
- Pengurusan Perolehan
- Kawalan Perbelanjaan
- Pengurusan Aset dan Stor
- Pengurusan Kenderaan Kerajaan

36 Bilangan PTJ terlibat.

Pengauditan Pengurusan Kewangan pada tahun 2022 telah dijalankan di 36 PTJ merangkumi lima (5) elemen kawalan utama iaitu kawalan terimaan, pengurusan perolehan, kawalan perbelanjaan, pengurusan aset dan stor dan pengurusan kenderaan Kerajaan. Pemilihan lima (5) elemen kawalan ini dibuat berdasarkan signifikannya terhadap operasi KKM.


A. PRESTASI PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN

- i) Sejumlah **812** isu dibangkitkan dalam Pengauditan Pengurusan Kewangan di **36** PTJ berkenaan. Daripada **812** isu yang telah dibangkitkan, elemen kawalan utama yang mencatatkan bilangan isu yang paling banyak ditemui adalah **Pengurusan Kenderaan Kerajaan** iaitu **196** isu (**24%**). Butirannya seperti dalam **Jadual 3.1** dan **Carta 3.1**.

JADUAL 3.1
RINGKASAN PENEMUAN AUDIT DALAM MENGIKUT KAWALAN

PERIHAL KAWALAN	PENEMUAN AUDIT	
	BILANGAN ISU DIBANGKITKAN	(%)
Kenderaan Kerajaan	196	24
Perbelanjaan	183	23
Aset dan Stor	169	21
Perolehan	155	19
Terimaan	109	13
JUMLAH	812	100

CARTA 3.1
PENEMUAN ISU MENGIKUT KAWALAN BAGI PENGAUDITAN
PENGURUSAN KEWANGAN (5 KAWALAN)




- ii) Penarafan Prestasi Pengurusan Kewangan dikategorikan kepada empat (4) iaitu Baik, Memuaskan, Kurang Memuaskan dan Tidak Memuaskan. Berdasarkan Laporan Penemuan Audit yang dikeluarkan, sebanyak lima (5) PTJ memperoleh penarafan Baik, 10 PTJ memperoleh penarafan Memuaskan, manakala 21 PTJ memperoleh tahap Kurang Memuaskan seperti yang tertera dalam **Jadual 3.2** dan **Carta 3.2**.

JADUAL 3.2
PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN

BIL.	PTJ	PENARAFAN
1.	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) Wilayah Persekutuan	Baik
2.	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, Jabatan Kesihatan Negeri Perlis	Baik
3.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kampar	Baik
4.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kinta	Baik
5.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Padang Terap	Baik
6.	Jabatan Kesihatan Negeri Pahang	Memuaskan
7.	Hospital Raja Permaisuri Bainun	Memuaskan
8.	Hospital Kapit	Memuaskan
9.	Hospital Rajah Charles Brooke Memorial	Memuaskan
10.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Dungun	Memuaskan
11.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kota Bharu	Memuaskan
12.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Maran	Memuaskan
13.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Rembau	Memuaskan
14.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Sepang	Memuaskan
15.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Tanah Merah	Memuaskan
16.	Jabatan Kesihatan Negeri Selangor	Kurang Memuaskan
17.	Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak	Kurang Memuaskan
18.	Jabatan Kesihatan Negeri Sabah	Kurang Memuaskan
19.	Jabatan Kesihatan Negeri Melaka	Kurang Memuaskan
20.	Bahagian Kesihatan Pergigian Melaka	Kurang Memuaskan
21.	Bahagian Perkhidmatan Farmasi Jabatan Kesihatan Negeri Johor	Kurang Memuaskan
22.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Segamat	Kurang Memuaskan
23.	Pejabat Timbalan Pengarah Kesihatan (Pergigian) Selangor	Kurang Memuaskan
24.	Hospital Pulau Pinang	Kurang Memuaskan
25.	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Kurang Memuaskan
26.	Hospital Tuanku Fauziah, Kangar	Kurang Memuaskan
27.	Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban	Kurang Memuaskan
28.	Hospital Labuan, Wilayah Persekutuan Labuan	Kurang Memuaskan

BIL.	PTJ	PENARAFAN
29.	Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Nerus	Kurang Memuaskan
30.	Pejabat Kesihatan Daerah Kunak	Kurang Memuaskan
31.	Pejabat Kesihatan Daerah Semporna	Kurang Memuaskan
32.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Barat Daya	Kurang Memuaskan
33.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Kuantan	Kurang Memuaskan
34.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Melaka Tengah	Kurang Memuaskan
35.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Seberang Perai Tengah	Kurang Memuaskan
36.	Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Seremban	Kurang Memuaskan

CARTA 3.2
PENARAFAN PRESTASI PENGURUSAN KEWANGAN



B. RINGKASAN PENEMUAN AUDIT PENGURUSAN KEWANGAN

Berikut merupakan penemuan Audit utama yang telah dibangkitkan ke atas PTJ yang dilawati semasa pengauditan pengurusan kewangan.

i) KAWALAN TERIMAAN

a) Kawalan Borang Hasil

- Buku borang hasil tidak diperiksa sebelum digunakan menyebabkan borang hasil yang rosak tidak dikembalikan kepada Syarikat Percetakan Nasional Berhad (PNB).

- Semakan mingguan borang hasil tidak dilaksanakan dan tidak disimpan dengan selamat.
- Kemasukan dan pengeluaran buku borang hasil tidak direkod ke dalam Daftar Borang Hasil (Kew.67) dan pengeluaran borang hasil tidak mengikut turutan nombor siri.
- Penyata Borang Hasil Yang Dikawal (Kew.68) tidak diselenggara bagi baki buku kupon dan resit (Kew.38).

b) Penerimaan/ Kutipan Hasil

- Tandatangan ringkas tidak diturunkan bersebelahan jumlah cetakan bank setelah disemak.
- Notis untuk mendapatkan resit rasmi tidak dipamerkan.
- Terimaan tidak direkod ke Buku Tunai Kecil (Kew.249) dan disemak setiap hari.

c) Kawalan Perakaunan Terimaan

- Laporan Resit Batal tidak dicetak dan maklumat resit gantian tidak dikunci masuk.
- Penyata Penyesuaian Hasil tidak disediakan/ lewat dikemukakan ke Pejabat Akauntan Negara Malaysia.

d) Kemasukan Pungutan Ke Bank

- Tandatangan ringkas tidak diturunkan bersebelahan jumlah cetakan bank setelah disemak.
- Penyata pemungut tidak diperaku oleh Peraku II sebelum terimaan dimasukkan ke bank.
- Penyata Pemungut tidak disemak selepas kutipan dimasukkan ke bank.

e) Akaun Belum Terima

- Tempoh usia yang direkodkan dalam Penyata Akaun Belum Terima Tunggalan Hasil adalah berbeza berbanding ketetapan Pekeliling Perbendaharaan (PP) WP 10.6.

- Bayaran deposit bagi sewa ruangan pejabat lewat diterima dan dibuat pelarasan.
- Tunggakan bayaran balik gaji/ emolumen belum diterima walaupun surat tuntutan dan peringatan telah dikeluarkan.

f) Kawalan Dalaman Terimaan

- Pemeriksaan Dalaman (AP 308) tidak dijalankan.
- Pemeriksaan Mengejut (AP 309) tidak dijalankan.
- Pegawai diberi penurunan kuasa untuk mengutip dan menerima wang, menulis resit, menandatangani resit dan membatalkan resit tanpa pengasingan tugas yang lebih berkesan.

g) Peti Besi

- Peti besi hanya menggunakan satu (1) kunci jenis bernombor kombinasi yang tidak memenuhi tahap keselamatan yang ditetapkan.
- Anak kunci dan salinan nombor kombinasi disimpan oleh pegawai yang sama.
- Surat kuasa memegang kunci kabinet besi berpaling tidak dikeluarkan.

h) Pengurusan Sewaan Premis

- Bayaran sewa bulanan ruang bangunan tidak diterima mengikut tempoh ditetapkan di dalam Surat Setuju Terima (SST).
- Kontrak formal perjanjian sewaan premis demis belum dimuktamadkan.

i) Pengurusan Daftar Mel

- Daftar Mel tidak diselenggara.
- Laporan Daftar Mel tidak disemak oleh Penyelia.

ii) PENGURUSAN PEROLEHAN

a) Kawalan Am Perolehan Kerajaan

- Laporan Perolehan PTJ tidak dicetak dan disahkan.
- Tiada lantikan secara bertulis oleh PTJ bagi pegawai penyelia MyGPIS.
- Laporan JPKA MyGPIS (Pengurusan Perolehan) tidak dibentangkan dalam Mesyuarat JPKA.

- Rekod pembelian terus yang lengkap tidak dihantar kepada Pegawai Pengawal serta disalinkan kepada Cawangan Audit Dalam setiap tiga (3) bulan.

b) Pengurusan Jawatankuasa Berkaitan Perolehan

- Pelaksanaan *Integrity Pact* tidak dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan.

c) Pelaksanaan Perolehan Kerajaan

- Perolehan secara pecah kecil bagi mengelakkan sebut harga telah dikesan melibatkan pelbagai jenis perolehan.
- Perolehan perabot telah dibuat dengan syarikat yang tidak disenaraikan sebagai syarikat panel.
- Inden Kerajaan tidak diisi dengan maklumat lengkap.
- Penggunaan provisional sum dalam perolehan kerja tanpa spesifikasi yang jelas dan terperinci.
- Perolehan perabot dengan syarikat panel kayu tidak mengikut zon yang telah ditetapkan.
- SST yang dikeluarkan tidak mengikut template yang ditetapkan dalam pekeliling.

d) Pengurusan Kontrak Kerajaan

- Dokumen Surat Setuju Terima (SST) atau kontrak formal tidak lewat ditandatangani oleh pegawai yang diturunkan kuasa.
- Kontrak formal perolehan bekalan atau perkhidmatan bermasa tidak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan dari tarikh SST.
- Perlindungan insurans pekerja bagi kerja-kerja pembersihan tidak disediakan oleh pihak kontraktor.
- Dokumen Kontrak Perjanjian tidak disediakan dengan lengkap dan teratur.
- Perolehan bekalan telah dibeli di luar kontrak dalam tempoh kontrak yang masih berkuatkuasa.
- Dokumen kontrak yang tidak sah telah dimuat naik di Modul Pendaftaran Kontrak dalam Sistem ePerolehan (eP).
- Tempoh jaminan bank bagi Bon Pelaksanaan tidak tepat.
- Klausa Bon Pelaksanaan tidak dinyatakan di dalam kontrak.

- Bon Pelaksanaan tidak disahkan dengan pihak bank.
- Tiada tandatangan ringkas di setiap muka surat butiran kontrak.

e) Pengurusan Sebut Harga

- Anak kunci peti tawaran sebut harga tidak dipegang oleh pegawai kanan.
- Pegawai yang menandatangani Inden Kerajaan tiada surat lantikan secara bertulis.
- Anggaran harga Jabatan tidak difailkan.
- Lampiran Q tidak diberi nombor siri sebelum diedarkan.

f) Pengurusan Pembayaran

- Denda lewat/ penalti tidak dikenakan meskipun pembekal lewat menyempurnakan obligasinya atau tidak mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan di dalam Pesanan Kerajaan/ Inden Kerja.
- Pembayaran kepada syarikat pembekal perkhidmatan kawalan keselamatan tanpa senjata tidak disemak dengan teliti menyebabkan potongan denda akibat pelanggaran syarat kontrak tidak dilaksanakan.
- Tiada pengasingan tugas dalam urusan pembayaran kerana Peraku II arahan pembayaran dan Pelulus Pesanan Kerajaan adalah pegawai yang sama.
- Bayaran perkhidmatan bulan November 2021 tidak mengikut peraturan ditetapkan.
- Had kuasa berbelanja yang ditetapkan dalam sistem tidak selaras dengan perwakilan kuasa yang diluluskan.

g) Keputusan Perolehan Kerajaan

- Keputusan sebut harga dan tender yang telah berjaya tidak dipamerkan di laman web PTJ atau papan kenyataan.

iii) KAWALAN PERBELANJAAN

a) Pelaporan Perbelanjaan

Laporan Bil/ Invois (Arahan Perbendaharaan 103) tidak dicetak, tidak disemak mengikut kekerapan yang ditetapkan, tidak ditandatangani dan tidak dicatatkan tarikh semakan.

b) Prestasi Pembekal/ Syarikat Kontraktor Kerja

- Bekalan tidak diterima dalam masa yang ditetapkan atau mengikut spesifikasi dan tarikh penerimaan tidak dicatatkan.
- Spesifikasi yang jelas dan terperinci tidak disediakan semasa pelaksanaan perolehan kerja.
- Pembekalan perolehan pembelian terus lewat dari tarikh akhir yang ditetapkan dalam Pesanan Kerajaan.

c) Pengurusan Dokumen Sokongan Arahan Pembayaran

- Arahan Pembayaran tidak disokong dengan dokumen sokongan asal yang lengkap dan sempurna.
- Ruangan pada "Perihal Bayaran" tidak diisi dengan tepat dan betul.
- Arahan Pembayaran dan dokumen sokongan tidak dicap 'Telah Bayar'.
- Arahan Pembayaran mempunyai nombor Akaun Bank yang berbeza dengan Penyata Bank.

d) Pengurusan Bayaran Bekalan

- Invois atas talian lewat dicipta diterima kerana Nota Penerimaan Barang (NPB) lewat dijana oleh PTJ.
- Tiada pengasingan tugas dalam urusan pembayaran kerana Peraku II Arahan Pembayaran dan Pelulus Pesanan Kerajaan adalah pegawai yang sama.
- Pegawai Peraku II bagi Arahan Pembayaran adalah pegawai dengan gred yang lebih rendah daripada pegawai padanan bayaran/ penyedia Arahan Pembayaran.
- Bayaran dibuat sebelum bekalan diterima/ perkhidmatan disempurnakan.
- Bil/ Invois tiada pengesahan terima oleh Unit Kewangan.

e) Pengurusan Bayaran Elaun

- Bayaran Elaun Khas COVID-19 dibuat kepada pegawai tidak menepati syarat bayaran.
- Bayaran Elaun Kerja Di Luar Waktu Bekerja Biasa (EKLWBB) dibuat kepada pegawai tidak menepati syarat bayaran.

f) Pengurusan Bayaran Pukal

- Laporan Terperinci Pembayaran Pukal tidak dicetak dan tidak disemak dengan bil asal menyebabkan perbezaan bayaran tidak diambil tindakan pembetulan.
- Invois tidak diterima dari agensi pukal.

iv) PENGURUSAN ASET DAN STOR**a) Pengurusan Penerimaan Bekalan**

- Perolehan bekalan diterima oleh pegawai yang tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan
- Borang Penerimaan Aset Alih (KEW.PA-1) bagi penerimaan aset teknikal tidak ditandatangani oleh Pegawai Teknikal.
- Perolehan barang stor yang diterima tidak menggunakan Borang Terimaan Barang-barang (BTB) (KEW.PS-1).

b) Pendaftaran Aset dan Stok

- Aset didaftarkan setelah melebihi tempoh dua (2) minggu.
- Lokasi penempatan aset alih tidak dikemas kini.
- Bekalan stor telah lewat didaftarkan dalam KEW.PS-3 melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Aset Bernilai Rendah (ABR) diklasifikasikan sebagai barangan stor.
- Aset tidak dilabel.

c) Pengurusan Jawatankuasa Pengurusan Kewangan

- Mesyuarat JPKA tidak mengikut bilangan mesyuarat yang ditetapkan.

d) Kawalan Am Aset dan Stor

- Pegawai Pemeriksa Aset tidak dilantik.
- Pegawai pemeriksa aset dilaksanakan oleh pegawai yang bertugas di tempat yang diperiksa.
- Butiran lokasi pada Kad Kawalan Stok (KEW.PS-3) berbeza dengan lokasi sebenar stok.
- Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) tidak dikemas kini dan dipamerkan.

- Aset alih yang memerlukan penyenggaraan berjadual tidak direkodkan di KEW.PA-14.
- Tempat menyimpan stok tidak sesuai dan selamat.
- Sijil pelupusan lewat dikemukakan kepada pihak urusetia Pelupusan Aset.
- Kehilangan Aset Alih Bernilai Rendah tidak dilaporkan dengan segera.
- Aset dibeli, disimpan dan tidak digunakan sehingga tarikh pengauditan.
- Transaksi pengeluaran stok tidak dikemas kini dalam Kad Daftar Stok (KEW.PS-3) oleh Pegawai Stor.

v) PENGURUSAN KENDERAAN KERAJAAN

a) Kawalan Am Kenderaan dan Pegawai Kenderaan

- Kenderaan Jabatan telah dipandu oleh pegawai yang tidak mempunyai surat kebenaran daripada Ketua Jabatan.
- Ketua Jabatan atau wakilnya (selain daripada Pegawai Kenderaan) tidak menjalankan pemeriksaan mengejut ke atas penggunaan Buku Log sekurang-kurangnya satu kali setahun.
- Set kunci kenderaan tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan.
- Fail kenderaan jabatan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.
- Tiada pendaftaran pemunya atas nama Jawatan di dalam geran Kenderaan Jabatan.

b) Pengurusan Kenderaan Jabatan

- Kenderaan baru tidak dibuat pemeriksaan oleh woksyp kerajaan.
- Fail sejarah kenderaan jabatan tidak diselenggarakan/ tidak teratur/ tidak lengkap.
- Kenderaan Jabatan digunakan oleh pegawai gred JUSA yang telah dibekalkan dengan kenderaan rasmi jawatan.
- Kenderaan Jabatan tidak mempamerkan logo jabatan.
- Kelulusan perjalanan kenderaan Jabatan diberi oleh pegawai yang tidak dilantik.
- Kenderaan digunakan tanpa kelulusan Pegawai Kenderaan.
- Penyenggaraan kenderaan tidak direkodkan dalam Rekod Penyenggaraan Aset Alih (KEW.PA-15).

- Kelulusan penggunaan kenderaan dibuat secara lump sum oleh Pegawai Kenderaan.

c) Pengurusan Buku Log Kenderaan

- Pegawai Kenderaan tidak merekodkan maklumat kenderaan dan penyenggaraan berjadual dengan lengkap dalam Buku Log dan Daftar Penyelenggaraan Berjadual (KEW.PA-14).
- Rekod penggunaan kenderaan tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini di Buku Log Kenderaan melibatkan nama dan tandatangan pemandu, pengguna serta pembelian bahan api.
- Pengiraan kadar penggunaan bahan api bulanan di Buku Log tidak tepat.

d) Pengurusan Kad Inden Minyak

- Kad Inden Minyak atau Buku Rekod Pergerakan Kad Inden Minyak tidak disimpan oleh Pegawai Kenderaan setiap masa.
- Buku Pergerakan Kad Inden tidak disemak oleh Ketua Jabatan.
- Buku rekod pergerakan kad inden tidak diisi dengan lengkap.
- Ulasan Analisa Kadar Penggunaan Bahan Api Bulanan Kenderaan tidak dilaksanakan oleh Ketua Jabatan.
- Pengiraan dan Analisa Penggunaan Bahan Api Bulanan tidak disediakan mengikut format dan kaedah yang ditetapkan.
- Buku Rekod Pergerakan Kad Inden hilang dari simpanan Pegawai Kenderaan.

e) Pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit

- Pengurusan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) bagi Kenderaan Jabatan tidak dilaksanakan dengan teratur kerana rekod pendaftaran dan agihan tidak diselenggara. Selain itu, pemantauan melalui semakan penyata bulanan tidak dilaksanakan dan kad tidak disimpan dengan selamat.
- Penyata bulanan tambah nilai kad Touch 'N Go (eStatement) tidak dicetak untuk semakan.

f) Pengurusan Kenderaan Pegawai Gred JUSA

- Kelulusan bertulis kadar penggunaan bekalan bahan api untuk Kereta Rasmi Jabatan pegawai yang layak tidak difailkan.
- Pemantauan ke atas penggunaan KSBTTR bagi kenderaan rasmi jawatan tidak dilaksanakan dengan teratur kerana penyata tidak dicetak dan disahkan oleh pegawai sebelum transaksi tambah nilai dibuat.
- Pegawai gred JUSA menggunakan kad Touch 'N Go bagi tujuan bukan rasmi.
- Penggunaan bahan api bagi Kenderaan Rasmi Jawatan (JUSA) melebihi had kelayakan.

g) Pengurusan Notis Kesalahan Lalu Lintas

- Notis kesalahan lalu lintas Kenderaan Jabatan belum diselesaikan menggunakan kaedah yang ditetapkan.
- Notis kesalahan lalu lintas tidak direkodkan dalam Buku Log.

3.1.2 PEMATUHAN

A. PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP PEROLEHAN SECARA DARURAT DI HOSPITAL-HOSPITAL KKM

Objektif Pengauditan

Menentukan dan menilai sama ada perolehan secara darurat diuruskan dengan teratur mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa serta mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan.

Skop Pengauditan

Pengauditan secara perolehan darurat bagi tempoh Januari 2021 hingga Disember 2021 di 13 buah hospital meliputi aspek:

- Peruntukan Perolehan
- Pengurusan Perolehan
- Pengurusan Pembayaran
- Pengurusan Aset

13 PTJ

- | | |
|--|---|
| ▪ Hospital Rehabilitasi Cheras, Kuala Lumpur | ▪ Hospital Kajang, Selangor |
| ▪ Hospital Sultan Ismail, Johor | ▪ Hospital Tumpat, Kelantan |
| ▪ Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor | ▪ Hospital Dungun, Terengganu |
| ▪ Hospital Tampin, Negeri Sembilan | ▪ Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Pahang |
| ▪ Hospital Taiping, Perak | ▪ Hospital Tawau, Sabah |
| ▪ Hospital Kepala Batas, Pulau Pinang | ▪ Hospital Bintulu, Sarawak |
| ▪ Hospital Sultan Abdul Halim, Kedah | |

i) RUMUSAN

Secara keseluruhannya, **pengauditan pematuhan terhadap 13 PTJ yang dilawati adalah kurang memuaskan.** Bilangan kelemahan atau ketidakpatuhan yang ditemui terutama dalam aspek pengurusan perolehan dan pengurusan aset perlu diberi lebih perhatian oleh PTJ yang terlibat bagi memastikan aset-aset Kerajaan yang diperoleh secara perolehan darurat dapat diurus dan dikawal selia dengan lebih baik dan teratur mengikut peraturan semasa yang berkuat kuasa.

ii) PENEMUAN AUDIT

a) Peruntukan Perolehan

- Peruntukan darurat yang diterima tidak dibelanja mengikut Surat Kelulusan.
- Waran Peruntukan lewat diterima.

b) Pengurusan Perolehan

- Perolehan bekalan diterima sebelum Waran Peruntukan diluluskan dan diperaku terima.
- Bilangan kuorum Ahli Jawatankuasa Rundingan Harga Perolehan Darurat tidak mencukupi.
- Mesyuarat Rundingan Harga tidak dilaksanakan mengikut peraturan.
- Lampiran B (Surat Arahan Memulakan Bekalan/ Perkhidmatan/ Kerja) dan Lampiran D (Borang Pengesahan Pegawai Pengawal Bagi Perolehan Darurat) tidak disediakan dan tidak lengkap.
- Pesanan Kerajaan lewat dikeluarkan.
- Laporan Pelaksanaan Perolehan Darurat lewat disediakan.
- Barang/ Peralatan lewat dibekalkan.

c) Pengurusan Pembayaran

- Borang Pengesahan Pegawai Pengawal Bagi Perolehan Darurat (Lampiran D) tidak diisi dengan lengkap.
- Butiran/ Perihal di Arahan Pembayaran iGFMAS kurang tepat.
- Pembayaran dibuat melebihi tempoh 14 hari.
- Kod Objek yang digunakan tidak tepat.
- Dokumen sokongan bayaran tidak lengkap.
- Pembayaran dibuat sebelum mendapat kelulusan Pegawai Pengawal.

d) Pengurusan Aset

- Aset yang diperolehi lewat didaftarkan.
- Maklumat dalam Daftar Aset tidak lengkap dan kemaskini.
- Senarai Aset Alih (KEW.PA-7) di lokasi penempatan aset tidak dikemaskini.
- Pinjaman dan pergerakan aset tidak direkod dalam KEW.PA-9.
- Aset tidak dilabelkan dengan tanda pengenalan Hak Kerajaan Malaysia.

- Proses Pengujian Dan Pentauliahan (T&C) lewat dilaksanakan.
- Peralatan yang diperoleh tidak digunakan.
- Kelewatan pelaksanaan Penyenggaraan Aset.
- Pegawai Penerima Aset tiada kepakaran.
- Borang Penerimaan Aset Alih (KEW.PA-1) tidak diisi dengan lengkap.
- Nota Penerimaan Bekalan lewat disahkan dan dikunci masuk dalam sistem oleh Pegawai Penerima.
- Pegawai Pengesahan Penerimaan (KEW.PA-1) berlainan dengan Pegawai Penerimaan dalam sistem ePerolehan (eP).

iii) SYOR AUDIT

Pihak Hospital disyorkan melaksanakan penambahbaikan dan mengambil tindakan seperti berikut:

- Memastikan perolehan diuruskan dengan cekap dan teratur serta pegawai yang terlibat dengan penyeliaan, pemantauan dan pembayaran hendaklah memahami peraturan perolehan darurat.
- Memastikan pegawai yang menguruskan aset sama ada di peringkat pengurusan mahupun yang menjaga aset alih di lokasi diberikan pendedahan mengenai tatacara pengurusan aset dan stor.
- Kursus dan latihan serta bimbingan berterusan terhadap pengurusan perolehan, pengurusan pembayaran dan pengurusan aset perlu bagi meningkatkan tahap kompetensi kakitangan.

B. PENGAUDITAN PEMATUHAN TERHADAP PENGURUSAN PERKHIDMATAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API) DI PEJABAT KESIHATAN DAERAH/ KAWASAN/ BAHAGIAN

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD)/ Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK)/ Pejabat Kesihatan Bahagian (PKB) telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan serta syarat-syarat yang ditetapkan di dalam kontrak perjanjian dipatuhi.

Skop Pengauditan

Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) bagi tahun 2021 hingga 2022 meliputi aspek:

- Pengurusan Perolehan
- Pentadbiran Kontrak
- Pelaksanaan Kontrak
- Pengurusan Pembayaran

13 PTJ

- Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Muda, Kedah
- Pejabat Kesihatan Daerah Barat Daya, Pulau Pinang
- Pejabat Kesihatan Daerah Manjung, Perak
- Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Selangor
- Pejabat Kesihatan Kepong, Kuala Lumpur
- Pejabat Kesihatan Daerah Rembau, Negeri Sembilan
- Pejabat Kesihatan Daerah Melaka Tengah, Melaka
- Pejabat Kesihatan Daerah Muar, Johor
- Pejabat Kesihatan Daerah Maran, Pahang
- Pejabat Kesihatan Daerah Dungun, Terengganu
- Pejabat Kesihatan Daerah Tumpat, Kelantan
- Pejabat Kesihatan Kawasan Lahad Datu, Sabah
- Pejabat Kesihatan Bahagian Miri, Sarawak

i) RUMUSAN

Secara keseluruhannya, **Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) adalah kurang memuaskan** kerana terdapat kelemahan dalam pengurusan perolehan, pentadbiran kontrak, pelaksanaan kontrak dan pengurusan bayaran di 13 Pejabat Kesihatan Daerah/ Kawasan/ Bahagian yang diaudit.

ii) PENEMUAN AUDIT**a) Pengurusan Perolehan**

- Perolehan Kawalan Keselamatan (Tanpa Senjata Api) telah dipecah kecil kepada sebut harga.
- Nilai kontrak tidak termasuk kos peruntukan Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan.
- PKD gagal mengemukakan *Integrity Pact* iaitu Surat Akuan oleh penjawat awam yang terlibat dengan perolehan untuk semakan Audit.

b) Pentadbiran Kontrak

- Dokumen kontrak perjanjian lewat disempurnakan.
- Pelan atau peta lokasi serta jumlah dan kedudukan *clocking point* dan pos pengawal tidak dinyatakan/ sama seperti dalam perjanjian.
- Bilangan pengawal keselamatan yang dibekalkan tidak mengikut kontrak perjanjian.
- Bon Pelaksanaan lewat dikemukakan melebihi tempoh yang telah ditetapkan.
- Tempoh kemukakan Bon Pelaksanaan tidak ditetapkan dalam Surat Setuju Terima (SST).
- Perubahan kandungan kontrak perjanjian (skop perkhidmatan) tidak mendapat kelulusan pihak berkuasa melulus.
- Syarikat membuat kontrak kecil dengan syarikat perkhidmatan *Cash In Transit* (CIT) tanpa mendapat kelulusan KKM.

c) Pelaksanaan Kontrak (Kriteria Pelantikan)**▪ Kriteria Pelantikan**

- Pengawal Keselamatan tidak menghadiri Kursus *Certified Security Guards* (CSG).
- Laporan Pemeriksaan Kesihatan tidak disahkan Pegawai Perubahan Kerajaan/ tidak dikemukakan/ tiada laporan/ tiada bukti dan tidak dilakukan dalam tempoh ditetapkan.
- Tapisan keselamatan Pengawal Keselamatan tidak dikemukakan/ belum diperolehi/ belum dilaksanakan/ tidak lulus dan tiada maklumat.

- Pemeriksaan urin Pengawal Keselamatan tidak dilaksanakan/ tidak dikemukakan/ tiada bukti dan tidak dilakukan dalam tempoh ditetapkan.
- Pengawal Keselamatan melebihi umur yang ditetapkan.
- Pengawal Keselamatan berumur bawah 18 tahun.
- Tiada laporan perubatan yang disahkan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan mengenai tahap kesihatan bagi Pengawal Keselamatan yang berumur 56 dan 57 tahun.

▪ **Kehadiran Pengawal Keselamatan**

- Kehadiran Pengawal direkodkan secara manual/ tidak lengkap/ tidak direkod dengan betul/ tiada bukti hadir bertugas.
- Syarikat tidak menyediakan Pengawal Keselamatan seperti dalam kontrak Perjanjian.
- Tiada pengganti bagi Pengawal Keselamatan yang tidak hadir.
- Pengawal Keselamatan lewat hadir ke tempat bertugas.

▪ **Pelaksanaan**

- Pengawal Keselamatan gagal melaksanakan rondaan dan *clocking* seperti ketetapan kontrak.
- Kelengkapan dan peralatan yang dibekalkan tidak mencukupi/ disenggara dengan baik/ berfungsi.
- Pengawal Keselamatan berkerja melebihi 12 jam sehari.
- Pengawal Keselamatan tidak memakai pakaian seragam yang lengkap semasa bertugas.
- Pelantikan Pengawal Keselamatan pengganti (buffer) tidak dimasukkan dalam Lampiran Kontrak.
- Terdapat Pengawal Keselamatan yang tidur semasa bertugas di Pondok Pengawal.
- Tolakan bayaran tidak dikenakan terhadap kehilangan harta benda Kerajaan kerana kecuaiian pihak syarikat.
- Pengambilan tiga (3) orang Pengawal Keselamatan yang mempunyai pertalian saudara.

- **Pemantauan**

- Laporan Harian tidak dikemukakan/ tidak lengkap dan tidak tiada bukti laporan dihantar untuk semakan PKD atau wakilnya.
- Pegawai Operasi tidak melakukan pemantauan secara berkala.
- Butiran lengkap atau senarai maklumat Pengawal Keselamatan tidak diselenggara/ dikemukakan.
- Laporan bulanan tidak dikemukakan/ tidak disediakan oleh pihak syarikat.

d) Pengurusan Pembayaran

- Arahan Pembayaran tidak disokong dengan dokumen yang lengkap dan sempurna.
- Pelulus Pesanan Kerajaan dan Peraku Arahan Pembayaran dilaksanakan oleh pegawai yang sama.
- Tuntutan bayaran perkhidmatan lewat dibayar.
- Tuntutan bayaran lewat dikemukakan oleh syarikat.
- Pesanan Kerajaan bagi perkhidmatan kawalan keselamatan dikeluarkan selepas perkhidmatan diperoleh.

iii) SYOR AUDIT

- Memastikan syarat-syarat yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak dipatuhi oleh syarikat.
- Mengutip jumlah denda yang tidak dikenakan kepada syarikat dan mengambil tindakan pemotongan bayaran sekiranya berlaku ketidakpatuhan kepada syarat kontrak.
- Memastikan semua dokumen yang disediakan adalah lengkap dan mengikut format yang ditetapkan dan sempurna.
- Memastikan perkhidmatan kawalan keselamatan diurus dengan cekap serta pegawai yang terlibat dengan penyeliaan, pemantauan dan pembayaran memahami syarat-syarat kontrak perjanjian.

3.1.3 ARAHAN PEMBAYARAN

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada pembayaran telah dibuat dengan teratur, disokong dengan dokumen yang lengkap, dibuat mengikut undang-undang dan peraturan serta rekod diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.

Skop Pengauditan

Pengauditan Arahan Pembayaran bagi tempoh tahun 2021 hingga 2022 meliputi aspek:

- Kawalan Perbelanjaan
- Pengurusan Perolehan
- Pengurusan Aset Dan Stor

7,529

Bilangan Sampel Arahan Pembayaran

RM152.22 juta

Nilai Pengauditan

39 Bilangan PTJ terlibat

A. RUMUSAN

Hasil daripada pemerhatian Audit, pengurusan Arahan Pembayaran di PTJ masih perlu ditambah baik memandangkan terdapat isu yang masih berulang.


B. PENEMUAN AUDIT

- i) Analisis terhadap penemuan Audit bagi Pengauditan Arahan Pembayaran pada tahun 2022 mendapati sebanyak 450 isu telah dibangkitkan melibatkan 39 PTJ.
- ii) Tiga (3) elemen kawalan utama yang mencatatkan bilangan isu yang paling kerap ditemui adalah Pengurusan Bayaran iaitu 139 isu (31%), Pentadbiran Kontrak iaitu 63 isu (14%) dan Perolehan Kerja iaitu 61 isu (14%).
- iii) Ringkasan peratusan penemuan Audit bagi Pengauditan Arahan Pembayaran di 39 PTJ seperti dalam **Jadual 3.3** dan **Carta 3.3**.

JADUAL 3.3
PENEMUAN AUDIT TERHADAP PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN

ELEMEN	PENEMUAN AUDIT	
	BILANGAN ISU DIBANGKITKAN	(%)
Pengurusan Bayaran	139	31
Pentadbiran Kontrak	63	14
Perolehan Kerja	61	14
Pengurusan Aset Alih Kerajaan	51	11
Pesanan Kerajaan	42	9
Pengurusan Stor	32	7
Penurunan Kuasa/ Had Capaian	22	5
Sebut Harga	19	4
Pembelian Terus	12	3
Pengurusan Bil	9	2
JUMLAH	450	100

CARTA 3.3
ANALISIS PENEMUAN PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN



C. SYOR AUDIT

- Pemantauan dan penyeliaan oleh Ketua Jabatan serta pegawai penyelia hendaklah dilakukan dengan lebih kerap agar dapat meningkatkan kesedaran pematuhan kepada peraturan/ pekeliling yang sedang berkuat kuasa.
- Pegawai yang menjalankan tugas dalam urusan bayaran hendaklah diberi pendedahan ilmu melalui latihan dan kursus berkaitan urusan bayaran secara berterusan untuk meningkatkan kepekaan, pemahaman dan kemahiran dalam menjalankan tugas hakikinya.
- Integriti pegawai hendaklah sentiasa diingatkan dan ditekankan agar perolehan Kerajaan dilakukan dengan penuh tanggungjawab serta berprinsipkan *value for money*.
- Pembetulan serta penambahbaikan yang menyeluruh hendaklah dibuat terhadap penemuan Audit bagi mengelakkan isu yang sama berulang.

3.1.4 PEMERIKSAAN MENGEJUT

Objektif Pengauditan

Menentukan hasil, wang awam, harta awam dan stok bekalan ubat di bawah jagaan/ seliaan pegawai yang diberi tanggungjawab diakaun/ direkodkan dengan teratur, dikawal dan disimpan dengan selamat.

Skop Pengauditan

Pemeriksaan Mengejut bagi tahun 2022 meliputi aspek:

- Kawalan Terimaan
- Pengurusan Aset Dan Stor
- Pengurusan Kenderaan Kerajaan

78 Bilangan Pusat Kos terlibat

A. RUMUSAN

Hasil daripada Pemeriksaan Mengejut yang dilaksanakan pada tahun 2022 mendapati pematuhan terhadap peraturan dan prosedur dari segi pengurusan borang dan kutipan hasil serta keselamatan semasa kutipan perlu dipertingkatkan.

B. PENEMUAN AUDIT

Pemeriksaan Mengejut terhadap Pusat Kos mempunyai kelemahan berdasarkan 16 aspek pengauditan berikut:

- i) Wang Kutipan Hasil
- ii) Perwakilan Kuasa Bagi Terimaan
- iii) Peti Besi
- iv) Pemeriksaan Mengejut (AP 309)
- v) Pemeriksaan Dalaman (AP 308)
- vi) Borang Hasil
- vii) Pengurusan Sijil Cuti Sakit
- viii) Peranan Pegawai Kenderaan
- ix) Kawalan Penggunaan Kenderaan

- x) Kawalan Kad Inden
- xi) Kawalan Kad Sistem Bayaran Tol Tanpa Resit (KSBTTR) & *Smart Tag*
- xii) Penyenggaraan Kenderaan
- xiii) Pendaftaran Aset
- xiv) Penggunaan Aset
- xv) Penyenggaraan Aset
- xvi) Pengurusan Stor

Maklumat terperinci seperti dalam **Jadual 3.4**.

JADUAL 3.4
PENEMUAN PEMERIKSAAN MENGEJUT

BIL.		ISU DITEMUI	PUSAT KOS TERLIBAT	
WANG KUTIPAN HASIL			BILANGAN	PERATUS (%)
1.	Buku tunai/ Buku tunai elektronik tidak diperiksa dan disemak setiap hari oleh pegawai penyelia bagi memastikan semua transaksi adalah betul.	24	30.77	
2.	Jumlah kutipan tunai tidak sama dengan jumlah yang direkodkan.	19	24.39	
3.	Kutipan tidak direkodkan ke dalam buku tunai dengan segera.	18	23.08	
4.	Semakan oleh pegawai penyelia tidak dibuat ke atas cetakan bank di slip bank/penyata pemungut setelah pungutan dimasukkan ke bank.	12	15.38	
5.	Kutipan tidak dibankkan dalam tempoh yang ditetapkan.	7	8.98	
6.	Pejabat/kaunter kutipan hasil tidak mempamerkan Notis Pemberitahuan Awam untuk mendapatkan resit rasmi setelah wang dibayar.	7	8.98	
7.	Resit Rasmi tidak dikeluarkan secara bersiri / tidak mengikut turutan.	3	3.85	
8.	Pembatalan urusniaga/ Resit Rasmi tidak dilakukan oleh pegawai yang diberi kuasa secara bertulis.	3	3.85	
PERWAKILAN KUASA BAGI TERIMAAN				
9.	Pengurusan hasil Kerajaan dilaksanakan oleh pegawai yang tidak diberi kuasa.	5	6.41	
10.	Tiada surat perwakilan kuasa secara bertulis disediakan.	4	5.13	
PETI BESI				
11.	Pegawai tidak dilantik secara bertulis oleh Ketua Jabatan dan pegawai yang sama memegang anak kunci dan nombor kombinasi peti besi.	37	47.44	
12.	Penggunaan peti besi/ kabinet besi berpalang yang digunakan untuk menyimpan barang-barang selain wang kutipan dan barang-barang rasmi yang berharga.	7	8.97	

BIL.	ISU DITEMUI	PUSAT KOS TERLIBAT	
PEMERIKSAAN MENGEJUT (AP 309)			
13.	Pemeriksaan Mengejut dibuat melebihi tempoh 6 bulan.	46	58.97
14.	Pemeriksaan Mengejut yang dibuat tidak meliputi peti besi, bilik kebal, peti wang tunai, laci atau bekas-bekas untuk menyimpan wang, setem atau barang-barang berharga.	36	46.15
15.	Pemeriksaan Mengejut tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan.	35	44.87
16.	Hasil Pemeriksaan Mengejut tidak dilakukan direkodkan ke dalam buku Daftar Pemeriksaan mengejut.	16	20.51
PEMERIKSAAN DALAMAN (AP 308)			
17.	Pemeriksaan dalaman tidak dijalankan dari semasa ke semasa oleh Ketua Jabatan/ wakil yang dilantik.	43	55.13
18.	Pemeriksaan tidak dijalankan oleh Ketua Jabatan/ wakil yang dilantik terhadap sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan termasuk perakaunan aset awam.	37	47.44
19.	Pemeriksaan tidak direkodkan dalam Daftar Pemeriksaan Mengejut dengan lengkap.	35	44.87
BORANG HASIL			
20.	Borang hasil yang dikeluarkan daripada stok tidak disemak sekurang-kurangnya setiap minggu oleh pemungut atau wakilnya untuk memastikan borang hasil yang belum digunakan masih utuh.	32	41.03
21.	Daftar Borang Hasil (resit/ kupon) tidak diselenggara dengan lengkap dan kemas kini.	29	37.18
22.	Bilangan fizikal buku Resit Rasmi (Kew.38)/ Kupon yang belum digunakan tidak sama dengan bilangan Resit Rasmi (Kew.38)/ Kupon yang dicatat dalam Borang Terimaan Dan Keluaran Borang-Borang Hasil (Kew.67).	19	24.36
Tiada rekod penerimaan dan pengeluaran Buku Notis Kompaun dalam Kew. 67 di PKD Petaling dan Lembah Pantai. Implikasi daripada perkara ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat memastikan jumlah sebenar Buku Notis Kompaun yang diterima oleh Unit Vektor, PKD Petaling dan PKD Lembah Pantai serta baki Buku Notis Kompaun yang masih belum digunakan.

Maklum balas PKD Petaling

Jumlah buku yang diterima dari tahun 2018 telah dikemaskini berdasarkan rekod permohonan buku kompaun dan telah direkodkan semula serta akan dihantar ke Unit Pentadbiran PKD Petaling untuk simpanan dan rekod.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Semua Buku Notis Kompaun telah direkodkan dalam Buku Kaunterfoil (Kew. 67) dengan teratur.

iii) Pengeluaran Notis Kompaun

- a) Salinan Notis Kompaun yang dikeluarkan kepada Orang Kena Kompaun (OKK) tidak disimpan di dalam fail OKK dan tidak dinyatakan tarikh kompaun dikeluarkan di PKD Petaling. Ini kerana salinan Notis Kompaun tidak dikoyak dan masih terdapat dalam Buku Notis Kompaun.
- b) Terdapat helaian notis kompaun yang tidak digunakan dan Notis Kompaun yang dibatalkan tidak dikepilkan bersama salinan asal.
- c) Sebuah buku kompaun yang digunakan di PKD Petaling pada tahun 2018 masih berbaki 33 helai yang belum digunakan.

Maklum balas PKD Petaling

Penambahbaikan telah dilakukan serta merta setelah audit dan memastikan kompaun asal dan salinan tidak diceraikan daripada buku kompaun dan mendapat pengesahan pegawai atasan bagi kompaun yang dibatalkan atas sebab kesilapan semasa menulis kompaun. Penambahbaikan juga dilakukan daripada aspek penyeliaan dengan memastikan keseluruhan buku kompaun digunakan sebelum menggunakan buku kompaun yang baru.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Buku notis kompaun yang digunakan pada tahun 2018 masih berbaki 33 helai dimaksudkan berada pada UIPD dan akan digunakan bagi pengeluaran kompaun untuk kesalahan tahun 2022.

iv) Keizinan Mengkompaun

Satu fail kompaun tahun 2019 dan lima (5) fail kompaun tahun 2021 masih tidak mendapat izin untuk mengkompaun daripada TPR di PKD Lembah Pantai.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Enam (6) kertas siasatan yang telah diarahkan untuk dibuat sisatan lanjutan telah di semak oleh penyelia kanan dan arahan untuk mendapatkan maklumat lanjut melalui pihak COB DBKL telah diberikan dan sisatan dijangka selesai dalam tempoh 3 minggu dari tarikh maklum balas ini diberikan.

v) Fail Kompaun Dalam Proses Izin Kompaun Oleh PKD

Semua 52 sampel fail kompaun bagi tahun 2020 masih dalam proses melengkapkan fail bagi mendapatkan keizinan mengkompaun daripada TPR di PKD Lembah Pantai.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Kertas siasatan di peringkat semakan penyelia kanan U32/U36 dan akan di hantar kepada pihak UIPN dalam tempoh satu minggu bagi mendapatkan izin kompaun.

vi) Surat Lantikan Jawatankuasa Perolehan Secara Sebut Harga

- a) Tiada surat lantikan Jawatankuasa Spesifikasi, Jawatankuasa Pembuka Sebut Harga, Jawatankuasa Penilaian Teknikal, Jawatankuasa Penilaian Harga dan Jawatankuasa Sebut Harga bagi sebut harga penyewaan kenderaan dan lantikan PCO bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021 di PKD Johor Bahru.
- b) Kertas Spesifikasi Perkhidmatan Penyewaan 18 Buah Kenderaan Bagi Tempoh Lapan (8) Bulan Untuk Unit Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, PKD Petaling tidak ditandatangani oleh semua Pengerusi dan Ahli yang dilantik.

Maklum balas PKD Johor Bahru

Tindakan penambakan telah dilaksanakan dengan mengeluarkan surat lantikan bagi setiap sebut harga yang diproses.

Maklum balas PKD Petaling

Pejabat ini mendapati tanda tangan ahli “tertinggal” dari kertas spesifikasi tersebut. Walau bagaimanapun, Pengerusi dan Ahli menandatangani Lampiran C Surat Akuan Selesai Tugas seperti di lampiran bagi membuktikan semakan spesifikasi telah dilakukan.

vii) Keputusan Sebut Harga

Kertas keputusan sebut harga dan minit mesyuarat bagi penyewaan kenderaan, lantikan PCO dan pembekalan racun di PKD Johor Bahru tidak disediakan.

Maklum balas PKD Johor Bahru

Kertas keputusan sebut harga dan minit mesyuarat adalah menggunapakai kertas taklimat yang dijana melalui sistem ePerolehan. Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan.

viii) Perubahan Tempoh Kontrak

Di PKD Lembah Pantai terdapat satu dokumen kontrak telah melibatkan perubahan tempoh kontrak tidak melalui Jawatankuasa Sebut Harga untuk kelulusan.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Unit Perolehan mengambil maklum akan perkara ini jika sebarang perubahan kontrak hendaklah melalui Jawatankuasa Sebut Harga bukan hanya melalui Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga sahaja.

ix) Bon Pelaksanaan

Tarikh kuatkuasa bon sehingga tarikh akhir adalah berdasarkan tarikh sebenar mengikut tempoh kontrak bukannya sehingga 12 bulan selepas tamat kontrak di PKD Lembah Pantai dan Johor Bahru.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Merujuk kepada Borang Jaminan Bank untuk Bon Pelaksanaan nombor rujukan BPIPGI203193 bagi kontrak Syarikat New Emerald Travel & Tours Sdn Bhd dan nombor rujukan PUTPBG210015 bagi kontrak syarikat Kamal & Kamal pest Control Sdn Bhd Para 4) Jaminan ini adalah jaminan yang berterusan dan hendaklah berkuatkuasa dari 2 Ogos 2020 sehingga 1 Jun 2022 iaitu dua belas (12) bulan selepas tarikh tamat Kontrak.

Maklum balas PKD Johor Bahru

PKD hanya akan melepaskan Bon tersebut 12 Bulan selepas tarikh tamat kontrak tersebut. Tindakan penambahbaikan telah dilaksanakan dan akan memastikan tempoh sah laku jaminan bagi Bon Pelaksanaan hendaklah dari tarikh ianya dikeluarkan sehingga 12 bulan selepas tarikh tamat kontrak atau selepas obligasi terakhir, mengikut mana yang terkemudian.

x) Pematuhan Spesifikasi Kontrak

Kontrak sewaan kenderaan dan kontrak perkhidmatan PCO di PKD Lembah Pantai tidak mematuhi spesifikasi kontrak yang ditetapkan.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Alat siaraya kenderaan tersebut dalam proses pembaikan setelah berlakunya kerosakan. Walau bagaimanapun hebahan aktiviti kawalan dilakukan dan oleh Unit Promosi Kesihatan Daerah. Tiada pas khas disediakan untuk mengelakkan salah guna kuasa di lapangan oleh staff PCO. Oleh itu PKLP menghantar penyelia (PKA) bersama team PCO semasa setiap aktiviti untuk penyeliaan. PCO hanya dikhususkan untuk aktiviti kawalan dan pencegahan di luar premis.

xi) Pelupusan Aset

Empat (4) unit mesin ULV telah rosak dan tidak boleh digunakan masih dalam proses pelupusan dan belum selesai diambil tindakan melebihi 4 bulan dari tarikh permohonan Sijil Perakuan Pelupusan (PEP) KEW.PA-19.

Maklum balas PKD Petaling

Unit Aset PKD Petaling telah memohon PEP melalui surat Bil(6)dlm PKD.PTG 200-6/13 Jld 4 bertarikh 18 Oktober 2021. Surat peringatan bertarikh 13 Mei 2022 juga telah dikeluarkan kepada JKNS.

xii) Stok Racun Tamat Tempoh

Sebanyak 50 botol Abate dan 66 kg vectobac racun telah tamat tempoh di antara 48 hingga 860 hari.

Maklum balas PKD Petaling

Semasa tarikh penerimaan iaitu 14 Januari 2022, kesemua 30 liter Abate yang diterima dari JKN Selangor telah tamat tempoh.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Pembekalan racun dilaksanakan oleh JKWP. Apabila racun tersebut diterima oleh pihak PKLP pada akhir Disember 2021 bekalan tersebut telah tamat tempoh.

Berdasarkan nasihat teknikal daripada CPBV ia masih boleh di gunakan sehingga 5 tahun selepas tamat tempoh.

Maklum balas PKD Johor Bahru

Bagi mengatasi masalah ini pemeriksaan stok akan dilaksanakan pada setiap bulan bagi memastikan tiada stok yang telah tamat tempoh.

xiii) Penyimpanan dan Pengeluaran Bahan Api

Stok diesel yang digunakan untuk aktiviti SRT disimpan di tempat terbuka iaitu di kawasan pakir kenderaan.

Maklum balas PKD Johor Bahru

Untuk makluman stor racun vektor baru sahaja berpindah ke lokasi baru di Villa Damai Kesihatan Awam mulai 1 Februari 2022, Unit Vektor masih dalam kerja-kerja penyusunan bekas diesel, stok racun dan mesin-mesin *fogging*. Unit Vektor telah membuat permohonan tambahan untuk kerja-kerja naik taraf tempat penyimpanan stok diesel supaya lebih selamat dan terkawal.

xiv) Resit Pembelian dan Penyata Minyak

PKD Lembah Pantai dan Johor Bahru tidak menyemak silang resit dan penyata bahan api oleh pembekal.

Maklum balas PKD Lembah Pantai

Bermula bulan Mac 2022, Unit Kewangan telah diarahkan untuk membantu membuat semakan secara silang setiap bulan hasil daripada teguran audit.

Maklum balas PKD Johor Bahru

Semakan akan dibuat oleh Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29. Resit pembelian minyak difailkan mengikut tahun dan salinan resit ada dibuat setiap kali resit asal diterima.

xv) Kad Inden Minyak

- a) Penggunaan Kad Inden Minyak bercampur antara pembelian untuk semua aktiviti di PKD Johor Bahru iaitu pengisian minyak kenderaan bagi operasi pencegahan dan kawalan penyakit denggi.
- b) Kad Inden Minyak disimpan oleh Penyelia Stor yang tiada surat kuasa untuk menyimpan dan menggunakan kad tersebut.

Maklum balas PKD Johor Bahru

PKD Johor Bahru mengambil maklum dan telah membuat pelantikan Penolong Pegawai Kenderaan untuk memantau penggunaan kad minyak unit vektor iaitu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29 manakala pegawai yang menyelia untuk Kad Inden Minyak aktiviti *fogging* iaitu Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan pihak IPKKM dan PKD mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- IPKKM perlu memuktamadkan dengan kadar segera Pelan Strategik Denggi Kebangsaan 2021 - 2025 sebagai rujukan kepada PKD dalam melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit denggi.
- PKD perlu memastikan semua peraturan dalam garis panduan terhadap penyelenggaraan Buku Notis Kompaun, Notis Kompaun dan fail kompaun dilaksanakan seperti yang telah ditetapkan.
- PKD perlu memastikan pekeliling perolehan secara sebut harga dipatuhi sepenuhnya.
- JKN dan PKD perlu memastikan stok racun yang dibuat perolehan dan diterima masih belum tamat tempoh penggunaannya.
- PKD Johor Bahru perlu mengkaji semula kaedah penyimpanan stok diesel yang mana telah disimpan di tempat yang terbuka iaitu di kawasan pakir kenderaan.
- PKD perlu memastikan penyelenggaraan terhadap kad inden minyak perlu dilaksanakan mengikut pekeliling yang telah ditetapkan.

3.2.2 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI RAWATAN PSIKIATRI DI HOSPITAL PSIKIATRI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

 Objektif Pengauditan Untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti rawatan psikiatri di hospital psikiatri KKM telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mengikut peraturan ditetapkan.	 Skop Pengauditan Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan aktiviti rawatan psikiatri bagi tempoh tahun 2020 hingga Ogos 2022.
Peruntukan dan Perbelanjaan Bagi 3 Hospital Psikiatri Tahun 2020: - Peruntukan - RM256.16 juta - Belanja - RM267.79 juta (104.5%) Tahun 2021: - Peruntukan - RM259.95 juta - Belanja - RM273.07 juta (105%) Tahun 2022 (sehingga September): - Peruntukan - RM253.58 juta - Belanja - RM214.20 juta (84.5%)	 3 Hospital Psikiatri - Hospital Permai Johor Bahru, Johor - Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak - Hospital Mesra Bukit Padang, Sabah Soal Selidik Jumlah: 155 responden - Pegawai/ kakitangan hospital: 86 - Pesakit psikiatri: 69

A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, **pengurusan aktiviti rawatan psikiatri telah dilaksanakan dengan baik dan mencapai KPI yang telah ditetapkan** kecuali di Hospital Permai Johor Bahru (HPJB) bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2020 melibatkan satu daripada tiga (3) indikator sahaja. Bagi program MENTARI pula, pencapaian KPI MENTARI di HPJB dan Hospital Bahagia Ulu Kinta (HBUK) adalah baik. Bagaimanapun, pencapaian KPI di MENTARI Hospital Mesra Bukit Padang (HMBP) adalah kurang memuaskan kerana tidak dapat mencapai KPI yang ditetapkan berikutan peserta Program Sokongan Pekerjaan tidak dapat dihubungi, isu logistik, tidak berminat untuk bekerja dan berpindah.

Berdasarkan soal selidik, semua responden berpuas hati dengan pengurusan aktiviti rawatan psikiatri yang dilaksanakan dan rawatan psikiatri juga telah memberi manfaat kepada pesakit/ peserta program yang terlibat.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Pengurusan Kutipan Hasil

Tiada latihan berkenaan pengurusan kewangan telah dihadiri dalam tempoh tahun 2020 hingga November 2022 bagi pegawai yang membuat kutipan hasil di kaunter HPJB, HBUK dan HMBP.

Maklum balas Hospital Permai, Johor Bahru (HPJB)

Latihan telah dirancang dan akan dilaksanakan oleh Bahagian Kewangan HPJB. Cadangan tarikh pelaksanaan kursus/ latihan adalah pada 2 dan 9 Februari 2023 melibatkan pegawai yang mengutip hasil di HPJB, Mentari Pekan Nenas dan Mentari Masai.

Maklum balas Hospital Bahagia, Ulu Kinta (HBUK)

Unit Kewangan juga telah merancang Kursus Asas Pengurusan Hasil bagi Tahun 2023 kepada semua anggota yang telah diberi kuasa mengutip wang berdasarkan AP69 pada 14 Februari 2023.

Maklum balas Hospital Mesra Bukit Padang (HMBP)

Pihak hospital juga mengambil maklum perkara ini dan akan memastikan pegawai dapat menyertai kursus atau bengkel berkaitan pengurusan hasil misalnya bengkel anjuran pihak JKN Sabah yang biasanya dibuat setiap tahun.

ii) Pengurusan Kutipan Tahap Keselamatan di Wad Forensik Psikiatri

▪ HBUK

- Wad Forensik Psikiatri tiada ruang/ tempat khas untuk doktor menemu bual dan memeriksa pesakit;
- Tiada ruang khas untuk menempatkan pesakit agresif; dan
- Bilik isolasi yang terdapat di Wad Forensik tersebut tidak memenuhi kriteria sepatutnya dari aspek pengudaraan dan ruang bilik yang sepatutnya

bertutup. Ini kerana keadaan bilik isolasi tersebut adalah terbuka iaitu hanya dikelilingi oleh jaring (grill) besi sahaja.

Maklum balas HBUK

Unit Forensik Psikiatri HBUK telah mengemukakan kertas kerja bagi pembinaan bangunan HDU (High Dependency Unit) di ruangan lapang sedia ada di dalam kawasan wad forensik akut bagi menempatkan pesakit agresif/ *suicidal* dan juga bilik isolasi/ rawatan *medical*, namun belum diluluskan. Selain itu, Unit Forensik Psikiatri HBUK juga memohon untuk membina satu bangunan di ruang bertentangan dengan HDU untuk dijadikan sebagai tempat pegawai perubatan menemu bual/ merawat banduan-banduan.

▪ **HMBP**

- Peralatan CCTV di Wad Forensik Psikiatri HMBP telah rosak sejak 30 Ogos 2018. Temu bual pihak Audit bersama pegawai dan kakitangan di Wad Forensik tersebut memaklumkan keadaan ini menyukarkan kakitangan untuk memantau pergerakan pesakit.
- Wad Forensik Psikiatri juga mendapati keadaan pagar wad yang telah usang, berkarat serta tidak kukuh. Keadaan ini boleh menyumbang kepada risiko cubaan pesakit untuk melarikan diri dari wad.
- Telah memohon peruntukan daripada JKN Sabah bagi kerja menaik taraf dan kelulusan pelaksanaan kerja pembaikan kecil melalui rujukan surat PPHMBP(SB)199/04/1.5(19) Jld. 5 bertarikh 23 Mac 2022. Permohonan peruntukan tersebut termasuklah peruntukan kerja menaik taraf di Wad Forensik 7 dan 8 iaitu kerja menaik taraf pagar yang telah berusia 30 tahun bagi menggunakan pagar yang lebih selamat dengan nilai berjumlah RM343,105 dan kerja menaik taraf peralatan sistem CCTV berjumlah RM80,382. Bagaimanapun sehingga ke tarikh pengauditan pada 23 November 2022, HMBP masih belum menerima maklum balas daripada pihak JKN Sabah.

Maklum balas HMBP

Surat susulan telah dihantar ke Unit Perancang, Bahagian Perubatan JKNS dengan rujukan: PPHMBP(SB)199/04/1.5 Jld.5(33) bertarikh 5 Januari 2023.

iii) Keperluan Peralatan/ Aset

▪ HPJB

- Pemeriksaan fizikal di Wad Perubatan (Lavender) mendapati dua (2) unit *trolley assisted shower patient* yang berada di tandas wad tersebut telah usang dan rosak.
- Pemeriksaan fizikal Audit di Wad Tinggal Lama (Carnation) juga mendapati sofa di wad tersebut telah rosak dan usang.

Maklum balas HPJB

Pihak jabatan telah mengambil Tindakan mendapatkan sebut harga bagi pembaikan sebanyak 21 unit sofa *geriatric*. Sebanyak 7 unit sofa akan dibaiki terlebih dahulu dengan menggunakan dana sumbangan daripada Lembaga Pelawat HPJB. Manakala baki sofa akan dibaiki bergantung kepada peruntukan sedia ada yang diterima oleh pihak Jabatan pada tahun 2023.

▪ HBUK

Pemeriksaan fizikal Audit di Wad 1 Geriatrik (Lelaki) mendapati kerusi roda yang digunakan telah rosak, usang dan berkarat.

Maklum balas HBUK

Unit Penyeliaan PPP telah menghantar permohonan aset baru pada tahun 2019, 2020, 2021 dan 2022 ke KKM melalui JKN Perak manakala pada tahun 2023 permohonan aset dihantar ke CPRC KKM. Sehingga hari ini tiada kelulusan permohonan aset diperolehi.

▪ HMBP

- Pemeriksaan fizikal Audit di Wad 9 Geriatrik (Perempuan) mendapati katil yang digunakan tidak sesuai dan tidak selamat untuk pesakit warga emas di wad tersebut. Katil yang digunakan telah usang dan tiada pagar di tepi kiri dan kanan katil serta keadaan tilam juga telah rosak.
- Pemeriksaan fizikal Audit di Wad 10 Geriatrik (Lelaki) pula mendapati keadaan jaring nyamuk yang dipasang di *grill* tingkap telah reput dan rosak.

Maklum balas HMBP

Permohonan bagi pembelian katil telah dipohon melalui Sistem CPRC pada 29 Oktober 2022 dengan jumlah unit 30 bagi menggantikan katil yang sudah usang dan melebihi 30 tahun.

iv) Pengurusan MENTARI

▪ MENTARI Pekan Nenas, HPJB

- Sebuah *chiller* yang ditempatkan di bahagian dapur untuk aktiviti pesakit telah rosak.
- Pendingin hawa di pejabat tidak dibuat penyelenggaraan secara berkala.
- Tiada daftar aset bagi dua (2) unit pendingin hawa di Unit Farmasi.
- Keadaan suhu bilik yang panas di Unit Farmasi tidak sesuai untuk menyimpan ubat-ubatan.

Maklum balas HPJB

Chiller yang berada di CMHC Pekan - Isu ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Pengurusan Hospital pada 21 Disember 2022 dan juga Mesyuarat Validasi (VCM) untuk diambil perhatian oleh syarikat konsesi. Proses pelupusan juga belum dapat dilaksanakan disebabkan laporan teknikal tidak dapat dikeluarkan oleh pihak konsesi.

Penyelenggaraan pendingin hawa - Penyelenggaraan akan dibuat setelah pihak jabatan menerima peruntukkan di bawah MENTARI untuk tahun 2023. Tindakan penambahbaikan telah dilakukan dengan mendaftar kedua-dua unit pendingin hawa tersebut di bawah Aset Tak Alih HPJB.

▪ MENTARI HMBP

- Program Sokongan Pekerjaan telah dilaksanakan oleh Jurupulih Cara Kerja (OT) HMBP bukan di bawah program MENTARI.
- Aktiviti terapi rekreasi tidak dapat dilaksanakan disebabkan kekangan tempat/ ruang untuk melaksanakan aktiviti tersebut.

Maklum balas HMBP

Memo dalaman telah dikeluarkan bertarikh 12 Januari 2023 bagi mengatasi masalah ini.

v) Perolehan Secara Sebut Harga**▪ Kaedah Perolehan Secara Sebut Harga**

- Satu fail sebut harga di HMBP telah melaksanakan kaedah perolehan secara sebut harga dengan tidak tepat iaitu dengan melaksanakan kaedah Jawatankuasa Sebut Harga B walaupun nilai sebut harga tersebut melebihi RM100,000.

Maklum balas HMBP

Pihak Hospital mengakui salah kaedah perolehan yang sepatutnya Kaedah Penilaian 2 peringkat dan perlu menubuhkan Jawatankuasa Sebut Harga.

▪ Borang *Integrity Pact*

- Tiga (3) fail sebut harga di HBUK dan tiga (3) fail di HMBP tiada Akuan Pembida disediakan.
- Satu fail di HMBP tidak menubuhkan Jawatankuasa Sebut Harga.
- Satu fail di HBUK di mana surat akuan Lampiran B dan C bagi Pengerusi Jawatankuasa Teknikal iaitu Encik Muhammad Hafizi bin Sahari, Pegawai Farmasi Gred UF54 tidak disediakan.

Maklum balas HMBP

Untuk masa hadapan Pihak Hospital akan memastikan perkara ini dipatuhi.

Maklum balas HBUK

Jabatan mengambil maklum teguran audit berkaitan Akuan Pembida yang tidak disediakan. Tindakan penambahbaikan akan dilaksanakan bagi sebut harga mulai tahun 2023.

- **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian**

Satu fail sebut harga di HPJB, tiga (3) fail di HBUK dan tiga (3) fail di HMBP pula tidak menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan.

Maklum balas HPJB

Langkah penambahbaikan segera telah dilakukan terhadap sebut harga terkini dengan menyediakan minit mesyuarat Jawatankuasa Penilaian.

Maklum balas HBUK

Tindakan telah diambil dengan menyediakan Minit Mesyuarat dan dimasukkan ke dalam fail sebut harga yang berkaitan.

Maklum balas HMBP

Pihak Hospital akan memastikan perkara ini dipatuhi.

- **Laporan Jawatankuasa Penilaian**

Satu fail sebut harga di HMBP tidak menyediakan Laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan.

Maklum balas HMBP

Pihak Hospital mengakui salah kaedah perolehan yang sepatutnya Kaedah Penilaian 2 peringkat dan perlu menubuhkan Jawatankuasa Sebut Harga.

- **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga**

Dua (2) fail sebut harga di HPJB tidak menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga.

Maklum balas HPJB

Memastikan semua perolehan sebut harga selepas ini mesti menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga. Justeru itu, penambahbaikan telah dibuat terhadap sebut harga terkini.

vi) Arahan Pembayaran**▪ Rekod Kod Objek Di Baucar Bayaran**

Satu baucar bayaran di HPJB telah merekodkan kod objek dengan tidak tepat.

Maklum balas HPJB

Staf berkenaan telah diberikan peringatan supaya lebih berhati-hati pada masa hadapan.

▪ Bekalan Lewat Dibekalkan

Pembekalan barang melibatkan satu baucar bayaran masing-masing di HPJB dan HBUK telah melebihi tempoh masa yang sepatutnya.

Maklum balas HPJB

Tolakan bayaran penalti sebanyak RM200 bagi bekalan yang lewat diterima telah selesai dibuat melalui Pesanan Kontrak CO220000000115923.

Maklum balas HBUK

Tuntutan bayaran denda telah dikemukakan kepada pembekal Quality Reputation Sdn. Bhd. oleh pihak Farmasi. Pihak Farmasi dari masa ke semasa telah mendapatkan maklumbalas daripada pembekal dan pembekal memaklumkan tuntutan bayaran denda masih dalam proses dan sedang menunggu respon daripada pihak prinsipal.

▪ Tempoh Lanjutan Insurans Kerja

Kerja-kerja menaik taraf/ pembaikan melibatkan satu baucar bayaran di HPJB tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan dan pihak kontraktor telah memohon pelanjutan siap kerja. Pihak HPJB telah meluluskan tempoh pelanjutan siap kerja tetapi pihak kontraktor tidak melanjutkan tempoh insurans kerja.

Maklum balas HPJB

Peringatan juga telah diberikan kepada pegawai agar kesilapan sama tidak berulang di masa hadapan.

vii) Pengurusan Stor

- Baki stok yang direkodkan di tiga (3) Kad Petak tidak sama dengan baki fizikal di HMBP.

Maklum balas HMBP

Pihak hospital akan memastikan agar perkara ini tidak berulang dan mewajibkan *end-user* memohon terlebih dahulu dalam Sistem.

- Empat (4) pembelian alat tulis komputer tidak mempunyai Kad Petak di HMBP.

Maklum balas HMBP

Perkara ini terjadi kerana Kad Petak lokasi item tidak ditetapkan di dalam Sistem SPPA. Unit Stor telah membuat penambahbaikan untuk menetapkan lokasi item dalam Sistem SPPA.

- Satu Stor Farmasi di HMBP telah menyimpan stok di tingkat rak paling atas iaitu tidak mempunyai jarak 50 cm daripada siling.

Maklum balas HMBP

Tindakan yang telah dan akan dilakukan:

- ✓ Telah memohon projek ubahsuai/ meluaskan Stor Farmasi Logistik di bawah BP06 sejak tahun 2015 - 2019.
- ✓ Akan terus memohon setiap tahun bagi projek ubahsuai/ meluaskan Stor Farmasi Logistik di bawah BP06.

Tindakan jangka masa panjang: Sekiranya Blok Klinikal diperolehi dan sebahagian perkhidmatan Farmasi berpindah ke blok ini, maka sebahagian besar bangunan lama Farmasi akan dijadikan Stor penyimpanan ubat-ubatan.

viii) Pengurusan Aset

- Aset perubatan di ketiga-tiga hospital telah berusia melebihi 10 tahun.

Maklum balas HBUK

Pada tahun 2020 dan 2021, permohonan aset perubatan telah dikemukakan secara manual untuk kelulusan. Pada tahun 2022 permohonan aset perubatan

adalah melalui system CPRC hospital. Kelulusan permohonan aset adalah di bawah KKM.

Maklum balas HMBP

Unit Aset telah menghantar dan membuat pengesahan senarai peralatan perubatan bagi Program RTO (Rent-To-Own) atas inisiatif penggantian peralatan perubatan usang di fasiliti KKM di Sabah melalui email bertarikh 24 November 2022 kepada Unit Perancang, Bahagian Perubatan JKNS.

- Aset perubatan yang rosak di ketiga-tiga hospital tidak dapat diperbaiki oleh syarikat konsesi kerana alat ganti tiada di pasaran.

Maklum balas HMBP

Surat daripada pembekal kepada Pihak Sedafiat menyatakan bahawa alat ganti bagi Aset Perubatan *Nebulizer* dan *Defibrillator* telah dihentikan.

Maklum balas HBUK

Aset tiada alat ganti dipasaran.

- Aset yang dibawa keluar daripada pejabat di HPJB dan HMBP sama ada pinjaman atau bagi tujuan penyelenggaraan tidak mendapat kebenaran bertulis daripada Ketua Jabatan/ Pegawai Aset/ Pegawai Lain yang diberi kuasa oleh Ketua Jabatan.

Maklum balas HPJB

Langkah penambahbaikan telah diambil dengan meminta pegawai tersebut mengemukakan surat permohonan secara bertulis dan komputer riba juga telah dipulangkan oleh peminjam.

Maklum balas HMBP

Pihak hospital mengambil maklum agar perkara ini tidak dilakukan pada masa akan datang.

- Pelupusan aset lewat dilaksanakan di HMBP.

Maklum balas HMBP

Unit Aset akan menambah baik untuk memasukkan senarai permohonan ke dalam Mesyuarat JKPAK mulai tahun 2023.

- Aset yang rosak di HMBP masih belum dilupuskan.

Maklum balas HMBP

Permohonan bagi perlupusan dalam tindakan untuk menyediakan dokumentasi dan juga permohonan bagi penggantian baru telah mohon melalui Sistem CPRC pada 28 Oktober 2022.

- Pemohonan aset perubatan baharu/ penggantian bagi ketiga-tiga hospital masih belum diperoleh sehingga kini.

Maklum balas HPJB

Aset perubatan yang telah mendapat kelulusan dan telah dilaksanakan perolehan adalah seperti berikut: 2 unit *Commode Chair*, 4 unit *Wheel Chair*, 1 unit *Portable Chair Scale*, 1 set *Adaptive Testing*, 1 set *Persolity Test* dan 1 set WISC-V.

Maklum balas HBUK

Unit Penyeliaan PPP setiap tahun telah membuat permohonan aset perubatan baharu atau penggantian tetapi sehingga hari ini tiada kelulusan atau peruntukan untuk membeli aset tersebut.

Maklum balas HMBP

Unit Aset juga akan sentiasa membuat permohonan ke dalam Sistem pada tahun ini bergantung dengan dokumentasi yang lengkap diterima. Perkara ini juga akan dimasukkan ke dalam Mesyuarat JKPAK agar dapat diambil maklum dan tindakan kepada pihak yang terlibat untuk susulan.

ix) Pengurusan Kenderaan

- Kenderaan yang rosak ditempatkan di kawasan tidak berbumbung di HPJB dan HMBP.

Maklum balas HPJB

Tindakan penambahbaikan telah diambil dimana semua kenderaan telah ditempatkan di kawasan berbumbung dan telah dibersihkan.

Maklum balas HMBP

Pada 6 Januari 2023 ketiga-tiga kenderaan telah dipindahkan ke tempat berbumbung di ruangan Unit Fisioterapi.

- Pelupusan kenderaan lewat dilaksanakan di HPJB dan HMBP.

Maklum balas HPJB

Tindakan penambahbaikan akan diambil semasa Mesyuarat JKPAK Bil.4/2022 yang akan dilaksanakan pada 16 Januari 2023.

Maklum balas HMBP

Surat susulan telah dihantar ke JKR Cawangan Kejuruteraan Mekanikal Putatan dengan bertarikh 6 Januari 2023.

- Permohonan kenderaan baharu/ penggantian tidak dimaklumkan dan dibincangkan dalam mesyuarat JKPAK di ketiga-tiga hospital.

Maklum balas HPJB

Tindakan penambahbaikan akan diambil semasa Mesyuarat JKPAK bil.4/2022 yang akan dilaksanakan pada 16 Januari 2023.

Maklum balas HBUK

Mesyuarat JKPAK hanya membentangkan Laporan Pelupusan Kenderaan sama seperti ketetapan yang dilaksanakan di peringkat JKN Perak. Laporan pelupusan empat (4) buah kenderaan tersebut telah dilaporkan pada JKPAK Suku Ketiga (Julai - September) Tahun 2021. Manakala permohonan penggantian kenderaan tidak dilaporkan dalam JKPAK kerana ia telah

dibentangkan dalam Mesyuarat Unit Kenderaan HBUK. Bagi permohonan penggantian pula adalah dilaksanakan oleh Unit Pengangkutan & Ambulans HBUK dengan menghantar permohonan tersebut kepada pihak JKN Perak melalui Unit Pembangunan HBUK, berikutan proses pembelian kenderaan adalah dibawah peruntukan waran Pembangunan.

Maklum balas HMBP

Surat susulan bertarikh 12 Januari 2023 telah dihantar ke JKNS.

x) Kemudahan Kenderaan Bagi Perkhidmatan Rawatan Psikiatri Di PaKKM dan MENTARI

- Pasukan PaKKM HBUK tidak diperuntukkan sebarang kenderaan kerana HBUK tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi. Tempahan kenderaan perlu dibuat dan hanya akan diluluskan sekiranya tiada keperluan lain yang lebih mendesak. Pada masa ini pasukan PaKKM HBUK terpaksa menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan rawatan rehabilitasi pesakit di rumah/ komuniti serta membawa peralatan perubatan yang diperlukan.

Maklum balas HBUK

Kertas kerja untuk permohonan kenderaan jabatan untuk lawatan ke rumah bagi unit PaKMM, kertas kerja bersama memo dalaman telah buat dan dihantar kepada unit pembangunan pada 17 November 2022. Menunggu maklum balas dari Unit Pembangunan, HBUK untuk peringkat tertinggi (JKN).

- Pasukan PaKKM HMBP dikenali dengan Perkhidmatan Unit Komuniti Psikiatri (CMHT) tidak diperuntukkan sebarang kenderaan kerana HMBP juga tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi. Tempahan kenderaan perlu dibuat dan hanya akan diluluskan sekiranya tiada keperluan lain yang lebih mendesak.

Maklum balas HBUK

Surat susulan bertarikh 5 Januari 2023 telah dihantar.

- Unit MENTARI HBUK tidak diperuntukkan sebarang kenderaan kerana HBUK tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi. Tempahan kenderaan perlu dibuat dan hanya akan diluluskan sekiranya tiada keperluan lain yang lebih

mendesak. Pada masa ini Unit MENTARI terpaksa menggunakan kenderaan sendiri bagi menjalankan perkhidmatan perawatan di rumah dan Program Sokongan Pekerjaan.

Maklum balas HBUK

Kertas kerja untuk permohonan kenderaan jabatan untuk lawatan ke rumah bagi unit PaKMM, kertas kerja bersama memo dalaman telah buat dan dihantar kepada unit pembangunan pada 17 November 2022. Menunggu maklum balas dari Unit Pembangunan, HBUK untuk peringkat tertinggi (JKN).

- Unit MENTARI HMBP juga tidak diperuntukkan sebarang kenderaan kerana HMBP tidak mempunyai kenderaan yang mencukupi. Tempahan kenderaan perlu dibuat dan hanya akan diluluskan sekiranya tiada keperluan lain yang lebih mendesak.

Maklum balas HBUK

Surat susulan bertarikh 5 Januari 2023 telah dihantar.

xi) Keperluan Guna Tenaga/ Sumber Manusia

- Pengisian perjawatan melebihi waran perjawatan asal bagi pegawai Pakar Perubatan Jiwa di HPJB dan HBUK.

Maklum balas HPJB

Setelah mengambilkira pertambahan serta penolakan jawatan dalam waran tersebut (WP Bil. 161/2022). Perjawatan terkini terdapat lebih Pakar Perubatan Jiwa satu pegawai dan Pegawai Perubatan seramai empat (4) pegawai diisi jawatan tanpa waran.

Maklum balas HBUK

HBUK hanya menerima maklumbalas dari pihak JKN Perak secara lisan dengan memaklumkan sebarang waran baru berkaitan jawatan yang berkenaan akan dimaklumkan kemudian. Waran baru hanya boleh di keluarkan oleh pihak KKM.

- Pengisian perjawatan melebihi waran perjawatan asal bagi Pegawai Perubatan dan Pentadbir/ Klinikal Pegawai Perubatan di HBUK.
- Pengisian perjawatan pegawai perubatan dan paramedik di ketiga-tiga hospital masih belum diisi sepenuhnya mengikut waran perjawatan.

Maklum balas HMBP

Pengisian jawatan bagi Pegawai Perubatan adalah melalui JKN Sabah berdasarkan Data Perjawatan (JIK) yang dikemukakan setiap bulan. Pihak HMBP telah memohon perjawatan tambahan untuk tiga unit (Unit OPD, MENTARI dan OSH). Surat Permohonan maklum balas terhadap status permohonan ini telah dikemukakan ke JKN Sabah bertarikh 11 Januari 2023. Surat HMBP bertarikh 11 Januari 2023 telah dikemukakan ke JKN Sabah untuk memohon status permohonan perjawatan baharu bagi jawatan Jururawat di HMBP.

- Perjawatan pegawai dan kakitangan di MENTARI Kota Kinabalu tidak melaksanakan tugas secara sepenuh masa di MENTARI tetapi dalam masa yang sama juga melakukan tugas di HMBP.

Maklum balas HMBP


Untuk mengatasi kekurangan pegawai dan kakitangan di MENTARI pada masa sekarang, HMBP akan mengguna sama pegawai yang sedia ada dengan bantuan dua (2) orang Jurupulih Cara Kerja dari Unit Pemulihan Cara Kerja secara bergilir bagi mengurangkan beban anggota sedia ada. HMBP juga telah memohon untuk mendapatkan seorang perkhidmatan Personel MySTEP bagi jawatan Jurupulih Cara Kerja melalui surat bertarikh 13 Januari 2023.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan aktiviti rawatan psikiatri dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan, adalah disyorkan pihak Bahagian Perkembangan Perubatan IPKKM, JKN dan hospital/ MENTARI mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Memastikan latihan secara komprehensif diberikan kepada semua pegawai dan kakitangan berdasarkan bidang tugas masing-masing.
- Mempertimbangkan peruntukan kewangan kepada hospital psikiatri bagi mempertingkatkan tahap keselamatan di Wad Forensik Psikiatri, perolehan peralatan/ aset dan kenderaan baharu.
- Memastikan pengurusan MENTARI dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- Memastikan kaedah perolehan secara sebut harga dan arahan pembayaran dilaksanakan mengikut pekeliling yang berkuat kuasa.
- Memastikan pengurusan aset dan kenderaan Jabatan serta pengurusan stor dilaksanakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Memastikan pengisian perjawatan dibuat berdasarkan waran perjawatan yang telah diluluskan.
- Mengkaji semula masalah dan cadangan penambahbaikan yang perlu ditambah baik di hospital psikiatri seperti yang dicadangkan oleh responden bagi memastikan aktiviti rawatan psikiatri dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan pada masa akan datang.

3.2.3 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN TANAH KOSONG MILIK KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



A. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, prestasi tanah kosong milik KKM **masih kurang memuaskan** kerana terdapatnya tanah kosong yang tidak dibangunkan/ terbiar. Berdasarkan analisis Audit yang dilakukan secara keseluruhannya KKM mempunyai sebanyak 4,303 lot tanah dengan keluasan 53.94 juta meter persegi (m²). Hasil analisis Audit selanjutnya mendapati sebanyak 438 atau 10.2% lot tanah kosong dengan keluasan 10.14 juta m² atau 18.8%.

Analisis Audit selanjutnya ke atas soal selidik yang diedarkan kepada pegawai yang terlibat dengan pengurusan tanah mendapati seramai empat (4) atau 21.1% responden terlibat dalam pengurusan tanah untuk tempoh kurang daripada satu tahun, sembilan (9) atau 47.4% responden terlibat dalam pengurusan tanah di antara satu hingga lima (5) tahun dan bakinya seramai enam (6) atau 31.6% responden terlibat dalam pengurusan tanah melebihi lima (5) tahun. Selain itu, 10 atau 52.6% daripada 19 responden memaklumkan bahawa garis panduan/ senarai semak tidak disediakan sebagai rujukan dalam pengurusan tanah.

Analisis soal selidik terhadap penduduk yang tinggal di sekitar tanah kosong mendapati seramai tiga (3) atau 20% daripada 15 responden menyatakan tanah kosong di kawasan

mereka masih kosong tetapi dipenuhi belukar dan semak samun. Sebanyak 10 atau 66.7% responden pula menyatakan tanah kosong telah diceroboh manakala dua (2) atau 13.3% tanah dalam keadaan baik. Selain itu, seramai lima (5) atau 33.3% responden menyatakan pemantauan ada dilakukan oleh pihak KKM dan seramai 10 atau 66.7% responden menyatakan tiada pemantauan dilakukan oleh pihak KKM.

Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengurusan tanah kosong milik KKM diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah seperti berikut:

- i) Tanah kosong yang melebihi lima (5) tahun masih belum dibangunkan.
- ii) Perbezaan rekod tanah kosong di antara sistem e-Tanah dan rekod JKN.
- iii) Permohonan lanjutan pemilikan tanah kosong yang melebihi lima (5) tahun dan masih belum dibangunkan tidak dikemukakan kepada JKPTG.
- iv) Dokumen perjanjian penyewaan tanah kosong tidak diselenggarakan.
- v) Pencerobohan oleh orang awam telah berlaku terhadap tanah kosong milik KKM.
- vi) Kerosakan pagar dan papan tanda amaran serta hak milik bagi tanah kosong milik KKM.
- vii) Pegawai yang terlibat dalam pengurusan tanah masih belum menghadiri latihan.
- viii) Pemeriksaan fizikal yang dilaksanakan oleh PTJ tidak direkodkan sebagai bukti pemantauan terhadap tanah kosong milik KKM.

B. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan tanah kosong milik KKM adalah kurang memuaskan. Namun demikian, penambahbaikan boleh dilaksanakan dalam meningkatkan pengurusan tanah kosong milik KKM. Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengurusan tanah kosong milik KKM diuruskan dengan teratur, cekap dan berkesan adalah seperti berikut:

- i) Tanah kosong yang melebihi lima (5) tahun masih belum dibangunkan.**

Sebanyak 76 atau 70.4% daripada 108 bilangan lot tanah telah melebihi tempoh milikan lima (5) tahun iaitu antara lima (5) hingga melebihi 51 tahun.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Pihak Kementerian akan menyelaraskan dan mengemaskini data dalam sistem e-Tanah KKM dengan setiap JKN Negeri. Pihak Kementerian sedang dalam proses menaiktaraf sistem e-Tanah bagi tujuan penambahbaikan.

ii) Perbezaan rekod tanah kosong di antara sistem e-Tanah dan rekod JKN.

Berlaku perbezaan data bilangan lot tanah di antara rekod yang dimiliki oleh Unit Tanah, Bahagian Pembangunan IPKKM dengan JKN yang dilawati.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Di peringkat Kementerian, pengemaskinian adalah berdasarkan salinan hakmilik dan warta perizaban yang diterima. Pihak Kementerian akan menyelaraskan dan mengemaskini data di rekod tanah dengan setiap JKN Negeri dari masa ke semasa.

iii) Permohonan lanjutan pemilikan tanah kosong yang melebihi lima (5) tahun dan masih belum dibangunkan tidak dikemukakan kepada JKPTG.

Sebanyak 58 lot tanah kosong yang tidak dibangunkan melebihi tempoh lima (5) tahun tiada surat atau permohonan dikemukakan kepada JKPTG bagi tujuan permohonan lanjutan memiliki tanah yang tidak dibangunkan melebihi lima (5) tahun.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Pihak Kementerian melalui pihak JKPTG ada menawarkan tanah kosong yang tidak dibangunkan untuk ditukar guna kepada kementerian lain yang berminat. Selain itu, terdapat juga permohonan daripada jabatan/kementerian lain untuk menukar guna tanah daripada Kementerian Kesihatan Malaysia kepada kementerian lain.

iv) Dokumen perjanjian penyewaan tanah kosong tidak diselenggarakan.

Unit Tanah, Bahagian Pembangunan IPKKM/JKN tidak memperoleh/ mempunyai salinan perjanjian daripada pihak JKPTG.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Pihak Kementerian sentiasa memohon senarai penyewaan tanah terkini dengan

pihak JKPTG. Selain itu, pihak JKPTG juga akan memaklumkan sebarang keputusan penyewaan di atas tanah kegunaan KKM kepada Kementerian ini.

v) Pencerobohan oleh orang awam telah berlaku terhadap tanah kosong milik KKM.

Daripada 48 pemeriksaan fizikal, terdapat sebanyak 20 atau 41.7% lot tanah telah diceroboh oleh orang awam.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Aktiviti penguatkuasaan pencerobohan tanah akan dilaksanakan sekiranya projek dilaksanakan di atas tapak berkenaan dalam tempoh terdekat.

Maklum balas JKN Terengganu

PKD Dungun telah melaporkan kepada JKPTG pada 18 Mei 2022.

Maklum balas PKD Besut

Lot 10247 - Telah menerima permohonan rasmi daripada petani yang mengusahakan tanaman kontan untuk menggunakan rezab untuk bercucuk tanam. Bagaimanapun permohonan perlu diproses oleh JKPTG. Lot 1085 - Pengesahan sempadan telah dihantar kepada JKPTG pada 16 Mei 2022.

Maklum balas PKD Dungun

PKD telah melaporkan kepada JKPTG pada 18 Mei 2022 bagi tanah KK Kuala Jengai, KK Kerteh dan KK Paka.

Maklum balas PKD Hulu Terengganu

Tanah telah diserahkan semula kepada JKPTG melalui surat: Lot 4891 bertarikh 12 September 2017 dan Lot 1520 bertarikh 29 Jun 2016. Lot 5944 - Pemakluman pencerobohan telah dikemukakan kepada JKN pada 23 Jun 2022 dan Lot 10807 KD Basong - Laporan kepada JKPTG telah dihantar dan telah dipanjangkan kepada Pejabat Tanah Hulu Terengganu.

Maklum balas PKD Larut Matang Selama

Lot 5482, Mukim Sungai Tinggi, Daerah Larut bertarikh 28 April 2022. JKN Perak mengemukakan semula surat permohonan bertarikh 1 Jun 2022 untuk tindakan

pembetulan kerana terdapat kesilapan pada no. Lot 5482 di dalam laporan tersebut dalam ulasan Pen. Pegawai Tanah JKPTG. Lot 8472, Mukim Batu Kurau surat bertarikh 28 April 2022. Lot 167, Mukim Jebong, Daerah Larut Matang melalui surat bertarikh 28 April 2022.

Notis Pengosongan Tapak di Atas Tanah Milik Persekutuan Lot 167 Mukim Jebong, Daerah Larut Matang Selama melalui surat bertarikh 22 April 2022 telah disampaikan kepada pihak yang mendiami dan menduduki tapak tersebut oleh JKPTG Negeri Perak melalui surat bertarikh 22 April 2022. Lot PT 184, Mukim Batu Kurau, Daerah Larut Matang melalui surat bertarikh 28 April 2022.

Maklum balas Hospital Selama

Laporan Pemantauan Pencerobohan Tanah Milik KKM Di Lot 3207, Lot 2919 Dan Lot 1030 telah dihantar kepada JKN pada 25 Mei 2022. Laporan Pencerobohan Tanah Milik KKM Di Lot 3207, Lot 2919 Dan Lot 1030 Hospital Selama, Perak surat pelaporan pencerobohan telah dihantar kepada JKPTG Negeri Perak pada 17 Jun 2022.

Maklum balas Hospital Tapah

Bagi Lot 481 Surat Permohonan Semakan Dan Pelaporan Tanah Berkaitan Pencerobohan Tanah Milik Persekutuan Untuk Kegunaan Hospital Tapah melalui surat bertarikh 7 Jun 2022. Bagi Lot 879 Surat Permohonan Semakan Dan Pelaporan Tanah Berkaitan Pencerobohan Tanah Milik Persekutuan Untuk Kegunaan Hospital Tapah melalui surat bertarikh 7 Jun 2022.

Maklum balas PKD Kubang Pasu

Isu pencerobohan di KD Sungai Korok telah diminitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Tanah Persekutuan Negeri Kedah Bil. 2/2016 pada 3 November 2016. Berdasarkan perbincangan, Mesyuarat Bil. 1/ 2018 bertarikh 22 April 2018 bersetuju perkara ini digugurkan daripada minit dan tindakan diambil apabila KKM mempunyai perancangan pembangunan di atas tapak.

Maklum balas PKD Pendang

Surat permohonan peruntukan telah dikemukakan kepada JKN Kedah melalui surat bertarikh 13 Jun 2022 dan dipanjangkan kepada KKM pada 20 Jun 2022. Kerja-

kerja akan dilaksanakan setelah peruntukan diterima daripada KKM.

vi) Kerosakan pagar dan papan tanda amaran serta hak milik bagi tanah kosong milik KKM

Sebanyak 26 atau 54.2% daripada 48 lot tanah telah dipagar, manakala sebanyak 22 atau 45.8% lot tanah tidak berpagar.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Kementerian akan meluluskan permohonan peruntukan bagi tujuan pemagaran yang dimohon oleh JKN.

Maklum balas JKN Terengganu

Mesyuarat memutuskan semua PTJ mengemukakan anggaran kos pemagaran untuk diangkat ke KKM sebelum 30 Jun 2022. Proses pemagaran akan dibuat secara berperingkat.

Maklum balas JKN Perak

Pada 7 Jun 2022, JKN Kedah telah menghantar surat kepada semua PTJ seliaan untuk mengemukakan permohonan peruntukan kerja-kerja ukur tanah/ pemagaran/ pemasangan papan tanda untuk diselaraskan dan dikemukakan kepada KKM.

Maklum balas JKN Kedah

Pada 7 Jun 2022, JKN Kedah telah menghantar surat kepada semua PTJ seliaan untuk mengemukakan permohonan peruntukan kerja-kerja ukur tanah/ pemagaran/ pemasangan papan tanda untuk diselaraskan dan dikemukakan kepada KKM.

vii) Pegawai yang terlibat dalam pengurusan tanah masih belum menghadiri latihan

Seramai 21 atau 60% pegawai tidak pernah menghadiri latihan berkaitan tanah bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

Kementerian telah menganjurkan kursus pengurusan dan pemantauan tanah bagi tahun 2021 dan 2022 kecuali pada tahun 2020 tidak dapat dianjurkan atas faktor pandemik. Kursus ini dihadiri oleh peserta-peserta dari setiap JKN Negeri.

viii) Pemeriksaan fizikal yang dilaksanakan oleh PTJ tidak direkodkan sebagai bukti pemantauan terhadap tanah kosong milik KKM

Pemantauan secara fizikal telah dilaksanakan namun ianya tidak direkod dan didokumenkan.

Maklum balas Unit Tanah, Bahagian Pembangunan

▪ Mesyuarat Pemantauan

Menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Pemantauan Tanah yang dilaksanakan enam (6) kali setahun yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesihatan Malaysia.

▪ Pemantauan Secara Fizikal

Dilaksanakan sekiranya terdapat isu. Selebihnya pemantauan akan dilaksanakan oleh setiap JKN Negeri berkaitan dan diselaraskan dengan pihak Kementerian.


C. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan tanah kosong milik KKM dapat dilaksanakan dengan lebih teratur, cekap dan berkesan adalah disyorkan supaya KKM/JKN/PKD/Hospital mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- Unit Tanah, Bahagian Pembangunan IPKKM dan JKN perlu mengenal pasti perbezaan dan membuat penyelarasan maklumat antara satu sama lain untuk memastikan ketepatan rekod tanah.
- Tanah yang tidak sesuai untuk sebarang projek pembangunan bagi KKM hendaklah diserahkan semula kepada JKPTG untuk diagihkan kepada pengguna lain yang lebih memerlukan.

- KKM perlu mengkaji semula peruntukan kewangan dan keperluan bagi peruntukan membuat pemagaran dan papan tanda tanah kosong untuk mengelakkan pencerobohan oleh orang awam dan pihak yang tidak berkaitan.
- Latihan berhubung pengurusan tanah perlu diberikan kepada pegawai yang terlibat bagi memastikan pengetahuan berkaitan dapat dipertingkatkan.
- Pemantauan fizikal secara berkala perlu dilaksanakan di peringkat JKN/ PKD/ Hospital bagi memastikan tanah kosong milik KKM sentiasa dalam keadaan baik dan tidak diceroboh oleh orang awam dan pihak yang tidak berkaitan.

3.2.4 PENGAUDITAN TERHADAP ADUAN AWAM YANG DILAKSANAKAN MELALUI SISTEM PENGURUSAN ADUAN AWAM (SiSPAA) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (KKM)



A. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, **pengurusan aduan di KKM yang diuruskan oleh Unit Komunikasi Korporat (UKK) adalah baik.** Analisis Audit bagi tempoh tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 mendapati sebanyak 92,882 maklum balas diterima berdasarkan status kes oleh pihak UKK KKM. Secara keseluruhannya berlaku peningkatan penerimaan maklum balas dari tahun 2019 sehingga 2021 yang diterima oleh pihak KKM.

Analisis Audit mendapati bagi tempoh tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 terdapat sebanyak 32,439 daripada 92,882 merupakan aduan yang diterima berkaitan KKM. Pihak Audit mendapati jumlah aduan tersebut adalah tidak tepat kerana sebanyak 206 aduan turut melibatkan aduan terhadap swasta dan *Crisis Preparedness and Response Centre* (CPRC). Sebanyak 31,495 (97.1%) daripada 32,439 aduan yang diterima telah diselesaikan bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022. Selain itu hanya sebanyak 944 (2.9%) aduan masih dalam siasatan/penugasan. Manakala bagi aduan yang melibatkan gangguan di tempat kerja mendapati sebanyak 441 (89.8%) daripada 491

aduan telah diterima pada tahun 2021 telah diselesaikan dan ditutup. Manakala sebanyak 50 (10.2%) aduan masih dalam siasatan/ penugasan.

Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengurusan aduan awam diuruskan dengan lebih teratur, cekap dan diambil tindakan/diselesaikan dalam tempoh yang ditetapkan adalah seperti berikut:

- i) Bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022 terdapat 1,467 maklum balas yang tidak diambil tindakan. Sebanyak 1,030 maklum balas pada tahun 2021 dan 437 sehingga 31 Mei 2022.
- ii) Terdapat sebanyak 24 aduan yang memerlukan tindakan oleh pihak KKM namun aduan tersebut telah ditolak, dibatal atau dipanjangkan kepada Kementerian/Jabatan lain.
- iii) Bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Kadar Penyelesaian Keseluruhan Aduan telah tercapai iaitu melebihi 90% daripada KPI yang ditetapkan iaitu antara 94.1% hingga 99.9%.
- iv) Pencapaian KPI Aduan Biasa bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 adalah 91.2% sehingga 93.7%. Setakat 31 Mei 2022 sebanyak 197 aduan masih dalam siasatan/penugasan.
- v) Pencapaian KPI Aduan Kompleks bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 adalah 70.8% sehingga 97.6%. Setakat 31 Mei 2022 sebanyak 581 aduan masih dalam siasatan/penugasan.
- vi) Sebanyak 50 (25.0%) daripada 200 sampel yang dipilih telah didaftarkan/ disaring melebihi tempoh tiga (3) hari iaitu antara empat (4) hingga 30 hari bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022.
- vii) Terdapat sebanyak tujuh (7) aduan yang diterima masih lagi dalam proses menunggu penugasan melibatkan aduan dari tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022 antara 73 hingga 303 hari.
- viii) Kelewatan tempoh penyelesaian aduan di mana bagi aduan kategori biasa sebanyak 1,761 aduan telah ditutup melebihi 15 hari iaitu antara 16 hingga 632 hari dan bagi aduan kompleks pula sebanyak 76 aduan ditutup melebihi 365 hari iaitu antara 366 hingga 805 hari.
- ix) Sebanyak 46 daripada 100 sampel aduan yang telah ditutup Cawangan Audit Dalam, Kementerian Kesihatan Malaysia 3 antara tempoh tiga (3) hingga 92 hari masih

belum selesai sepenuhnya dan menyebabkan terdapat aduan berulang di fasiliti kesihatan yang sama diadukan antara dua (2) hingga empat (4) kali dalam tahun yang sama.

- x) Sebanyak 726 daripada 976 penarafan diberikan penarafan cemerlang, 60 baik, 38, 20 dan 132 masing-masing memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan.
- xi) Bagi tahun 2021 sebanyak 25 aduan gangguan di tempat kerja yang telah selesai namun masih belum ditutup manakala sehingga 31 Mei 2022 sebanyak 10 aduan masih belum ditutup.
- xii) Sebanyak 25 (25%) daripada 100 aduan telah lewat diselesaikan melibatkan aduan tahap biasa bagi kategori gangguan di tempat kerja.
- xiii) Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai aduan gangguan di tempat kerja tertinggi iaitu melibatkan 25 aduan diikuti dengan negeri Sarawak dan Pulau Pinang masing-masing sebanyak 11 aduan bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022.
- xiv) Daripada 277 aduan gangguan di tempat kerja yang diterima bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 65 aduan adalah melibatkan kategori Pegawai Perubatan diikuti dengan Pengarah Hospital dan Ketua Jururawat (Matron) iaitu masing-masing sebanyak 45 dan 42 aduan.

B. PENEMUAN AUDIT

Pengurusan Terhadap Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) oleh UKK, KKM didapati baik. Namun demikian, penambahbaikan boleh dilaksanakan dalam meningkatkan pengurusan SiSPAA di KKM. Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengurusan SiSPAA diuruskan dengan teratur dan cekap adalah seperti berikut:

i) Maklum Balas Yang Tidak Diambil Tindakan

Bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022 terdapat 1,467 maklum balas yang tidak diambil tindakan. Sebanyak 1,030 maklum balas pada tahun 2021 dan 437 sehingga 31 Mei 2022.

Maklum balas UKK

Pihak UKK akan mengadakan satu sesi perbincangan bersama BKP bagi membincangkan penyelesaian kes tersebut.

ii) Pengesahan Maklum Balas Yang Ditolak/ Batal dan Dipanjangkan Ke Agensi Lain

Terdapat sebanyak 24 aduan yang memerlukan tindakan oleh pihak KKM namun aduan tersebut telah ditolak, dibatal atau dipanjangkan kepada Kementerian/Jabatan lain.

Maklum balas UKK

Akan memberi penekanan dan penjelasan kepada Penyelaras Aduan dalam proses pembatalan dan penolakan aduan dan akan membangkitkan perkara ini di dalam Mesyuarat JKPA Bil 2/2022 dan Bengkel Pemantapan SiSPAA.

iii) KPI Kadar Penyelesaian Keseluruhan Aduan

Bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi Kadar Penyelesaian Keseluruhan Aduan telah tercapai iaitu melebihi 90% daripada KPI yang ditetapkan iaitu antara 94.1% hingga 99.9%.

Maklum balas UKK

UKK sentiasa memantau pencapaian KPI bagi peratusan penyelesaian keseluruhan aduan iaitu sebanyak 90% aduan selesai. Statistik pencapaian tersebut turut dilaporkan dalam Laporan Pengurusan Aduan KKM yang dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aduan Awam KKM.

iv) KPI Penyelesaian Aduan Biasa

Pencapaian KPI Aduan Biasa bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 adalah 91.2% sehingga 93.7%. Setakat 31 Mei 2022 sebanyak 197 aduan masih dalam siasatan/ penugasan.

Maklum balas UKK

Melalui SiSPAA, Penyelaras Aduan akan menerima Peringatan Mesra penyelesaian aduan bagi Aduan Biasa secara automatik pada hari ke 10 dan hari ke 13. Pihak UKK sentiasa memberi peringatan kepada penyelaras aduan melalui Mesyuarat yang diadakan agar SiSPAA digunakan secara optimum dalam pengurusan aduan KKM.

v) KPI Penyelesaian Aduan Kompleks

Pencapaian KPI Aduan Kompleks bagi tahun 2019 sehingga 31 Mei 2022 adalah 70.8% sehingga 97.6%. Setakat 31 Mei 2022 sebanyak 581 aduan masih dalam siasatan/ penugasan.

Maklum balas UKK

Bagi pemantauan kes yang melebihi tempoh penyelesaian, mulai Ogos 2022, pihak UKK telah menyediakan Laporan Pemantauan Penyelesaian Aduan. Laporan ini adalah berdasarkan aduan yang telah diterima melebihi 365 hari tetapi belum diselesaikan. Laporan tersebut akan dikemukakan kepada Bahagian/ Institusi/ JKN yang berkaitan secara bulanan untuk mendapatkan status terkini aduan.

vi) Pendaftaran/ Saringan Maklum Balas Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

Sebanyak 50 (25.0%) daripada 200 sampel yang dipilih telah didaftarkan/disaring melebihi tempoh tiga (3) hari iaitu antara empat (4) hingga 30 hari bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022.

Maklum balas UKK

Tindakan penambahbaikan yang telah dilaksanakan oleh pihak UKK adalah dengan menerima aduan tersebut dibawah penugasan UKK sementara mendapatkan maklumat sebelum membuat penugasan semula kepada PTJ yang berkenaan.

vii) Aduan Masih Dalam Tempoh Menunggu Penugasan

Terdapat sebanyak tujuh (7) aduan yang diterima masih lagi dalam proses menunggu penugasan melibatkan aduan dari tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022 iaitu antara 73 hingga 303 hari.

Maklum balas UKK

Pihak UKK akan memberi penekanan berkaitan pengurusan maklum balas aduan melalui Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KKM yang dijadual diadakan pada 18 dan 19 Oktober 2022.

viii) Kelewatan Tempoh Penyelesaian Aduan

Kelewatan tempoh penyelesaian aduan di mana bagi aduan kategori biasa sebanyak 1,761 aduan telah ditutup melebihi 15 hari iaitu antara 16 hingga 632 hari dan bagi aduan kompleks pula sebanyak 76 aduan ditutup melebihi 365 hari iaitu antara 366 hingga 805 hari.

Maklum balas UKK

Pihak UKK akan memberi penekanan berkaitan pengurusan maklum balas aduan kepada penyelaras melalui Bengkel Pemantapan Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA) KKM yang dijadual diadakan pada 18 dan 19 Oktober 2022.

ix) Aduan Yang Memerlukan Siasatan/ Pemerhatian Lanjut

Sebanyak 46 daripada 100 sampel aduan yang telah ditutup antara tempoh tiga (3) hingga 92 hari masih belum selesai sepenuhnya dan menyebabkan terdapat aduan berulang di fasiliti kesihatan yang sama diadukan antara dua (2) hingga empat (4) kali dalam tahun yang sama.

Maklum balas UKK

Pihak UKK akan menjalankan *task force* pemutihan SiSPAA pada bulan Oktober 2022 bagi memastikan aduan yang telah selesai dapat dikemaskini dalam SiSPAA.

a) Penarafan Terhadap Penyelesaian Aduan

Sebanyak 726 daripada 976 penarafan telah diberikan penarafan cemerlang, 60 baik, 38; 20 dan 132 masing-masing memuaskan, kurang memuaskan dan tidak memuaskan.

Maklum balas UKK

Peratusan pengadu yang membuat penarafan adalah sedikit berbanding pengadu yang membuat aduan dan ianya adalah di luar kawalan UKK. Laporan

penarafan ke atas penyelesaian aduan akan disediakan sebagai input dalam *Malaysian Government Performance Index (MyGPI)*.

b) Penyelesaian Aduan Gangguan Di Tempat Kerja

Bagi tahun 2021 sebanyak 25 aduan gangguan di tempat kerja yang telah selesai namun masih belum ditutup manakala sehingga 31 Mei 2022 sebanyak 10 aduan masih belum ditutup.

Maklum balas UKK

Pihak UKK akan menjalankan satu *task force* pemutihan SiSPAA pada bulan Oktober 2022 bagi memastikan aduan yang telah selesai dapat dikemaskini dalam SiSPAA.

c) Kelewatan Penyelesaian Aduan Gangguan Di Tempat Kerja

Sebanyak 25 (25%) daripada 100 aduan telah lewat diselesaikan melibatkan aduan tahap biasa bagi kategori gangguan di tempat kerja.

Maklum balas UKK

Perkara ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat JKPA Bil. 2/2022 yang akan diadakan pada bulan Oktober 2022. Bagi pemantauan kes melebihi tempoh penyelesaian, mulai Ogos 2022, pihak UKK telah menyediakan Laporan Pemantauan Aduan.

d) Gangguan Di Tempat Kerja Mengikut Negeri Dan Pusat Tanggungjawab

Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai aduan gangguan di tempat kerja tertinggi iaitu melibatkan 25 aduan diikuti dengan negeri Sarawak dan Pulau Pinang masing-masing sebanyak 11 aduan bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022.

Maklum balas UKK

Perkara ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat JKPA KKM Bil 2/2022 yang akan diadakan pada bulan Oktober 2022 untuk perhatian Pengurusan Tertinggi KKM.

e) Aduan Gangguan Di Tempat Kerja Melibatkan Kategori Perjawatan

Daripada 277 aduan gangguan di tempat kerja yang diterima bagi tempoh tahun 2021 sehingga 31 Mei 2022, sebanyak 65 aduan adalah melibatkan kategori

Pegawai Perubatan diikuti dengan Pengarah Hospital dan Ketua Jururawat (Matron) iaitu masing-masing sebanyak 45 dan 42 aduan.

Maklum balas UKK


Perkara ini akan dibangkitkan dalam Mesyuarat JKPA KKM Bil. 2/2022 yang akan diadakan pada bulan Oktober 2022 untuk perhatian Pengurusan Tertinggi KKM.

C. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan terhadap aduan awam melalui SiSPAA dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap adalah disyorkan supaya KKM/JKN/PKD/hospital mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- Memastikan semua aduan yang diuruskan melalui SiSPAA diselesaikan mengikut garis panduan yang ditetapkan terutamanya bagi tempoh penyelesaian siasatan dan pematuhan terhadap *Standard Operating Procedure* (SOP).
- Menetapkan tempoh masa pemakluman status siasatan kepada pengadu secara berkala terutamanya melibatkan aduan kompleks yang mengambil masa yang lama.
- Mengkaji dan mengambil tindakan penambahbaikan ke atas aduan yang mendapat penarafan kurang memuaskan.
- Memastikan pegawai yang terlibat dengan pengurusan aduan awam diberikan latihan yang mencukupi dan bersesuaian.
- Memastikan semua perkara yang perlu dibincangkan dalam mesyuarat JKPA telah diambil tindakan.

3.2.5 PENGAUDITAN TERHADAP PEGAWAI YANG DIKENAKAN TINDAKAN TATATERTIB DAN DIRUJUK KEPADA MEDICAL BOARD DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya **pengurusan terhadap pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dan dirujuk kepada *medical board* adalah baik**. Analisis Audit mendapati di dua (2) hospital yang dilawati iaitu Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu (HSNZ) dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru (HSA), sebanyak 79 daripada 99 kes tindakan tatatertib dan 19 daripada 20 kes *medical board* telah diselesaikan bagi tempoh tahun 2020 sehingga 2022. Pencapaian *outcome* hasil daripada maklum balas soal selidik yang diterima adalah baik di mana responden berpendapat tindakan segera perlu diambil bagi mengurangkan beban tugas pegawai lain dan tindakan segera perlu diambil bagi menyelesaikan tindakan kes tatatertib dan *medical board*. Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan pengurusan terhadap pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dan dirujuk kepada *medical board* diuruskan dengan lebih teratur dan cekap adalah seperti berikut:

i) Pengurusan Tindakan Tatatertib

- a) Tempoh melaporkan pelanggaran peraturan-peraturan penjawat awam di HSNZ dan HSA adalah antara tujuh (7) hingga 325 hari;
- b) Kelewatan mengeluarkan Surat Arahan Kembali Bertugas di HSNZ dan HSA adalah di antara enam (6) hingga 73 hari;
- c) Tindakan Ketua Unit memohon Surat Tunjuk Sebab (STS) di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 12 hingga 346 hari;
- d) Penubuhan bagi LTT di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 47 hingga 1,533 hari;
- e) Penyelesaian kes tatatertib di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 98 hingga 1,508 hari;
- f) Tunggakan dua (2) kes lebihan bayaran emolumen di HSA berjumlah RM5,488.25 masih belum dijelaskan;
- g) Keputusan yang ditetapkan oleh LTT (No.2) adalah tidak bersamaan dengan LTT (No.1) di peringkat KKM; dan
- h) Pegawai yang disaring dan disahkan mengambil dadah tidak diambil tindakan.

ii) Pengurusan *Medical Board*

- a) Permohonan penubuhan *medical board* mengambil masa sehingga 313 hari;
- b) Permohonan cuti lanjutan separuh gaji mengambil masa antara 13 hingga 66 hari;
- c) Surat Aku Janji Pengesahan Pencalonan Ahli Lembaga Perubatan (PLP B6) tidak disediakan; dan
- d) Permohonan dan keputusan Ex-Gratia mengambil masa yang lama iaitu antara 408 hingga 856 hari.

B. PENEMUAN AUDIT

Pengurusan terhadap pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dan dirujuk kepada *medical board* **adalah baik**. Namun demikian, penambahbaikan boleh dilaksanakan dalam meningkatkan pengurusan pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dan dirujuk kepada *medical board* di KKM. Penemuan penting yang perlu diberi perhatian untuk memastikan ianya diuruskan dengan teratur dan cekap adalah seperti berikut:

i) Pengurusan Tindakan Tatatertib

- a) Tempoh melaporkan pelanggaran peraturan-peraturan penjawat awam di HSNZ dan HSA adalah antara tujuh (7) hingga 325 hari.

Maklum balas HSNZ

Kes jenayah adalah di luar kawalan urus setia tatatertib Jabatan kerana melibatkan pihak luar.

Maklum balas HSA

Penambahbaikan yang dilakukan HSA adalah dengan mengadakan satu taklimat kepada semua Ketua Jabatan/ Ketua Unit berhubung dengan proses dan prosedur tatatertib telah diberikan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi pada 15 Mac 2020. Selain itu, Unit Sumber Manusia juga telah mengadakan taklimat berkaitan melalui Mesyuarat Pengurusan Tertinggi bersama Pegawai Perubatan (Pengurusan Klinikal) pada 21 Ogos 2022.

- b) Kelewatan mengeluarkan Surat Arahan Kembali Bertugas di HSNZ dan HSA adalah di antara enam (6) hingga 73 hari bagi 10 kes tidak hadir bertugas (THB).

Maklum balas HSNZ

Surat AKB telah dikeluarkan pada 1 Julai 2021. Kelewatan adalah disebabkan Penyelia dimaklumkan oleh pegawai beliau mengambil Cuti Tanpa Gaji tetapi setelah menyemak dengan Unit Perkhidmatan, didapati tiada permohonan telah dibuat. Tempoh masa diambil bagi memberi peluang pegawai menghantar permohonan Cuti Tanpa Gaji sebelum memulakan kes THB.

Maklum balas HSA

Arahan bagi mengemukakan AKB tersebut telah disempurnakan oleh Jabatan. Sehingga kini, pihak berkuasa tatatertib peringkat SPA dan KKM menerima dokumen AKB tersebut dan memproses laporan tatatertib yang dikemukakan oleh pihak Jabatan.

- c) Tindakan Ketua Unit memohon Surat Tunjuk Sebab (STS) di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 12 hingga 346 hari bagi 17 kes ketidakhadiran atau kegagalan mengetik kad perakam waktu.

Maklum balas HSNZ

Laporan ke Unit Integriti KKM telah dihantar pada 22 April 2020 dan pegawai telah dikenakan hukuman amaran melalui LTT Kumpulan Sokongan (No.2) berkuatkuasa 15 Mac 2018.

Maklum balas HSA

Pihak Urus Setia telah mengarahkan Ketua Jabatan/ Unit untuk mengemukakan STS bagi memberi ruang hak untuk didengar kepada anggota tersebut dan bagi tujuan kebajikan sebelum prosedur tatatertib diteruskan. Bagi kes seorang pegawai perubatan, pihak HSA diarahkan oleh Unit Integriti KKM untuk mengemukakan salinan kenyataan perkhidmatan, kenyataan cuti, alamat kediaman terkini dan surat pengesahan sekiranya pegawai didapati melakukan kesalahan tatakelakuan sejak bertugas di HSA mulai 2 Januari 2018. Dokumen lengkap telah dikemukakan ke Unit Integriti KKM pada 29 April 2021.

- d) Penubuhan bagi LTT di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 47 hingga 1,533 hari bagi 28 kes yang dilaporkan.

Maklum balas HSNZ

HSNZ memaklumkan kelewatan penubuhan Lembaga Tatatertib sebanyak 542 hari disebabkan kes berlaku dan dilaporkan di HTAA, Pahang dan pegawai sedang dalam tindakan tatatertib semasa beliau bertugas di HTAA. Bagaimanapun, keputusan LTT telah menetapkan hukuman Buang Kerja berkuatkuasa 11 Januari 2021 dan surat keputusan telah disalinkan kepada SPA oleh HTAA pada 23 Januari 2020 dan salinan surat pertuduhan oleh SPA pada 23 September 2020.

Maklum balas HSA

HSA memaklumkan penubuhan Lembaga Tatatertib Kumpulan Sokongan (No.2) HSA adalah bagi kes yang patut dikenakan hukuman yang lebih ringan daripada buang kerja atau turun pangkat. Penubuhan Lembaga akan dilaksanakan setelah

dokumen sokongan lengkap. Bagi kes pelanggaran tata kelakuan kumpulan Pengurusan dan Profesional dan kumpulan Pelaksana dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat adalah di bawah bidang kuasa LTT (No.1) peringkat KKM. Sehubungan itu, tempoh kelewatan penubuhan Lembaga Tatatertib adalah di luar bidang kuasa HSA. Dokumen telah dihantar ke Unit Integriti KKM untuk tindakan pihak KKM.

Maklum balas Unit Integriti

Penubuhan LTT Kumpulan Sokongan No.2 Jabatan/ Institusi KKM adalah secara automatik. Tempoh dalam pernyataan CAD ini adalah merujuk kepada tarikh Mesyuarat Lembaga Tatatertib (MLTT) bersidang, bukan tempoh penubuhan LTT.

- e) Penyelesaian kes tatatertib di HSNZ dan HSA mengambil masa antara 98 hingga 1,508 hari bagi 28 kes tatatertib yang dilaporkan.

Maklum balas HSNZ

Bagi tempoh penyelesaian kes tatatertib sebanyak 388 hari, kes telah berlaku pada 22 September 2020 dan laporan diterima daripada Ketua Jabatan pada 18 Oktober 2020. Kes tersebut telah selesai pada 13 April 2022. Penyelesaian mengambil masa yang lama disebabkan laporan lewat diterima selama 19 hari. Manakala surat AKB pula dikeluarkan pada 1 November 2020 dan sesi kaunseling pada 24 November 2020. Mesyuarat Jawatankuasa Etika HSNZ pula diadakan pada 14 Januari 2021 dan laporan ke KKM bagi Hukuman Buang Kerja pada 24 Jun 2021.

Maklum balas HSA

Pihak Jabatan telah mengambil tindakan/ kawalan dalaman sebelum penyelesaian kes tatatertib seperti pemotongan emolumen bagi tempoh pegawai tidak hadir bertugas berdasarkan laporan awal daripada Jabatan/ Unit dan dokumen sokongan/ bukti; tindakan pemberhentian emolumen bagi kes pegawai THB secara berterusan; dan bayaran gaji secara baucar bagi tujuan pemantauan kehadiran dan bagi mengelakkan ABT Jabatan.

- f) Tunggakan dua (2) kes lebih bayaran emolumen di HSA berjumlah RM5,488.25 masih belum dijelaskan.

Maklum balas HSA

Jabatan juga telah mengemukakan surat peringatan selanjutnya bagi tujuan kutipan ABT daripada pegawai. Tindakan kutipan akan diteruskan dengan mendapatkan pandangan Penasihat Undang-undang Kementerian.

- g) Keputusan yang ditetapkan oleh LTT (No.2) bagi dua (2) pegawai di HSNZ adalah tidak bersamaan dengan LTT (No.1) di peringkat KKM.

Maklum balas HSNZ

HSNZ memaklumkan perbezaan hukuman yang dijatuhkan di peringkat LTT Kumpulan Sokongan (No.2) dengan LTT Kumpulan Sokongan (No.1) Jabatan dan Institusi KKM adalah di luar bidang kuasa peringkat PTJ Negeri.

Maklum balas Unit Integriti

Keputusan LTT adalah berbeza kerana ia diputuskan oleh Lembaga yang berbeza dan merit kes. Penentuan hukuman tatatertib adalah tertakluk kepada Pengerusi dan Ahli Lembaga Tatatertib berkenaan.

- h) Pegawai yang disaring dan disahkan mengambil dadah oleh AADK pada 22 Mac 2021 di HSNZ tidak diambil tindakan.

Bermula 21 April 2021 sehingga sekarang pegawai masih tidak hadir bertugas. Perakuan kes THB kali pertama telah dihantar ke Unit Integriti, KKM dan keputusan hukuman adalah Turun Gaji sebanyak satu pergerakan gaji bagi tempoh 36 bulan mengikut peraturan 38 (e) berkuatkuasa 23 Februari 2022. Kes diperaku kali kedua ke KKM dan Surat Pertuduhan dikeluarkan pada 23 Disember 2022.

ii) Pengurusan *Medical Board*

- a) Permohonan penubuhan *medical board* mengambil masa yang lama sehingga 313 hari.

Maklum balas HSNZ

Kelewatan berlaku disebabkan pegawai tidak mendapatkan rawatan di HSNZ. Sijil cuti sakit lambat diserahkan dan sukar untuk menghubungi pegawai untuk mendapatkan persetujuan/ kebenaran kepada majikan mendapatkan Laporan Perubatan dari hospital yang merawat sebelum mengangkat permohonan penubuhan Lembaga Perubatan.

- b) Permohonan cuti lanjutan separuh gaji bagi dua (2) pegawai di HSNZ mengambil masa antara 13 hingga 66 hari.

Maklum balas HSNZ

Cuti Sakit Lanjutan walaupun pada dasarnya dikira dari tempoh 90 hari selepas 180 hari cuti sakit, tetapi ia tidak diberi secara automatik. Permohonan CSL perlu melalui proses pengesyoran dari Lembaga Perubatan. Selagi Lembaga Perubatan tidak bersidang, permohonan tidak boleh diproses ke KKM. Walau bagaimanapun, kedua-dua pegawai telah diluluskan Cuti Sakit Lanjutan oleh BSM, KKM.

- c) Surat Aku Janji Pengesahan Pencalonan Ahli Lembaga Perubatan (PLP B6) tidak disediakan bagi tiga panel yang dilantik untuk persidangan pada 28 Oktober 2019.

Maklum balas HSA

Tindakan pembetulan diambil setelah mendapat teguran dari Jabatan Kesihatan Negeri Johor pada 2020.

- d) Permohonan dan keputusan *Ex-Gratia* mengambil masa yang lama iaitu antara 408 hingga 856 hari.

Maklum balas HAS

Pihak HSA memaklumkan permohonan dan keputusan *Ex-gratia* mengambil masa yang lama disebabkan penubuhan Lembaga Perubatan melibatkan Pakar Kesihatan Awam luar dari HSA. Selain itu, tarikh temujanji untuk *Lung Function test* mengambil masa sebulan dan kesukaran mendapat tarikh dari Pakar Kesihatan Awam berikutan penularan kes Covid-19.

C. SYOR AUDIT

Bagi memastikan pengurusan terhadap pegawai yang dikenakan tindakan tatatertib dan dirujuk ke *medical board* dapat dilaksanakan dengan lebih teratur dan cekap adalah disyorkan supaya KKM/ JKN/ Hospital mempertimbangkan perkara seperti berikut:

- Memastikan semua pelanggaran peraturan oleh pegawai dimaklumkan dengan segera oleh setiap unit/ bahagian/ jabatan ke Bahagian Sumber Manusia hospital masing-masing supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil dengan segera dan mengikut tempoh yang ditetapkan.
- Memastikan semua prosedur dan dokumen yang diperlukan bagi melengkapkan prosedur tatatertib dan *medical board* sentiasa dikemaskini dan dipatuhi.
- Memastikan pegawai yang terlibat dengan pengurusan tatatertib dan *medical board* diberikan latihan yang mencukupi dan bersesuaian secara berterusan.
- JKN perlu mengkaji bagi menetapkan tempoh masa dalam garis panduan/ arahan dalaman untuk tindakan tatatertib dan *medical board* supaya sesuatu kes dapat diselesaikan dengan lebih efektif.

3.3 PENGAUDITAN PRESTASI (PEROLEHAN)

3.3.1 PENGURUSAN PEROLEHAN BAGI PERKHIDMATAN NILAI TAMBAH LOCKER4U DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pengauditan		PTJ Yang Dilawati	
Memastikan pengurusan perolehan bagi perkhidmatan Locker4U dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mengikut peraturan yang ditetapkan.		✓ Program Perkhidmatan Farmasi ✓ Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Selangor ✓ JKN Perak ✓ JKN Terengganu	
	Skop Pengauditan	2014 - 2021	Responden Soal Selidik
Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan perkhidmatan Locker4U bagi tahun 2019 hingga 2021.	▪ Jumlah Perolehan: 57 ▪ Nilai Perolehan: RM812,581.76 i) Sebut harga RM406,700 (2021) ii) Pembelian terus RM349,071.76 iii) Sumbangan/ hadiah/ lain-lain RM56,810 Maklumat Lokar 85 fasiliti 4,862 unit lokar		▪ Pegawai/ kakitangan KKM: 100 ▪ Pengguna Perkhidmatan Locker4U: 88 ▪ Pesakit di Kaunter Farmasi: 115

A. RUMUSAN AUDIT

Bagi prestasi perolehan lokar perkhidmatan Locker4U **adalah kurang memuaskan** kerana perolehan telah meningkat dari tahun 2018 hingga 2021. Sedangkan peratus pengguna berdaftar menurun pada setiap tahun dan peratus penggunaan lokar sebulan adalah di antara 2.7% hingga 45.8%. Hasil analisis Audit selanjutnya ke atas soal selidik yang diedarkan kepada responden terpilih mendapati secara keseluruhannya, semua responden yang melibatkan pegawai/ kakitangan KKM, pengguna perkhidmatan Locker4U dan pesakit di kaunter farmasi menyatakan bahawa perkhidmatan Locker4U telah memberi manfaat kepada semua pengguna dan pesakit yang terlibat.

Hasil maklum balas daripada borang soal selidik yang diedarkan mendapati beberapa permasalahan telah dihadapi oleh pengguna perkhidmatan Locker4U. Selain itu, terdapat beberapa cadangan penambahbaikan yang telah dikemukakan oleh responden berhubung perkhidmatan Locker4U di KKM.

Secara keseluruhannya, pengurusan perolehan bagi perkhidmatan nilai tambah Locker4U di KKM pula adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa penemuan Audit yang melibatkan beberapa JKN/ fasiliti perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan pengurusan perolehan perkhidmatan Locker4U seperti berikut:

- i) Kajian pasaran tidak dilaksanakan bagi pembelian terus;
- ii) Kutipan deposit tanpa kebenaran/ kelulusan daripada Pegawai Pengawal untuk penggunaan lokar kepada pengguna;
- iii) Tatacara penggunaan lokar tidak dipamerkan di lokasi;
- iv) Latihan tidak dilaksanakan secara berterusan kepada pegawai/ kakitangan yang menguruskan perkhidmatan Locker4U;
- v) Tiada bahan promosi diletakkan di sekitar lokasi lokar (bunting atau poster);
- vi) Penyenggaraan dan penyelenggaraan lokar tidak mengikut Tatacara Pengurusan Aset Alih (TPA) yang telah ditetapkan;
- vii) Penempatan lokar di lokasi terbuka;
- viii) Lokar kurang bersih dan berhabuk; dan
- ix) Tiada lantikan pegawai pemegang kunci dan kunci tidak disimpan di tempat selamat.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Perolehan Lokar

Bagi menentukan proses pembelian terus dipatuhi sepenuhnya, pihak Audit telah membuat semakan dokumen terhadap empat (4) PTJ. Semakan Audit terhadap baucar bayaran mendapati tiga (3) PTJ iaitu HTAR, PKD Petaling dan PKD Batang Padang telah mematuhi proses pembelian terus ditetapkan yang mana telah menerima sekurang-kurangnya tiga (3) tawaran harga daripada pembekal tempatan. Bagaimanapun, satu PTJ iaitu Hospital Banting tidak mematuhi pekeliling pembelian terus yang ditetapkan. Pembelian terus berkenaan melibatkan pembelian lokar pada

16 November 2018 dengan jumlah perolehan RM8,500 (Baucar Bayaran bernombor 12011080). Perkara ini boleh menyebabkan pembekal lain yang layak tidak diberi peluang untuk menyertai perolehan tersebut. Selain itu, ketidakpatuhan ini menyukarkan PTJ untuk membuat perbandingan harga serta boleh merugikan Kerajaan.

Maklum balas Hospital Banting

Pembelian secara terus untuk Locker4U telah dilakukan melalui sistem ePerolehan (eP) dan pelawaan tawaran sebut harga telah ditawarkan kepada tiga (3) pembekal tempatan mengikut tatacara perolehan terus. Pembuktian bagi pelawaan tawaran harga yang diberikan kepada tiga (3) pembekal tidak dapat dijana kerana data perolehan pada tahun 2018 tidak boleh diakses dalam sistem eP disebabkan berlaku pertukaran kod PTJ Hospital Banting daripada 42060501(2018) kepada 42060161 (2019 sehingga sekarang).

ii) Pengurusan Perkhidmatan Locker4U

Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi bertanggungjawab terhadap pengurusan perkhidmatan Locker4U di seluruh Malaysia. Ketua Jabatan/ Bahagian/ Unit Farmasi bertanggungjawab mengetuai operasi pengurusan perkhidmatan Locker4U di fasiliti KKM dan dipantau oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Farmasi) di negeri masing-masing. Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi di fasiliti yang dilantik untuk menguruskan perkhidmatan Locker4U akan melaksanakan prosedur yang telah ditetapkan seperti pendaftaran pesakit, penyediaan dan pembekalan ubat pesakit mengikut tarikh temu janji, penyediaan rekod, promosi dan sebagainya.

a) Terimaan Deposit Bagi Pendaftaran Penggunaan Perkhidmatan Locker4U

Semakan Audit terhadap 14 fasiliti yang diaudit mendapati tiada sebarang kelulusan daripada Pegawai Pengawal yang memberi kebenaran untuk membuat terimaan deposit bagi perkhidmatan Locker4U yang disediakan. Bagaimanapun, satu daripada 13 fasiliti yang diaudit iaitu HTAR telah membuat terimaan deposit terhadap pesakit yang menggunakan perkhidmatan Locker4U dengan jumlah RM10 bermula tahun 2019 sehingga pertengahan Mac 2020. Bagaimanapun, selepas pertengahan Mac 2020 bayaran deposit telah dikurangkan kepada RM5.

Deposit yang diterima tidak diakaunkan di mana-mana Akaun Deposit. Wang deposit berkenaan berada dalam simpanan pegawai yang menguruskan deposit iaitu di dalam peti wang tunai dan disimpan di dalam kabinet besi berkunci.

Maklum balas HTAR

Oleh itu, pada masa hadapan, pihak HTAR akan mengemaskini dan memantau pergerakan kunci pesakit Locker4U secara berkala untuk memastikan prosedur pemulangan kunci dipatuhi tanpa prosedur penerimaan deposit. Jumlah kutipan fizikal telah diselaraskan dengan borang dan rekod excel. Rekod pemulangan wang deposit telah dikemas kini dengan borang. Manakala baki sebanyak RM130 tidak dapat dihubungi telah diakaunkan ke akaun Deposit Am sepertimana yang disarankan Bahagian Akaun KKM bertarikh 22 Julai 2022.

b) Tatacara Penggunaan Lokar Tidak Dipamerkan

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap fasiliti yang dilawati mendapati 12 daripada 13 fasiliti telah mempamerkan tatacara penggunaan lokar bagi memudahkan pesakit mengendalikan lokar semasa mengambil ubat. Bagaimanapun, bagi fasiliti UTC Shah Alam/ Klinik Kesihatan Seksyen 7, Shah Alam masih belum mempamerkan tatacara penggunaan lokar seperti yang dipraktikkan oleh fasiliti lain.

Maklum balas UTC Shah Alam dan KK S7 Shah Alam

Tatacara penggunaan lokar telah ditampalkan di lokar untuk pesakit yang mengambil ubat pada 8 Mac 2022.

c) Latihan

Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2021, semakan Audit terhadap rekod latihan mendapati 12 daripada 13 fasiliti yang diaudit diberi latihan kepada pegawai/ kakitangan yang terlibat dengan pengendalian perkhidmatan Locker4U di fasiliti masing-masing. Bagaimanapun, Hospital Banting tidak melaksanakan latihan pengendalian perkhidmatan Locker4U kepada pegawai/ kakitangan bagi tempoh tahun berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati latihan terakhir dilaksanakan adalah pada tahun 2019. Antara latihan yang diberikan bagi pengendalian perkhidmatan Locker4U adalah seperti *Continuing Pharmacy*

Education (CPE) di peringkat Jabatan Farmasi dan *Continuing Medical Education* (CME) di peringkat hospital telah dilaksanakan dari semasa ke semasa.

Maklum balas Hospital Banting

Penambahbaikan oleh fasiliti adalah setiap anggota baru yang menjalani orientasi akan diberikan taklimat berkaitan semua jenis VAS yang disediakan serta pengendalian setiap perkhidmatan VAS yang ditawarkan (Locker4U, UMP, Sistem Temujanji dan lain-lain). Di samping itu, rekod latihan akan dikemaskini dan didokumenkan dengan baik bagi memastikan kebolehsesanan rekod yang disimpan.

d) Promosi Perkhidmatan Locker4U Di Lokasi Lokar

Pemeriksaan fizikal Audit di fasiliti yang dilawati mendapati 11 daripada 13 fasiliti telah melaksanakan promosi perkhidmatan Locker4U. Kaedah promosi adalah meliputi penyediaan bunting, poster, risalah, tayangan video, tanda arah dan kaunter khas VAS di farmasi dan lokasi lokar. Bagaimanapun, pemeriksaan fizikal Audit di HTAR dan Hospital Serdang mendapati kaedah promosi hanya diletakkan di farmasi. Manakala lokasi lokar tiada kaedah promosi dipamerkan.

Maklum balas HTAR

Fasiliti sedang menyediakan bahan promosi VAS untuk siaran di media sosial, laman web rasmi HTAR dan TV pendidikan. Dalam proses penyediaan bahan promosi yang sesuai dengan kerjasama Unit Pendidikan HTAR bermula 8 April 2022.

Maklum balas Hospital Serdang

Penambahbaikan telah dibuat pada 4 Mei 2022 di mana bunting telah dipamerkan di lokasi lokar. Bunting ini mengandungi maklumat promosi mengenai Locker4U.

iii) Pendaftaran Lokar

a) Tempoh Pendaftaran Lokar

Semakan Audit terhadap Daftar Harta Modal (KEW.PA-3) dan Daftar Aset Alih Bernilai Rendah (KEW.PA-4) di fasiliti yang dilawati mendapati sebanyak 11

daripada 13 fasiliti telah mendaftarkan lokar yang diterima dalam tempoh dua (2) minggu yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, Hospital Serdang dan HSNZ telah lewat mendaftarkan lokar yang diterima secara sebut harga masing-masing selama 212 dan 54 hari.

Maklum balas Hospital Serdang

Pada masa akan datang, pihak Farmasi akan memastikan semua aset yang diterima akan didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu.

Maklum balas HSNZ

HSNZ telah menerima e-mel dari BDPSF, KKM berkenaan Maklumat Pendaftaran Aset Locker4U bersama edaran salinan LPO dan invois pada 7 Mei 2021. Setelah dokumen berkenaan diterima, Jabatan Farmasi HSNZ telah berjaya mendaftarkan aset berkenaan pada tarikh 20 Mei 2021 (dalam tempoh dua (2) minggu selepas dokumen diterima).

b) Kaedah Pendaftaran Lokar

Semakan Audit selanjutnya terhadap kaedah pendaftaran yang dilakukan oleh sembilan (9) fasiliti yang menerima perolehan secara sebut harga dan empat (4) fasiliti yang membuat perolehan secara pembelian terus adalah seperti berikut:

- Sebanyak satu daripada sembilan (9) fasiliti yang dilawati telah mendaftarkan aset mengikut butiran Nota Serahan yang diterima. Bagaimanapun, sebanyak lapan (8) fasiliti tidak mengikut seperti yang telah ditetapkan dalam butiran Nota Serahan. Daripada lapan (8) fasiliti yang tidak mengikut seperti dalam Nota Serahan, sebanyak tujuh (7) fasiliti telah mendaftarkan lokar mengikut unit dan satu fasiliti didaftarkan sebagai aset tidak alih.
- Semua empat (4) fasiliti yang dilawati telah mendaftarkan lokar mengikut butiran dalam Nota Serahan yang diterima.

Maklum balas Program Perkhidmatan Farmasi

Kuantiti yang dinyatakan di dalam nota serahan bertujuan untuk memudahkan pembekal memasang lokar mengikut keperluan PTJ. Pihak program mencadangkan agar pendaftaran lokar mengikut unit terkecil, dan bukannya mengikut *tier* di dalam nota serahan memandangkan harga yang dinyatakan di

dalam Surat Setuju Terima (SST) adalah mengikut unit dan memudahkan PTJ untuk membuat penyelenggaraan lokar di masa akan datang.

c) Pengemaskinian Lokasi Penempatan Lokar

Pemeriksaan fizikal Audit di fasiliti yang dilawati mendapati sebanyak tiga (3) daripada 13 fasiliti telah membuat pemindahan lokasi lokar yang diterima. Bagi tiga (3) fasiliti yang telah dibuat pemindahan lokasi lokar tidak mengemas kini ruangan penempatan dalam KEW.PA-3/ KEW.PA-4.

Maklum balas fasiliti

Ketiga-tiga fasiliti telah mengemaskini ruangan penempatan dalam KEW.PA-3/ KEW.PA-4.

d) Nombor Siri Pendaftaran Lokar

Semakan Audit terhadap nombor siri pendaftaran dan lokar di fasiliti yang diaudit mendapati 12 daripada 13 fasiliti adalah sama di antara nombor siri yang didaftarkan dengan label yang dilekatkan pada lokar. Bagaimanapun, hanya Hospital Ampang didapati tidak sama di antara nombor siri yang didaftarkan dengan label yang dilekatkan pada lokar.

Maklum balas Hospital Ampang

Fasiliti telah menggantikan label dengan nombor siri yang betul pada label di lokar pada 15 Mac 2022. Pada masa akan datang, pihak fasiliti akan menggunakan label kod bar yang dicetak terus daripada Sistem Pengurusan Pemantauan Aset (SPPA) sebagai label aset.

e) Pelabelan Lokar

Semakan Audit mendapati 11 daripada 13 fasiliti yang diaudit telah membuat pelabelan lokar seperti yang telah ditetapkan. Bagaimanapun, di Hospital Ampang dan HTAR pelabelan terhadap lokar tidak dipatuhi sepenuhnya. Maklumat lanjut adalah seperti berikut:

- Hospital Ampang: Tidak mencetak dan menampal pelekat pendaftaran aset bagi semua 60 unit lokar yang telah diterima mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Pihak Audit mendapati hospital berkenaan telah menampal

pelekat pendaftaran aset yang tidak mengikut spesifikasi pelabelan yang telah ditetapkan.

Maklum balas Hospital Ampang

Semua aset baru yang didaftarkan akan dicetak secara manual sementara pencetak dibaik pulih. Fasiliti akan menggantikan label manual dengan label kod bar.

- HTAR: Telah mencetak pelekat pendaftaran aset bagi semua 120 unit lokar di mana sebanyak 115 pelekat pendaftaran aset telah ditampal pada lokar. Bagaimanapun, baki lima (5) pelekat pendaftaran aset yang telah dicetak masih disimpan bersama KEW.PA-3 dan belum ditampal pada lokar.

Maklum balas HTAR

Pelekat label lokar telah tertanggal kerana terdedah kepada cuaca (lembap dan panas). Pelabelan lokar sudah dikemas kini.

f) Senarai Aset Alih (KEW.PA-7)

Semakan Audit terhadap KEW.PA-7 mendapati enam (6) daripada 13 fasiliti telah mempamerkan KEW.PA-7 seperti yang ditetapkan. Bagaimanapun, tujuh (7) fasiliti lagi tidak mempamerkan KEW.PA-7.

Maklum balas fasiliti

KEW.PA-7 telah dipamerkan.

iv) Penggunaan Lokar

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap penggunaan lokar mendapati 12 dari 13 fasiliti telah menggunakan lokar bagi tujuan perkhidmatan Locker4U kepada pesakit kecuali HTAR. Pihak Audit mendapati hanya 48 (40%) unit lokar daripada 120 unit lokar yang dibuat perolehan oleh HTAR telah digunakan untuk perkhidmatan Locker4U sepenuhnya. Sebanyak lapan (8) atau (6.7%) unit lokar tidak digunakan. Manakala, sebanyak 64 (53.3%) unit lokar digunakan bagi tujuan lain.

Maklum balas HTAR

Memandangkan tiada perubahan bilangan pelanggan, walaupun pelbagai promosi telah dilakukan, oleh itu, pihak HTAR terpaksa membuat keputusan bagi

menggunakan baki lokar yang tidak digunakan iaitu sebanyak 72 unit untuk Perkhidmatan Nilai Tambah lain yang lebih ramai pelanggan seperti Farmasi Pandu Lalu di mana bilangan pelanggan sebulan adalah sebanyak 1,500 dan Kad Janji Temu sebanyak 700 pelanggan sebulan. Ini jelas menunjukkan lokar masih tetap digunakan dengan secara maksima.

v) Penempatan Lokar

Pemeriksaan fizikal Audit mendapati 11 daripada 13 fasiliti telah menempatkan lokar di tempat yang selamat dan sesuai. Bagaimanapun, Hospital Batu Gajah telah menempatkan lokar di kawasan yang tidak berbumbung sepenuhnya. Ini menyebabkan lokar telah terkena air hujan serta terdapat kesan titisan air di bahagian pintu dan rak lokar. Selain itu, semasa pemeriksaan fizikal Audit mendapati dan dimaklumkan oleh HTAR bahawa penempatan lokar adalah kurang sesuai kerana jauh daripada Unit Farmasi bagi pengendalian ubat dan jauh/ terpencil untuk diakses oleh pesakit yang menggunakan perkhidmatan Locker4U.

Maklum balas Hospital Batu Gajah

Pemasangan bumbung telah dibuat.

Maklum balas HTAR

Peruntukan daripada JKN Selangor masih belum diterima. Lokasi lokar yang baru selain dari bangunan KRIBA belum dikenal pasti. Lokasi lokar yang baru mestilah boleh beroperasi selama 24 jam kerana pesakit perlu mendapatkan kunci untuk membuka pintu lokar sebelum mengambil bekalan ubat. Cadangan lokasi baru adalah terhad memandangkan lokasi lokar baru mestilah berhampiran dengan perkhidmatan yang beroperasi 24 jam bagi memudahkan proses pengambilan kunci dan seterusnya mendapatkan bekalan ubat kecuali lokar sedia ada dinaik taraf kepada sistem *keyless*, di mana pilihan lokasi yang lebih terbuka dan memudahkan pesakit. Walau bagaimanapun daripada kajian pasaran yang dilakukan, didapati tiada pembekal yang dapat menaik taraf kunci lokar sedia ada kepada *keyless*.

vi) Kebersihan Lokar

Pemeriksaan fizikal Audit di 13 fasiliti mendapati pemasangan lokar yang diterima mengikut spesifikasi yang ditetapkan sama ada secara *wall mounted* atau *floor mounted*. Bagaimanapun, terdapat beberapa isu kebersihan yang berlaku terhadap

lokar berkenaan. Penjelasan terperinci mengenai isu kebersihan lokar adalah seperti berikut:

- a) Hospital Dungun telah memasang lokar secara *floor mounted* dan didapati lokar di barisan bawah kotor dan kurang bersih.

Maklum balas Hospital Dungun

Platform telah dibuat bagi melindungi dan menjamin kebersihan barisan bawah lokar dengan menggunakan *pallet* kayu terpakai pada 17 Mac 2022.

- b) KK Seksyen 7, Shah Alam yang menerima lokar daripada UTC Shah Alam pula telah memasang lokar secara *wall mounted* dan didapati bahagian dalam lokar berkenaan kotor dan kurang bersih.

Maklum balas KK Seksyen 7, Shah Alam

Lokar ubat telah dibersihkan dan pegawai yang menjaga akan memastikan kebersihan dijaga semasa penyediaan ubat susulan pesakit. Jadual pembersihan juga telah disediakan mulai April 2022.

- c) KK Tanjung Malim telah memasang lokar secara *floor mounted* dan didapati telah kotor dengan kelihatan kesan air di bahagian luar lokar akibat kebocoran bumbung di lokasi penempatan lokar.

Maklum balas KK Tanjung Malim

Kesan air di siling adalah akibat kebocoran bumbung dan telah diperbaiki pada hujung tahun 2021. Mulai April 2022, petugas kebersihan telah dijadualkan untuk membersihkan Locker4U pada setiap hari bekerja manakala Pegawai Farmasi Y/M akan memantau pelaksanaannya seminggu sekali. Telah membuat penukaran dari lokar *floor mounted* ke *wall mounted*.

- d) Hospital Batu Gajah telah memasang lokar secara *wall mounted* dan didapati keadaan di bahagian atas lokar berhabuk.

Maklum balas Hospital Batu Gajah

Mulai April 2022, lokar akan dibersihkan seminggu sekali mengikut jadual dengan pemantauan pelaksanaan oleh Pegawai Farmasi Y/M. Pemasangan *awning* tempat lokar juga telah dibuat.

vii) Keselamatan Kunci Lokar

- a) Pemeriksaan fizikal Audit terhadap semua 13 fasiliti yang dilawati mendapati 12 fasiliti menggunakan lokar jenis *keyless* dan satu fasiliti menggunakan lokar jenis anak kunci iaitu di HTAR. Bagi fasiliti yang menggunakan lokar jenis *keyless*, dua (2) set *master key* telah dibekalkan oleh pihak syarikat pembekal bagi meletakkan ubat di dalam lokar kepada pesakit. *Keyless* berbentuk kata laluan akan diberikan kepada pesakit untuk membuka lokar semasa mengambil ubat. Semakan Audit selanjutnya mendapati dua (2) fasiliti iaitu HSNZ dan Hospital Besut telah melantik pegawai pemegang *master key* manakala sebanyak 11 fasiliti pula tiada lantikan terhadap pegawai pemegang *master key*. Fasiliti yang dilawati memaklumkan bahawa perkara ini berlaku kerana tidak mengetahui mengenai pengurusan keselamatan kunci. Ketiadaan pelantikan pegawai pemegang kunci akan menyebabkan tiada pemantauan terhadap keselamatan serta pergerakan kunci tersebut.

Maklum balas fasiliti

Surat lantikan pegawai pemegang *master key* telah dikeluarkan.

- b) Selain itu, pihak Audit mendapati kaedah penyimpanan kunci bagi 12 daripada 13 fasiliti yang dilawati telah menyimpan kunci secara selamat. Bagaimanapun, di HTAR yang menggunakan lokar jenis anak kunci mendapati menyimpan anak kunci secara kurang selamat. Pihak Audit dimaklumkan semasa pemeriksaan Audit, anak kunci lokar berkenaan diletakkan dalam kotak di lokasi terbuka di Unit Farmasi Pesakit Dalam bagi memudahkan pegawai farmasi untuk menyerahkan anak kunci tersebut kepada pesakit untuk mengambil ubat di dalam lokar.

Maklum balas HTAR

Fasiliti juga telah membuat penambahbaikan berikut:

- Menyimpan kunci lokar di dalam peti kunci.

- Peti kunci sedia ada dipindahkan ke Farmasi Bekalan Wad 2 kerana ia beroperasi selama 24 jam sehari.

viii) Pemantauan

Semakan Audit mendapati pemantauan secara khusus/ berasingan bagi perkhidmatan Locker4U tidak diwujudkan di peringkat JKN dan fasiliti. Bagaimanapun, pemantauan bagi perkhidmatan ini dibincangkan bersekali dengan semua perkhidmatan VAS yang lain di peringkat JKN dan fasiliti. Pemantauan bagi perkhidmatan Locker4U dipantau oleh Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi melalui tiga (3) kaedah seperti berikut:

- a) Laporan PF 5.3 (b) Aktiviti Perkhidmatan Nilai Tambah - Sistem Temujanji dan Lain-lain Perkhidmatan bagi setiap suku tahun;
- b) Laporan PF 5.3 (d) Aktiviti Perkhidmatan Nilai Tambah di Pusat Pembekalan Ubat Susulan Setempat (PPUSS) bagi setiap suku tahun; dan
- c) Perbincangan mengenai isu-isu berbangkit juga telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Farmasi Ambulatori sebanyak dua (2) kali setahun.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan perolehan pengurusan perkhidmatan Locker4U di KKM dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan pihak IPKKM dan JKN/ fasiliti mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- IPKKM, JKN/ fasiliti perlu mengkaji semula keperluan perkhidmatan Locker4U kepada pesakit dengan membuat kajian keberkesanan di semua JKN/ fasiliti negeri sekiranya perolehan lokar akan dibuat pada masa akan datang.
- JKN/ fasiliti hendaklah memastikan pembelian terus dilaksanakan dengan mengikut peraturan yang ditetapkan. Yang mana, sekurang-kurangnya kajian pasaran diperoleh daripada tiga (3) pembekal tempatan.
- JKN/ fasiliti hendaklah mengkaji semula keperluan untuk melaksanakan deposit di JKN/ fasiliti yang terlibat. Sekiranya terdapat keperluan untuk melaksanakan bayaran deposit, kelulusan daripada Pegawai Pengawal hendaklah diperoleh.

- JKN/ fasiliti hendaklah mematuhi sepenuhnya TPA bagi pendaftaran lokar yang dibuat perolehan.
- JKN/ fasiliti perlu memastikan latihan secara berterusan diberikan kepada pegawai/ kakitangan yang menguruskan perkhidmatan Locker4U bagi mengekalkan tahap kompetensi pegawai/ kakitangan yang terlibat.
- JKN/ fasiliti perlu memastikan keselamatan kunci lokar disenggara dan diselenggarakan mengikut arahan keselamatan yang telah ditetapkan bagi memastikan tiada penyalahgunaan.

3.3.2 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PROGRAM BEKALAN AIR DAN KEBERSIHAN ALAM SEKELILING (BAKAS) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

 Objektif Pengauditan Menilai sama ada pengurusan program BAKAS dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta mengikut peraturan yang ditetapkan. 2020 - April 2022 Jumlah Peruntukan Bekalan Air - RM15,408,014.70 Sanitasi - RM11,314,598.98 Jumlah Projek Bekalan Air - 2,604 projek Sanitasi - 7,525 projek Responden Soal Selidik ▪ Pegawai/ kakitangan KKM: 49 ▪ Penerima bantuan: 42	 Skop Pengauditan Meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap program BAKAS bagi tempoh tahun 2020 hingga April 2022.  Ibu Pejabat/JKN/PKB/PKD Yang Diaudit ▪ Bahagian Perkhidmatan Kejuruteraan (BPKj) IPKKM ▪ Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kelantan, PKD Kuala Krai & Kota Bharu ▪ JKN Perak, PKD Batang Padang & Kinta ▪ JKN Sarawak, PKB Sri Aman & Kuching serta PKD Bau
--	--

A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, **prestasi program BAKAS adalah baik** kerana bilangan rumah yang mendapat kemudahan adalah mencapai bilangan rumah yang dirancang. Bagi projek bekalan air, pada tahun 2020 BPKJ telah merancang sebanyak 3,241 buah rumah dan sebanyak 3,261 (100.6%) buah rumah telah mendapat kemudahan. Manakala bagi tahun 2021, BPKj telah merancang sebanyak 3,013 buah rumah dan sebanyak 3,116 (103.4%) buah rumah telah mendapat kemudahan. Selain itu, bagi projek sanitasi pula, pada tahun 2020 BPKj telah merancang sebanyak 2,236 buah rumah dan sebanyak 2,229 (99.7%) buah rumah telah mendapat kemudahan. Manakala bagi tahun 2021, sebanyak 2,445 buah rumah telah dirancang dan 2,520 (103.1%) buah rumah telah mendapat kemudahan.

Berdasarkan soal selidik terhadap responden yang terlibat dalam pelaksanaan program BAKAS iaitu pegawai/ kakitangan Unit BAKAS di PKB/ PKD dan penduduk kampung yang menerima bantuan di bawah projek BAKAS mendapati secara keseluruhannya berpuas hati dengan pelaksanaan program BAKAS yang dilaksanakan oleh KKM. Secara keseluruhannya, **pengurusan perolehan bagi program BAKAS adalah memuaskan**. Bagaimanapun, terdapat sembilan (9) penemuan Audit yang perlu diberi perhatian oleh PKB/ PKD bagi mempertingkatkan pengurusan perolehan bagi program BAKAS seperti berikut:

- i) Anggaran dan spesifikasi harga Jabatan tidak disediakan di lima (5) PKB/ PKD iaitu PKD Kuala Krai, PKD Kota Bharu, PKD Kinta, PKB Sri Aman dan PKB Kuching;
- ii) *Integrity pact* tidak disediakan dengan lengkap di empat (4) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kinta, PKB Sri Aman dan PKB Kuching;
- iii) Minit mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan tidak disediakan di tiga (3) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kinta dan PKB Kuching;
- iv) Laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan tidak difailkan dalam fail sebut harga di PKB Sri Aman;
- v) Kertas Taklimat Jawatankuasa Perolehan tidak disediakan di PKD Kota Bharu;
- vi) Kertas Perakuan Jawatankuasa Perolehan tidak disediakan di PKB Sri Aman;
- vii) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga tidak disediakan di PKB Kuching;
- viii) Surat Setuju Terima tidak mengikut format ditetapkan di PKD Kota Bharu; dan
- ix) Baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap di lima (5) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kuala Krai, PKD Batang Padang, PKB Sri Aman dan PKB Kuching.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Perolehan Projek BAKAS

Perolehan projek BAKAS di PKB/ PKD yang diaudit melibatkan perolehan secara sebut harga dan pembelian terus. Pihak Audit telah memilih 17 sampel perolehan yang bernilai RM507,780 bagi PKB/ PKD berkenaan. Sebanyak lapan (8) sampel adalah bagi sebut harga dan sembilan (9) sampel pula bagi pembelian terus untuk

projek BAKAS di negeri yang diaudit. Penemuan Audit terperinci bagi perolehan secara sebut harga dan pembelian terus di PKB/ PKD yang diaudit adalah seperti berikut:

a) Perolehan Secara Sebut Harga

Semakan Audit terhadap lapan (8) dokumen sebut harga bagi perolehan projek BAKAS yang dilaksanakan oleh PKB/ PKD mendapati pengurusan sebut harga adalah mematuhi peraturan yang telah ditetapkan. Bagaimanapun terdapat beberapa ketidakpatuhan yang perlu diberi perhatian dan dibuat penambahbaikan adalah seperti perenggan berikut:

▪ **Anggaran dan Spesifikasi Harga Jabatan**

PKD Kuala Krai, PKD Kota Bharu dan PKD Kinta – Anggaran dan spesifikasi harga jabatan tidak dilaksanakan.

Maklum balas PKD Kuala Krai dan Kota Bharu

Anggaran harga jabatan ada disediakan tetapi tidak dimasukkan dalam fail. Sebagai susulan, Pihak JKN Kelantan akan kemukakan surat kepada semua PKD bagi menyediakan Anggaran Jabatan bagi semua projek yang dilaksanakan sebagai penambahbaikan.

Maklum balas PKD Kinta

Fail sebut harga bagi Projek GFS Kg Sinju telah mempunyai anggaran kos projek di mana dokumen tersebut telah disemak dan disokong oleh Ketua Unit BAKAS dan Pegawai Epidemiologi pada tahun 2020.

PKB Sri Aman: Semakan Audit mendapati anggaran berjumlah RM29,500 telah melebihi anggaran norma kos yang telah ditetapkan iaitu RM9,500. Pihak PKB Sri Aman tidak memohon kelulusan daripada BPKj IPKMM sebelum iklan sebut harga dilaksanakan terhadap lebihan anggaran kos. Ini kerana berdasarkan surat Pengemaskinian Norma Kos daripada BPKj IPKMM, sebarang perubahan norma kos di lapangan yang melebihi 10% daripada norma kos perlu mendapat kelulusan daripada BPKj IPKMM.

Maklum balas JKN Sarawak

JKN Sarawak mengambil maklum penemuan Audit. Justifikasi lebih anggaran kos dan permohonan kelulusan telah disertakan bersama permohonan projek daripada PKB Sri Aman dan dipanjangkan kepada BPKj IPKKM pada Disember 2019.

PKB Kuching: Semakan Audit selanjutnya terhadap spesifikasi dan harga yang dikemukakan oleh penyebut harga yang berjaya mendapati satu item yang tidak munasabah perolehannya. Item berkenaan adalah *Metal Clips* dengan kuantiti sebanyak 200 unit pada kadar harga RM9 per unit yang menjadikan jumlah keseluruhan kos sebanyak RM1,800. Harga *Metal Clips* yang tinggi adalah disebabkan PKB Kuching tidak menyatakan saiz sebenar *Metal Clips* yang diperlukan bagi projek tersebut iaitu hanya berukuran $\frac{1}{2}$ inci. Ini kerana keseluruhan projek ini akan menggunakan pelbagai ukuran *Metal Clips* berkenaan kerana projek ini menggunakan *HDPE Pipe* dan *PVC Pipe* yang pelbagai ukuran iaitu 3 inci, 2 inci, 1 inci, $\frac{3}{4}$ inci dan $\frac{1}{2}$ inci. Sehubungan itu, penyebut harga telah menawarkan harga yang tidak munasabah dengan RM9 per unit. Tinjauan pihak Audit terhadap kos seunit *Metal Clips* yang berukuran $\frac{1}{2}$ inci secara purata di bawah RM1 per unit.

Maklum balas JKN Sarawak

Pihak PKB telah diminta untuk perolehan akan datang supaya menyediakan spesifikasi yang lebih tepat dan terperinci lengkap dengan saiz dan ukuran yang diperlukan. Surat penambahbaikan berkenaan perkara ini telah dikeluarkan kepada semua daerah bertarikh 9 September 2022.

▪ **Borang *Integrity Pact***

Integrity pact tidak disediakan dengan lengkap di empat (4) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kinta, PKB Sri Aman dan PKB Kuching.

Maklum balas PKD Kota Bharu

Surat Akuan Pembida Berjaya ada disediakan. Bagaimanapun, salinan tidak difailkan dengan baik dan salinan surat tersebut gagal dijumpai. Usaha untuk

mendapatkan salinan pembekal telah dilakukan tetapi masih gagal. Untuk penambahbaikan pada masa akan datang, surat Akuan Pembida Berjaya akan difailkan dengan sempurna di dalam fail sebut harga dengan cara mewujudkan senarai semak di setiap fail berkenaan.

Maklum balas PKD Kinta

Pihak jabatan telah diberikan teguran dan nasihat dari pihak JKN di dalam pekeliling yang dikeluarkan PK 1.6 (pindaan kuat kuasa 1 April 2022).

Maklum balas PKB Kuching

Dokumen sampel akuan pembida ada dimuat turun tetapi tidak dimasukkan ke dalam fail tersebut. Pihak kami akan mengemaskini dan memasukkan semula dokumen tersebut ke dalam fail berkenaan.

▪ **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian**

Minit mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan tidak disediakan di tiga (3) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kinta dan PKB Kuching.

Maklum balas PKD Kota Bharu:

Tindakan telah diambil dimana minit mesyuarat tersebut telah difailkan semula ke dalam fail sebut harga berkenaan.

Maklum balas PKD Kinta

Ahli jawatankuasa Penilaian Teknikal telah menyediakan minit mesyuarat secara *online* di dalam sistem ePerolehan semasa membuat penilaian teknikal/ kewangan. Penambahbaikan akan dilaksanakan.

Maklum balas PKB Kuching

Pihak kami akan mengambil tindakan sewajarnya bagi mematuhi kaedah perolehan yang sewajarnya.

- **Laporan Jawatankuasa Penilaian**

Laporan Jawatankuasa Penilaian Teknikal/ Kewangan tidak difailkan dalam fail sebut harga di PKB Sri Aman.

Maklum balas PKB Sri Aman

Jawatankuasa yang penilaian teknikal yang dilantik tidak dimaklumkan mengenai penyediaan laporan teknikal selepas mesyuarat teknikal sebut harga berkenaan selesai bersidang. Jawatankuasa hanya berpandukan kepada butiran item/ peralatan yang dikemukakan oleh pembekal melalui borang sebut harga secara manual dan jawatankuasa penilaian menggunakan borang penilaian jawatankuasa sebut harga sebagai dokumen penilaian teknikal dibuat bagi sebut harga berkenaan.

- **Kertas Taklimat Jawatankuasa Sebut Harga**

Kertas Taklimat Jawatankuasa Perolehan tidak disediakan di PKD Kota Bharu.

Maklum balas PKD Kota Bharu

Kertas Taklimat Jawatankuasa Sebut Harga ada disediakan. Kertas Taklimat Jawatankuasa Sebut Harga tersebut telah difailkan semula ke dalam fail sebut harga.

- **Kertas Perakuan Jawatankuasa Sebut Harga**

Kertas Perakuan Jawatankuasa Perolehan tidak disediakan di PKB Sri Aman.

Maklum balas PKB Sri Aman

Mengambil maklum dengan penyediaan Kertas Perakuan Jawatankuasa Sebut Harga selepas mesyuarat pemilihan sebut harga selesai bersidang.

- **Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga**

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga tidak disediakan di PKB Kuching.

Maklum balas PKB Kuching

Perkara ini berlaku disebabkan pihak kami majoriti terlibat dengan kerja-kerja di lapangan menyebabkan gagal untuk mengemaskini fail tersebut dan beranggapan minit manual tidak diperlukan.

▪ Surat Setuju Terima

Surat Setuju Terima (SST) tidak mengikut format ditetapkan di PKD Kota Bharu dan PKB Sri Aman.

Maklum balas PKD Kota Bharu dan PKB Sri Aman

Bagi SST akan datang, PKD Kota Bharu dan PKB Sri Aman bersetuju untuk menyediakannya mengikut format pekeliling.

b) Baucar Bayaran

Baucar bayaran tidak disertakan dengan dokumen sokongan yang lengkap di lima (5) PKB/ PKD iaitu PKD Kota Bharu, PKD Kuala Krai, PKD Batang Padang, PKB Sri Aman dan PKB Kuching.

Maklum balas PKD Batang Padang

- Laporan Siap Kerja tidak dilampirkan di dalam baucar tetapi disimpan di dalam Fail Projek sahaja.
- PTJ akui kesilapan yang telah dilakukan. PTJ akan memastikan perkara yang sama tidak akan berulang di masa akan datang.

Maklum balas PKD Kota Bharu

- Pihak PKD mengambil maklum atas teguran yang diberikan dan bagi bayaran akan datang gambar laporan pelaksanaan projek akan dimasukkan ke dalam senarai dokumen wajib.
- Bagi pelaksanaan projek pada tahun ini, Borang Perakuan Siap Kerja tersebut akan diguna pakai bagi tujuan pembayaran. Unit Kewangan dan pegawai yang memproses serta memperakukan bayaran telah ditegur supaya perkara ini tidak berulang lagi.

- Unit Kewangan dan pegawai yang memproses dan memperaku bayaran telah ditegur dan ditingkatkan berkenaan perkara ini supaya tidak berulang.

Maklum balas PKB Sri Aman

Pihak kami mengakui akan kecuai mengenai perkara tersebut. Tindakan mengepikan salinan sijil tersebut telah diambil oleh pegawai yang bertanggungjawab.

Maklum balas PKB Kuching

Borang Penerimaan SST telah dikemaskini dan dihantar pada hari selepasnya. Dokumen tersebut lengkap dengan tandatangan pembekal dan saksi.

ii) Pengurusan Projek BAKAS

a) Keperluan Guna Tenaga/ Sumber Manusia

PKB Sri Aman – pegawai/ kakitangan di Unit BAKAS Gred U adalah berkurangan mengikut tahun iaitu tahun 2020 sebanyak lapan (8) orang, tahun 2021 sebanyak tujuh (7) orang dan tahun 2022 sebanyak lima (5) orang.

Maklum balas PKB Sri Aman

Pada tahun 2021 perpindahan tempat bertugas PKA di PKB Betong dan PKB Kuching masih menunggu pengganti, sementara persaraan PPKPK U32 masih belum ada pengganti telah menyebabkan kekurangan anggota Unit BAKAS PKB Sri Aman. Beban tugas telah diselaraskan dengan anggota sedia ada dan permohonan pengganti akan dikemukakan ke JKN Sarawak.

b) Pendidikan Kesihatan

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap penerima projek SPSP di Rumah Larry Tukang, Sri Aman mendapati pendidikan kesihatan kepada penduduk juga kurang berkesan. Ini kerana penduduk masih membuang sisa yang tidak boleh dilupuskan secara semula jadi seperti lampin pakai buang bayi.

Maklum balas PKB Sri Aman

Aktiviti pendidikan kesihatan sentiasa dijalankan pada setiap bulan mengikut jadual yang ditetapkan. Peringatan tambahan akan disampaikan kepada penduduk kampung dari semasa ke semasa berkaitan projek BAKAS.

c) Persampelan Dan Analisis Kualiti Air Projek BAKAS/ Semulajadi

Kampung Ulu Temiang, Kampung Sinju, Tringgus Bong dan Rumah Landan Tabut bagi projek GFS dan STAH mendapati berlaku pelanggaran parameter yang ditetapkan oleh Jabatan Kimia Malaysia. Antara bacaan parameter untuk pH adalah antara 5.05 hingga 8.13, kekeruhan antara 0.5 hingga 25.0, bakteria bagi total coliform antara 210 hingga 16,000 dan *E.coli* antara 110 hingga 790.

Maklum balas PKD Kuala Krai

Pelanggaran parameter kekeruhan adalah disebabkan oleh faktor luaran seperti perubahan cuaca akibat dari hujan, aktiviti guna tanah atau kacau ganggu serta tiada penyenggaraan ke atas tangki air GFS boleh menyebabkan pelanggaran pada parameter kekeruhan dan bakteria. Bagi menambahbaik parameter kekeruhan penduduk dinasihatkan untuk menyenggara tangki dengan lebih kerap dan mengikut jadual yang ditetapkan. Manakala bagi pelanggaran parameter bakteria *Total Coliform* dan *E.Coli*, aktiviti pendidikan kesihatan kepada penduduk kampung akan diperkukuhkan lagi seperti kepentingan memasak air untuk mengelak kejadian penyakit bawaan air dan makanan. Selain itu, penduduk juga dinasihatkan menggunakan kaedah pengklorinan bagi disinfeksi bakteria *Total Coliform* dan *E.Coli*.

Maklum balas PKD Kinta

Bekalan air dari sistem GFS Kg Sinju yang dibekalkan merupakan air mentah dan tidak terawat. Pelanggaran berlaku kerana keadaan air yang keruh selepas hujan. Kualiti air mentah banyak dipengaruhi oleh faktor seperti cuaca, fizikal, biologi dan kimia. Faktor-faktor ini adalah di luar kawalan manusia. Pelanggaran pH yang berlaku juga tidak konsisten, bacaan pH bagi tahun 2022 di Kg Sinju adalah 6.82. Walau bagaimanapun, pelanggaran kekeruhan adalah konsisten. Oleh itu, sistem rawatan mudah boleh dicadangkan. Pencucian *dam* oleh

penduduk juga boleh dilakukan secara berkala bagi memastikan kualiti air. Bagi pelanggaran bakteria, pendidikan kesihatan diberikan kepada penduduk untuk memasak air sebelum digunakan.

Maklum balas PKB Sri Aman

Projek BAKAS tidak mempunyai kaedah rawatan khusus untuk sistem tadahan air hujan dan dengan itu disarankan kepada penduduk kampung supaya melakukan kerja-kerja penyucian dan penyelenggaraan tangki secara berkala.

iii) Pemantauan


Pemantauan bagi pengurusan program BAKAS perlu dilaksanakan bagi memastikan pengurusan program BAKAS mencapai objektif yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati pemantauan secara khusus/ berasingan bagi pengurusan program BAKAS telah diwujudkan di peringkat JKN/ PKB/ PKD. Pemantauan bagi pengurusan program BAKAS dipantau oleh pelbagai peringkat iaitu BPKj, JKN dan PKB/ PKD.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan program BAKAS di PKB/ PKD dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan pihak BPKj, JKN, PKB/ PKD mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Memastikan tatacara pengurusan perolehan dan pembayaran mengikut peraturan yang telah ditetapkan.
- Mempertingkatkan lagi pendidikan kesihatan program BAKAS kepada penduduk kampung.
- Membuat perbincangan dan penyelesaian terhadap beberapa isu dan kelemahan yang perlu ditambah baik oleh fasiliti yang terlibat bagi memastikan program BAKAS dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan pada masa akan datang.

3.3.3 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PROJEK NAIK TARAF *WELLNESS HUB* DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



A. RUMUSAN AUDIT

i) Prestasi Projek Naik Taraf *Wellness Hub*

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Julai 2022 merumuskan perkara berikut:

- a) Secara keseluruhannya, prestasi **projek naik taraf empat (4) *Wellness Hub* yang diaudit adalah memuaskan**. Selain itu, perkhidmatan/ aktiviti yang ditawarkan selepas siap projek naik taraf juga telah meningkat berbanding perkhidmatan/ aktiviti sedia ada.
- b) Pencapaian *outcome* bagi pelanggan baru yang lengkap disaring telah mencapai 50% KPI yang telah ditetapkan. Peratus pencapaian KPI adalah

sebanyak 53.2% iaitu seramai 1,868 daripada 3,514 orang bagi tempoh tahun berkenaan.

ii) **Pengurusan Projek Naik Taraf *Wellness Hub***

Secara keseluruhannya, pengurusan projek naik taraf, perkhidmatan/ aktiviti dan program yang dilaksana di *Wellness Hub* Kuala Sawah, Batu Pahat, Alor Setar dan Sungai Petani adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan projek naik taraf, perkhidmatan/ aktiviti dan program seperti berikut:

- a) Jawatankuasa Sebut Harga yang bermesyuarat pada 30 Ogos 2020 ada menyediakan kertas keputusan sebutharga tetapi tiada minit mesyuarat disediakan di PKD Kota Setar.
- b) Penyelia Kerja yang menandatangani Inden Kerajaan dan menyelia kerja naik taraf *Wellness Hub* Kuala Sawah tiada lantikan oleh Ketua Jabatan.
- c) Arahan Perubahan Kerja dan Pengiraan Kuantiti Akhir yang disediakan oleh Pegawai PK berjumlah RM4,825 hanya diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dan tiada tandatangan oleh Ahli Jawatankuasa yang lain di PKD Kota Setar.
- d) Perincian skop, kuantiti dan harga tidak dinyatakan dengan jelas di dalam BQ dan beberapa item di dalam BQ juga dikira sebagai *lumpsum*/ harga pukal di PKD Seremban dan Kuala Muda.
- e) Lantai jubin yang perlu digantikan pada setiap lantai tidak dimasukkan dalam BQ dokumen sebut harga menyebabkan kontraktor hanya memasang lantai simen walaupun perkara ini telah dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Menaik Taraf dan Pembaikan Infrastruktur PPKK Yang Sedia Ada Sebagai *Wellness Hub* 2020 di Sungai Petani, Kedah.
- f) Perubahan spesifikasi pemasangan pintu ini tidak diambil kira dalam APK di *Wellness Hub* Alor Setar.
- g) Terdapat kerja yang tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan di dalam BQ di *Wellness Hub* Kuala Sawah, Alor Setar dan Sungai Petani.
- h) Kontraktor tidak melaksanakan pembaikan kerosakan di dalam tempoh kecacatan di *Wellness Hub* Kuala Sawah.

- i) Lukisan pelan tidak dikemukakan oleh kontraktor selepas siap kerja dan laporan bergambar yang dilampirkan oleh kontraktor adalah tidak lengkap kerana hanya mengemukakan satu set laporan gambar sebelum dan semasa sahaja di PKD Kuala Muda.
- j) Dokumen arahan pembayaran tidak dikemukakan bagi pembayaran *treadmill* di PKD Kuala Muda.
- k) Tiada kaedah penyerahan/ pengambilalihan bagi projek naik taraf yang telah siap dilaksanakan di PKD Kota Setar dan Kuala Muda.

B. PENEMUAN AUDIT

Secara keseluruhannya, pengurusan projek naik taraf, perkhidmatan/ aktiviti dan program yang dilaksana di *Wellness Hub* Kuala Sawah, Batu Pahat, Alor Setar dan Sungai Petani adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan projek naik taraf, perkhidmatan/ aktiviti dan program seperti berikut:

i) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga Tidak Disediakan

Jawatankuasa Sebut Harga yang bermesyuarat pada 30 Ogos 2020 ada menyediakan kertas keputusan sebutharga tetapi tiada minit mesyuarat disediakan di PKD Kota Setar.

Maklum balas PKD Kota Setar

PKD Kota Setar beranggapan kertas keputusan adalah sebahagian dari minit mesyuarat. PKD kota setar mengambil maklum hal ini dan akan dipatuhi di masa hadapan.

ii) Penyelia Kerja

Penyelia Kerja yang menandatangani Inden Kerajaan dan menyelia kerja naik taraf *Wellness Hub* Kuala Sawah tiada lantikan oleh Ketua Jabatan.

Maklum balas PKD Seremban

Penyelia Kerja telah dilantik bagaimanapun tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dan Bahagian ini mengambil maklum teguran dari pihak tuan dan akan membuat pembaikan di masa akan datang.

iii) Arahan Perubahan Kerja

Arahan Perubahan Kerja dan Pengiraan Kuantiti Akhir yang disediakan oleh Pegawai PK berjumlah RM4,825 hanya diluluskan oleh Pengerusi Jawatankuasa Sebut Harga dan tiada tandatangan oleh Ahli Jawatankuasa yang lain di PKD Kota Setar.

Maklum balas PKD Kota Setar

Arahan Perubahan Kerja tiada tandatangan Ahli Jawatankuasa kerana terlepas pandang akibat dari pembetulan borang asal yang telah ditandatangani. PKD Kota Setar akan memastikan perkara ini tidak berulang.

iv) Butiran Pada Senarai Kuantiti (BQ) Tidak Diperincikan Dengan Lengkap

Perincian skop, kuantiti dan harga tidak dinyatakan dengan jelas di dalam BQ dan beberapa item di dalam BQ juga dikira sebagai *lumpsum*/ harga pukal di PKD Seremban dan Kuala Muda.

Maklum balas PKD Kuala Muda

Item yang dikira sebagai *lumpsum*/ harga pukal adalah kerana item kerja yang dilaksanakan adalah item kerja yang sama. Saiz pintu yang dibekalkan adalah saiz *standard* pintu iaitu 860mm x 2100mm. Ukuran bagi kesemua pintu adalah sama. Harga pintu panel berketam saiz (860mm x 2100mm) termasuk *door closer*, bol, engsel, alat kunci, bingkai aluminium serta kelengkapan pintu lain berjumlah RM958.04 per unit.

Maklum balas PKD Seremban

Harga *lumpsum* yang diberikan oleh kontraktor untuk dinding, lantai, kemas siling, *awning* (porch), pagar konkrit. *Wellness Hub* Kuala Sawah adalah berdasarkan pelan lantai yang diberikan kepada kontraktor di dalam lampiran BQ.

v) Perubahan Spesifikasi Tidak Dimasukkan Di Dalam Ringkasan Sebut Harga (BQ)

Lantai jubin yang perlu digantikan pada setiap lantai tidak dimasukkan dalam BQ dokumen sebut harga menyebabkan kontraktor hanya memasang lantai simen walaupun perkara ini telah dinyatakan di dalam Minit Mesyuarat Jawatankuasa Spesifikasi Menaik Taraf dan Pembaikan Infrastruktur PPKK Yang Sedia Ada Sebagai *Wellness Hub* 2020 di Sungai Petani, Kedah.

Maklum balas PKD Kuala Muda

Merujuk minit mesyuarat spesifikasi bertarikh 9 Ogos 2020, perkara 2.2: Membincangkan berhubung isu penukaran lantai simen *render* kepada lantai berjubin. Perbincangan awalan spesifikasi hanya membincangkan keperluan *Wellness Hub* tanpa mengambil kira kos anggaran jabatan yang diterima. Walau bagaimanapun, pengiraan mendapati kos pemasangan jubin melebihi anggaran jabatan. Rujuk pengiraan di bawah: Anggaran bagi menaik taraf lantai jubin.

Keluasan ($8.7\text{m} \times 6.6\text{m} = 57.42\text{m}^2$). Jubin *homogeneous* 300mm x 300mm (termasuk skrid dan lain-lain kemasan) $57.42\text{m}^2 \times \text{RM}199.44 = \text{RM}11,451.84$. Manakala harga lantai simen *render* keluasan ($57.42\text{m}^2 \times 300\text{mm}$ (ketebalan) = $17.226\text{m}^3 \times \text{RM}263.40 = \text{RM}4,537.32$. Di dalam spesifikasi kerja hanya dinyatakan lantai simen *render*, dan tiada perubahan spesifikasi kerja untuk dilaksanakan.

vi) Kerja Tidak Mengikut Spesifikasi

Perubahan spesifikasi pemasangan pintu ini tidak diambil kira dalam APK di *Wellness Hub* Alor Setar.

Maklum balas PKD Kota Setar

Pintu sliding tidak sesuai dibuat di situ kerana terhalang dengan dinding dan soket asal bangunan tersebut. Perubahan tersebut terlepas pandang untuk dimasukkan dalam APK tetapi kerja tersebut tidak melibatkan kos tambahan dan nilai adalah setara. Pertukaran pintu besi kepada pintu kayu serta jerajak besi (pintu besi *single leaf*) pada pintu tersebut adalah tanpa melibatkan tambahan kos. PKD Kota Setar

terlepas pandang untuk dimasukkan dalam APK bagi item pintu jerajak besi (pintu besi *single leaf*).

vii) Kerja Tidak Dilaksanakan

Terdapat kerja yang tidak dilaksanakan seperti yang dinyatakan di dalam BQ di *Wellness Hub* Kuala Sawah, Alor Setar dan Sungai Petani.

Maklum balas PKD Seremban

Bahagian ini terlepas pandang tentang perkara ini dan mengambil maklum serta akan lebih teliti di masa akan datang.

Maklum balas PKD Kota Setar

Semakan semula mendapati *span soundproof* dipasang di bahagian dalam untuk dinding *Gypsum Board*. Perkara ini telah dijelaskan/ dibuktikan melalui laporan bergambar di *Exit Conference* di *Wellness Hub* PKD Kuala Muda. Walau bagaimanapun, bagi kawasan dinding simen, PKD Kota Setar telah mengarahkan kontraktor untuk memasang di bahagian dinding bata.

Maklum balas PKD Kuala Muda

Untuk makluman, item 2.4.3 telah diubah ke lokasi baharu (*awning* pintu masuk bilik mesyuarat) dan saiz bagi garaj juga telah berubah dari (22'x12') kepada (23'x16') tanpa melibatkan penambahan kos. Perubahan lokasi tersebut disebabkan keperluan dan kesesuaian *awning* tersebut lebih diperlukan di bahagian pintu masuk utama bilik mesyuarat. Disertakan dokumen pelarasan oleh pihak syarikat kontraktor bersama PJ bertugas dan telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Pemilihan Sebut Harga bagi Kerja Naik Taraf WHSP.

viii) Tempoh Tanggungan Kecacatan

Kontraktor tidak melaksanakan pembaikan kerosakan di dalam tempoh kecacatan di *Wellness Hub* Kuala Sawah.

Maklum balas PKD Seremban

Tindakan merampas Wang Jaminan Pelaksanaan sedang dijalankan oleh Unit Kewangan PKD Seremban.

ix) Lukisan Pelan dan Laporan Bergambar *Wellness Hub* Sungai Petani Tidak Dikemukakan

Lukisan pelan tidak dikemukakan oleh kontraktor selepas siap kerja dan laporan bergambar yang dilampirkan oleh kontraktor adalah tidak lengkap kerana hanya mengemukakan satu set laporan gambar sebelum dan semasa sahaja di PKD Kuala Muda.

Maklum balas PKD Kuala Muda

Mengemukakan semula laporan bergambar siap kerja serta dua (2) salinan laporan bergambar. Laporan ini telah disemak dan disokong oleh PJ.

x) Arahan Pembayaran Pembelian *Treadmill* Tidak Dikemukakan

Dokumen arahan pembayaran tidak dikemukakan bagi pembayaran *treadmill* di PKD Kuala Muda.

Maklum balas PKD Kuala Muda

Dikemukakan Salinan Dokumen Arahan Pembayaran bagi Pembelian *Treadmill*.

xi) Serahan Projek

Tiada kaedah penyerahan/ pengambilalihan bagi projek naik taraf yang telah siap dilaksanakan di PKD Kota Setar dan Kuala Muda.

Maklum balas PKD Kota Setar

T&C dan perakuan siap kerja telah dilakukan pada tarikh 16 November 2020. Kaedah penyerahan/ pengambilalihan secara dokumentasi akan dibuat pada masa hadapan.

Maklum balas PKD Kuala Muda


Penyerahan projek adalah berdasarkan SST yang diterima oleh pihak kontraktor. Pengambilan projek adalah berdasarkan pengujian dan pentauliahan T&C yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor bersama Unit Kejuruteraan dan pihak pengguna.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan pengurusan projek naik taraf *Wellness Hub* dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan PKD/ Ketua Jabatan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Melantik penyelia kerja yang bertanggungjawab.
- Menyediakan borang BQ yang jelas dan terperinci bagi mengelakkan lebihan kos dan pembaziran.
- Memasukkan klausa kenaaan denda/ ganti rugi.
- Memastikan bayaran penuh tidak dibuat kepada kontraktor yang gagal membekal/ melaksanakan kerja.
- Menetapkan kaedah penyerahan/ pengambilalihan bagi projek naik taraf yang telah siap dilaksanakan.

3.3.4 PENGAUDITAN TERHADAP PROGRAM *COMMUNITY FEEDING* DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



A. RUMUSAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga November 2022 merumuskan perkara berikut:

i) Prestasi Program *Community Feeding*

- a) Secara keseluruhannya **prestasi peserta PCF adalah baik** kerana purata peserta yang terlibat bagi setiap tahun adalah seramai 1,382 peserta setahun. Peningkatan dan penurunan peserta adalah tidak ketara setiap tahun kerana peserta yang telah melebihi umur dan keluar dari PCF akan digantikan dengan peserta yang baru berusia enam (6) bulan pada setiap tahun.

- b) Selain itu, objektif PCF telah tercapai. Bagaimanapun, terdapat beberapa PKD yang tidak mencapai objektif yang telah ditetapkan disebabkan pandemik COVID-19 yang berlaku di antara tahun 2020 hingga 2021.

ii) Pengurusan Program *Community Feeding*

Secara keseluruhannya, PCF yang dilaksanakan di Pusat *Community Feeding* Pos Jernang, Kampung Orang Asli (KOA) Pos Tenau, Kg. Pangkak Atas, Kg. Sempoh, Kg. Rakoh, Kg. Cheros, Kg. Sugi, Kg. Pasik, Kg. Ayong, Kg. Langsung dan Kg. Jias adalah memuaskan.

B. PENEMUAN AUDIT

Terdapat beberapa penemuan Audit yang perlu diberi perhatian bagi mempertingkatkan tahap pengurusan PCF mengikut PKD seperti berikut:

a) PKD Batang Padang

- Perolehan telah dipecah kecilkan yang mana dilaksanakan secara pembelian terus. Perolehan tahunan secara pembelian terus adalah melebihi had nilai pembelian terus di antara RM26,334.20 hingga RM51,978.70 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.
- Tiada kajian pasaran bagi pembelian terus. Selain itu, perolehan tersebut hanya melibatkan satu pembekal sahaja bagi pembelian bahan makanan dan bahan bukan makanan.

b) PKD Muallim

- Tiada kemudahan tandas disediakan di Pusat *Community Feeding* Kg. Pangkak Atas dan Kg. Sempoh.
- Perolehan telah dipecah kecilkan yang mana dilaksanakan secara pembelian terus. Perolehan tahunan secara pembelian terus adalah melebihi had nilai pembelian terus di antara RM14,394.20 hingga RM44,342.10 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.

- Kajian pasaran bulan Mei, Jun, Julai dan Ogos 2022 menggunakan *quotation* bulan April 2022.
- Pembelian bahan minuman jenama Milo pada tahun 2022 adalah pada harga yang tidak munasabah iaitu RM42 per kilogram.
- Kadar caj pengangkutan yang tercatat pada *quotation* pembekal tidak sama dengan kadar caj pengangkutan yang di kunci masuk ke dalam pesanan kerajaan.

c) PKD Lipis

- Tiada kemudahan tandas disediakan di Pusat *Community Feeding* Kg. Rakoh.
- Tempoh dan jadual penghantaran (Lampiran A2) bagi pembekal AZ Food Services Tahun 2021 dan Nordiee Trading Tahun 2022 ada dilampirkan bersama-sama dokumen kontrak. Bagaimanapun, bagi pembekal Edaran Jutamas Sdn Bhd Tahun 2020, Lampiran A2 ada disediakan tetapi maklumat tempoh dan jadual penghantaran tidak dinyatakan.
- Bayaran berjumlah RM63,299.60 telah dibayar kepada pembekal sebanyak dua (2) kali iaitu pada 21 September 2020 dan 19 Oktober 2020. Didapati berlaku bayaran sebelum penghantaran sebenar dibuat oleh pembekal dan tiada arahan secara bertulis dikeluarkan.
- Tiada permohonan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Sebut Harga berkaitan pelanjutan dan perubahan tempoh penghantaran barang dari lapan (8) bulan kepada sembilan (9) bulan dan dari bulan Mei 2020 hingga Disember 2020 kepada bulan Ogos 2020 hingga April 2021.
- Tiada permohonan dan kelulusan oleh Jawatankuasa Sebut Harga berkaitan pelanjutan dan perubahan tempoh penghantaran barang dari lapan (8) bulan kepada 12 bulan dan dari bulan Mei 2021 hingga bulan Disember 2021 ke bulan Mei 2021 hingga April 2022.
- Bayaran berjumlah RM70,980 telah dibayar kepada pembekal sebanyak lapan (8) kali iaitu bermula bulan Mei hingga Disember 2021. Didapati penghantaran barang yang sebenar adalah pada bulan Mei 2021 hingga April 2022. Bagaimanapun, PKD Lipis telah membuat bayaran sepenuhnya

sehingga bulan Disember 2021 walaupun penghantaran sebenar belum selesai dibuat.

d) PKD Cameron Highlands

- Rekod stok Pusat *Community Feeding* Kg. Cheros mendapati baki fizikal stok tidak sama dengan catatan baki pada kad rekod.
- Di Pusat *Community Feeding* Kg. Cheros, stok bahan mentah mudah rosak seperti sayur-sayuran yang telah dibekalkan oleh pembekal telah tidak boleh digunakan.
- Di Pusat *Community Feeding* Kg. Cheros didapati berlaku lebih stok seperti makanan kering, susu tepung penuh krim dan sabun tangan yang disimpan di dalam stor masing-masing.
- Di Pusat *Community Feeding* Kg. Cheros pada 17 November 2022 didapati stok bahan mentah terlalu berlebihan menyebabkan kualiti tidak terjamin dan cepat rosak dan stok makanan kering melebihi keperluan bulanan.
- Di Kg. Cheros, tiada sebarang pemberian RUTF diberi kepada kanak-kanak Orang Asli/ Pribumi yang mengalami masalah kekurangan zat makanan dengan kekerapan tiga (3) kali seminggu.
- Perolehan telah dipecah kecilkan yang mana dilaksanakan secara pembelian terus. Perolehan tahunan secara pembelian terus adalah melebihi had nilai pembelian terus di antara RM27,716 hingga RM32,185.80 bagi tempoh tahun 2020 hingga 2022.
- Kajian pasaran ada dijalankan bagi memilih pembekal yang paling menguntungkan Kerajaan untuk perolehan pembelian bahan makanan. Bagaimanapun, hanya pembekal yang sama telah dipilih bagi tempoh tiga (3) tahun.
- Pembayaran terlebih dahulu sebelum penghantaran barang dilaksanakan oleh pembekal dan didapati juga pembekal menghantar bekalan makanan sebelum proses perolehan disediakan.

e) PKD Jeli

- Tiada kemudahan sumber air bersih disediakan di Pusat *Community Feeding* Kg. Pasik dan Kg. Ayong.

- Kemudahan tempat mencuci tangan tidak disediakan Kg. Sugi dan Kg. Ayong. Keadaan Pusat *Community Feeding* Kg. Sugi dan Kg. Ayong yang diperbuat daripada buluh kelihatan uzur, tiada kemudahan sumber bekalan air, elektrik dan tandas. Pusat ini juga kurang memuaskan kerana kayu pemijak tangga telah patah, pintu dapur dan dinding berlubang dan ruang dapur memasak yang kurang selamat.

f) PKD Gua Musang

- Tiada kemudahan sumber air bersih disediakan di Pusat *Community Feeding* Kg. Jias dan Kg. Langsung.
- Rekod stok Pusat *Community Feeding* Kg. Jias dan Kg. Langsung mendapati baki fizikal stok tidak sama dengan catatan baki pada kad rekod.
- Di Pusat *Community Feeding* Kg. Jias dan Kg. Langsung didapati berlaku lebihan stok seperti makanan kering, susu tepung penuh krim dan sabun tangan yang disimpan di dalam stor masing-masing.
- Di Kg. Langsung dan Kg. Jias tiada surat persetujuan/ surat kebenaran dari JAKOA/ Tok Batin atau Ketua Kampung untuk melaksanakan PCF.
- Di Kg. Langsung dan Kg. Jias tiada sumber air bersih disediakan.
- Pembayaran elaun dibuat kepada sukarelawan yang tidak dilantik secara bertulis dan nama sukarelawan yang telah berhenti masih ada dalam senarai penerima elaun pada bulan Julai hingga September 2022.
- Dua (2) nama sukarelawan dari Kg. Jias dan satu dari Kg. Langsung tidak dilantik secara bertulis dan dalam masa yang sama menerima elaun secara tunai berjumlah RM2,500 tetapi atas nama sukarelawan yang dilantik secara bertulis oleh PKD.
- Jawatankuasa Sebut Harga yang bermesyuarat pada 27 April 2020 dan 28 Februari 2021 ada menyediakan kertas keputusan sebut harga tetapi tiada minit mesyuarat disediakan.
- SST dan jadual penghantaran (Lampiran A2) tidak dilampirkan di dalam dokumen kontrak.
- Pegawai diberikuasa tidak melaksanakan pembayaran elaun berkenaan kepada sukarelawan setiap bulan. Bayaran elaun berkenaan telah

dilaksanakan oleh Pegawai Sains Pemakanan (PSP) gred C41 dan tiada pelantikan secara bertulis dibuat bagi PSP berkenaan.

g) Semua PKD yang terlibat

- Program Memperkasakan Kesihatan Komuniti. telah dilaksanakan tetapi tidak mencukupi dengan kekerapan sekurang-kurangnya tiga (3) kali setahun di setiap Pusat *Community Feeding*.
- Elaun sukarelawan meningkat dari RM150.00 kepada RM250.00 sebulan iaitu bertambah sebanyak RM100.00 bermula pada bulan Julai 2021 belum dikemaskini dalam garis panduan semasa.

C. SYOR AUDIT

Bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan dan memastikan PCF dilaksanakan dengan lebih berkesan, adalah disyorkan PKD/ Ketua Jabatan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Memastikan pengurusan kontrak Kerajaan, pembayaran, dan perolehan dilaksanakan mengikut garis panduan dan pekeliling yang telah ditetapkan.
- Memohon peruntukan/ peruntukan tambahan untuk menaik taraf Pusat *Community Feeding* yang uzur.
- Memastikan aktiviti/ program memperkasakan komuniti dilaksanakan mengikut garis panduan yang telah ditetapkan.
- Mengkaji keperluan untuk memberikan latihan pengurusan kewangan kepada PSP yang terlibat dengan PCF.

3.4 PENGAUDITAN PRESTASI (ICT)

3.4.1 PENGURUSAN TERHADAP PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT KESELAMATAN MAKANAN MALAYSIA (FoSIM) DI KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pengauditan		PTJ Yang Dilawati
Menilai sama ada pengurusan pembangunan sistem FoSIM telah dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan dan data adalah boleh dipercayai, selamat dan berintegriti.		- Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) - Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Klang - PKD Petaling - PKD Kuala Langat - PKD Cheras
Skop Pengauditan	2017 - 2022	 Responden Soal Selidik
Meliputi aspek prestasi projek, pembangunan sistem, proses kewangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan pembangunan FoSIM di PKKM bagi tahun 2017 hingga Mac 2022.	- Nilai Kontrak RM11.72 juta - Tempoh Projek: 16.01.2017 - 15.07.2020 - Go-Live system: 15.03.2021	
	 Pengguna Sistem - Pegawai PKKM - Orang awam	- Pegawai PKKM: 325 - Orang Awam: 30

A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, **pembangunan sistem aplikasi FoSIM baharu adalah memuaskan**. Terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi memantapkan lagi pengurusan terhadap pembangunan sistem FoSIM antaranya ialah pembangunan sistem telah mengalami kelewatan dan penggunaan sistem serta peralatan berkaitan yang masih belum mencapai tahap optimum. Hasil soal selidik terhadap pengguna dalaman terutamanya perlu diambil perhatian dan tindakan sewajarnya. Bagaimanapun, FoSIM telah memberi manfaat kepada perkhidmatan awam dan pengguna luaran berikutan proses permohonan yang tidak terjejas sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan akibat pandemik COVID-19. Ringkasan penemuan utama Audit adalah seperti berikut:

- i. Kelewatan menyiapkan projek/ serahan projek dari tarikh akhir tempoh lanjutan masa antara 1 Julai 2021 hingga 14 Mac 2022 iaitu selama lapan (8) bulan 14 hari;
- ii. Kekurangan latihan berkaitan pengendalian dan penggunaan tablet/ aplikasi sistem FoSIM di peringkat pelaksana di PKD;
- iii. Aset Alih (Pindahan) tidak didaftarkan dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan penerimaan;
- iv. Penggunaan peralatan dan perkakasan ICT Sistem FoSIM tidak optimum;
- v. Baki RM3,871,458.12 (33%) masih belum dibuat pembayaran sehingga tarikh akhir pengauditan;
- vi. Data sistem lama disimpan dalam *archive* dan tidak selari dengan data sistem baru terutama data modul pemeriksaan premis;
- vii. FoSIM versi Bahasa Inggeris belum selesai sepenuhnya;
- viii. *Bug* melibatkan parameter pemarkahan Bahagian C iaitu Pengendali Makanan di Borang Pemeriksaan dan Penggredan Makanan (Borang PBT); dan
- ix. Perubahan syarat ujian air Mesin Jual Air tidak refleksi dalam FoSIM kerana berlaku selepas *Go Live*.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Kelewatan Menyiapkan Projek/ Serahan Projek

Tempoh kontrak FoSIM adalah pada 16 Januari 2017 hingga 15 Julai 2020 iaitu selama 42 bulan. Penjanjian tambahan kedua berkenaan pelanjutan tempoh kontrak telah dipersetujui dan bermula 16 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021 iaitu selama 11 bulan 15 hari. Semakan lanjut Audit mendapati tiada penamatan secara rasmi FoSIM yang dibuat selepas tamat tempoh waranti iaitu pada 14 Mac 2022. Selepas tamat tempoh lanjutan masa pada 30 Jun 2021, tiada lanjutan masa tambahan diluluskan. Oleh itu, berlaku kelewatan menyiapkan projek/ serahan projek daripada tarikh akhir tempoh lanjutan masa antara 1 Julai 2021 hingga 14 Mac 2022 iaitu selama lapan (8) bulan 14 hari.

Maklum balas PKKM

Penamatan projek secara rasmi akan dilaksanakan setelah selesai pembayaran dibuat kepada kontraktor. Kelulusan bayaran telah diperolehi daripada MOF melalui surat bertarikh 15 Julai 2022. Program Keselamatan dan Kualiti Makanan telah menerima kelulusan waran daripada Bahagian Pembangunan melalui memo bertarikh 21 September 2022.

ii) Kekurangan Latihan

Berlaku kekurangan latihan berkaitan pengendalian dan penggunaan *tablet/* aplikasi sistem FoSIM di peringkat pelaksana di PKD. Temubual Audit di empat (4) PKD iaitu PKD Klang, PKD Petaling, PKD Kuala Langat dan PKD Cheras mendapati latihan pengguna FoSIM di PKD tidak mencukupi. Selain itu, soal selidik yang dibuat oleh Cawangan Audit Dalam juga mendapati 59% responden pengguna dalaman PKKM juga menyatakan latihan yang diberikan adalah tidak mencukupi.

Maklum balas PKKM

Pelaksanaan latihan secara bersemuka bagi modul Pematuhan Domestik telah dilaksanakan pada 22 Februari hingga 25 Februari 2021 melibatkan 18 anggota yang dihadiri oleh pegawai daripada IPKMM dan JKN. Namun begitu, latihan tersebut masih tidak mencukupi untuk memahirkan pengguna FoSIM. Sepanjang tahun 2021, beberapa sesi latihan secara maya sahaja yang mampu diberikan kepada pengguna FoSIM disebabkan kekangan PKP dan PKPB. Bagi memantapkan lagi kefahaman penggunaan sistem FoSIM kepada anggota, Cawangan Pematuhan Domestik (CPD) telah merancang dan akan melaksanakan lapan (8) siri Latihan Penggunaan Sistem FoSIM secara bersemuka bagi Aktiviti Pematuhan Domestik tahun 2022. Video latihan telah dihasilkan dan sedia untuk digunakan.

iii) Aset Alih (Pindahan) Tidak Didaftarkan Dalam Tempoh Dua (2) Minggu

Pemeriksaan fizikal Audit mendapati 14 aset alih (pindahan) yang telah diterima oleh tiga (3) PKD tidak didaftarkan semula di PTJ berkenaan selaras dengan kehendak Pekeliling Perbendaharaan AM 2.6.

Maklum balas PKD Klang

Pegawai aset telah diberi peringatan keperluan pendaftaran aset dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh pengesahan terima aset. Semua empat (4) aset telah didaftarkan di PKD Klang pada 15 Oktober 2021.

Maklum balas PKD Cheras dan PKD Petaling

Semua aset telah didaftarkan di PKD Cheras pada 11 Mac 2021 dan di PKD Petaling pada 26 Mei 2022.

iv) Penggunaan Peralatan dan Perkakasan ICT Sistem FoSIM tidak optimum

a) PKD Petaling

Pemeriksaan fizikal Audit terhadap rekod penggunaan *tablet* dan *mobile printer* di PKD Petaling pada 23 Mac 2022 menunjukkan hanya tiga (3) buah *tablet* dan tiga (3) buah *mobile printer* sahaja digunakan. Penggunaan pada tahun 2021 bermula dari 5 April 2021 hingga 21 November 2021 dengan kekerapan penggunaan adalah sebanyak 56 kali. Manakala penggunaan pada tahun 2022 bermula dari 20 Januari 2022 hingga 7 Mac 2022 dengan kekerapan sebanyak tiga (3) kali.

Maklum balas PKD Petaling

PKD Petaling mengakui bahawa tidak semua PPKP mahir mengendalikan aset yang dibekalkan. Di samping itu, terdapat urusan mobilisasi anggota bantuan siasatan Covid-19. Semasa Audit dijalankan aktiviti pematuhan domestik di PKD belum berjalan dengan skala penuh. Namun begitu, perkakasan ICT yang dibekalkan telah telah digunakan sepenuhnya.

b) PKD Kuala Langat

Tiada penggunaan *tablet* dan *mobile printer* bagi tahun 2022 di PKD Kuala Langat kerana dakwat *mobile printer* tersebut telah habis digunakan pada tahun 2021. Borang Manual Pemeriksaan Premis telah digunakan semasa kerja di lapangan.

Maklum balas PKD Kuala Langat

Penggunaan *printer* sehingga September 2021 kerana kehabisan dakwat. UKKM telah membuat permohonan bagi pembelian dakwat *printer* ini pada bulan Disember 2021 bagi kegunaan tahun 2022. Namun, pembelian dakwat tidak dapat dibuat disebabkan terdapat masalah kontrak sebut harga (diuruskan oleh Unit Pengurusan PKD). Walaupun begitu, penggunaan *tablet* digunakan sepenuhnya bagi aktiviti pensampelan dan dokumen tersebut akan dicetak menggunakan pencetak pejabat.

c) PKD Klang dan PKD Cheras

Proses kerja di lapangan menggunakan Borang Manual. *Tablet* hanya akan digunakan di pejabat untuk mengunci masuk semula maklumat dari borang yang digunakan selepas selesai kerja di lapangan.

Maklum balas PKD Klang dan PKD Cheras

Terdapat beberapa masalah apabila menggunakan *tablet* seperti berikut:

- Penggunaan *tablet* ketika operasi pemeriksaan premis atau pensampelan makanan akan menyebabkan proses kerja menjadi lambat dan mungkin tergendala (gangguan sistem).
- Bilangan *tablet* yang dibekalkan masih tidak mencukupi untuk digunakan oleh semua anggota ketika operasi.
- *Tablet* tidak dibekalkan dengan data internet untuk memasukkan koordinat premis ke dalam sistem.
- Sistem FoSIM versi *tablet* (offline) masih tidak stabil kerana terdapat kesukaran untuk *synchronise data*, masalah *error* dan sebagainya.

Buat masa ini, pendekatan PKD menggunakan *tablet* semasa aktiviti pemeriksaan premis atau pensampelan biasa. Selain itu, sebilangan anggota menggunakan data/ internet peribadi secara sukarela bagi mengakses FoSIM versi *online* menerusi *tablet*. Sebagai alternatif, data akan dikunci masuk dalam FoSIM semasa di pejabat selepas selesai kerja di lapangan.

v) Prestasi Kewangan

Jumlah pembayaran yang telah dibuat kepada syarikat kontraktor adalah bernilai RM7.85 juta (67%) dengan pembayaran terakhir yang dibuat adalah pada 09 Disember 2019. Baki RM3.87 juta (33%) masih belum dibuat pembayaran sehingga tarikh akhir pengauditan. Pihak Audit telah dimaklumkan oleh Unit Kewangan PKKM bayaran tidak boleh dibuat disebabkan kontrak asal telah tamat tempoh pada tahun 2020. Permohonan untuk membuat bayaran telah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan (MOF). Bagaimanapun sehingga tarikh akhir pengauditan, kelulusan MOF belum diperolehi untuk pembayaran baki kontrak.

Maklum balas PKKM

Bahagian Perolehan dan Penswastaan memaklumkan bahawa kelulusan untuk membuat bayaran Invois Tanpa Pesanan Tempatan berjumlah RM3,804,294.21 telah diterima daripada MOF melalui surat bertarikh 30 Jun 2022.

vi) Proses Migrasi Data

Sesi *Walkthrough* Audit terhadap sistem FoSIM baharu mendapati data dari sistem lama tidak selari dengan data sistem baru terutama data modul pemeriksaan premis. Data sistem lama telah disimpan di dalam *archive*. Hasil temubual dengan pegawai PKKM di PKD Petaling dan semakan melalui sistem mendapati carian tidak memaparkan kesemua premis makanan yang telah didaftarkan di dalam sistem FoSIM baharu.

Maklum balas PKD Petaling

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Berkaitan Dengan Keperluan Data Migrasi FSSM bertarikh 27 November 2017, semua maklumat pendaftaran premis diambil dari sistem FoSIM Domestik sepenuhnya. Sebanyak 14,614 buah premis telah didaftarkan bagi daerah Petaling.

Hasil semakan mendapati keputusan carian premis makanan hanya memaparkan lima (5) buah premis walaupun jumlah premis makanan adalah

lebih kerana pengguna menggunakan *tab* carian yang salah. Terdapat dua (2) *tab* iaitu 'Carian' dan 'Pemeriksaan Premis'. Sepatutnya pengguna menggunakan *tab* 'Carian' bukan *tab* 'Pemeriksaan Premis' untuk maklumat lanjut. Perkara ini berlaku kerana kekurangan pengetahuan terhadap penggunaan Sistem FoSIM.

vii) Aplikasi FoSIM Dalam Dwi Bahasa (Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia)

Semakan Audit mendapati sehingga tarikh akhir pengauditan aplikasi FoSIM versi Bahasa Inggeris belum selesai sepenuhnya dimana kebanyakan paparan medan data dan data yang dikeluarkan menunjukkan campuran kedua-dua bahasa.

Maklum balas PKKM

Pihak MIMOS memohon untuk perlanjutan masa bagi menyelesaikan isu dwibahasa. Aplikasi Dwi Bahasa sudah selesai 80% dan 20% masih dalam tindakan pihak MIMOS. Jangkaan selesai ialah pada 30 September 2022.

viii) Ralat (Bug) Modul Pemeriksaan Premis

Sesi *walkthrough* sistem yang telah dilaksanakan di PKD Klang, PKD Petaling dan Ibu Pejabat PKKM, mendapati berlaku ralat (bug) melibatkan parameter pemarkahan Bahagian C: Pengendali Makanan di Borang Pemeriksaan dan Penggredan Makanan (Borang PBT). Berdasarkan data eAduan di dalam sistem FoSIM mendapati sebanyak 13 aduan berkenaan perkara ini telah dilaporkan bermula dari tempoh 4 Ogos 2021 hingga 11 Mac 2022. Status keutamaan bagi kesemua aduan tersebut adalah pada tahap Medium. Dua (2) daripada 13 aduan adalah berstatus *Closed* dan aduan tersebut lewat diselesaikan antara 12 hingga 14 hari dari tarikh yang ditetapkan.

Baki 11 aduan lagi adalah berstatus *Assigned* tanpa *Closing Date*. Sehingga tarikh pengauditan iaitu pada 11 Mac 2022, tempoh kelewatan penyelesaian aduan adalah antara lapan (8) hingga 165 hari. Pihak Audit berpendapat 11

aduan ini masih belum diselesaikan memandangkan tiada *Closing Date* dinyatakan di dalam sistem.

Hasil temubual bersama *Subject Matter Expert* (SME) Cawangan Pematuhan Domestik, pihak Audit dimaklumkan MIMOS akan menyelesaikan isu ini dengan pelepasan *patch* pada akhir bulan November 2021. Bagaimanapun, sehingga tarikh akhir pengauditan isu ini masih belum diselesaikan.

Penyelesaian sementara yang diberi oleh pihak MIMOS adalah dengan menggunakan formula. Bagaimanapun, penggunaan formula masih tidak menghasilkan pemarkahan yang tepat. Pegawai Penguatkuasa perlu membuat catatan pemarkahan sebenar di Borang Pemeriksaan Dan Penggredan Premis Makanan.

Maklum balas PKKM

Modul pemeriksaan premis telah selesai 80% dan 20% masih dalam tindakan pihak MIMOS. Jangkaan selesai ialah pada 30 September 2022 dan video latihan telah dihasilkan dan sedia untuk digunakan.

ix) Perubahan Syarat Ujian Mesin Jual Air (MJA) – Modul Persampelan

Sesi *walkthrough* sistem di PKD Kuala Langat dan PKD Cheras, berlaku isu semasa penjaan Borang A - Permintaan Bagi Analisis Sampel Makanan bagi Sampel MJA. Semasa proses pengambilan sampel dilakukan, pengguna telah membuat pilihan (tick) parameter bagi Sub Kumpulan Analisis: Mikrobiologi yang dikehendaki. Bagaimanapun, apabila Borang A dijana, ruangan Jenis Analisis memaparkan "Semua Parameter Mikrobiologi".

SME Cawangan Industri Domestik mengesahkan, pegawai SME yang terlibat ketika sesi penyediaan URS menetapkan semua parameter mikrobiologi untuk ujian air MJA selaras dengan peraturan pada masa itu. Bagaimanapun, peraturan untuk ujian air MJA telah dipinda dimana hanya melibatkan sebahagian daripada parameter mikrobiologi selepas FoSIM *go-live*.

Maklum balas PKKM

Pindaan *parameter* bagi sebahagian mikrobiologi tersebut hanyalah bersifat sementara (administrative) bagi memudahkan pihak syarikat sepanjang tempoh pandemik.

C. SYOR AUDIT

Pihak IPKKM disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

- Penggunaan peralatan ICT perlu dioptimumkan bagi mengelakkan pembaziran.
- Klausula yang ditetapkan dalam dokumen kontrak berkenaan LAD hendaklah dikuatkuasakan terhadap kontraktor.
- Isu-isu ralat (bug) yang telah berlarutan tanpa penyelesaian muktamad sejak tahun 2021 perlu diambil tindakan dengan segera.
- Latihan berterusan perlu diberikan kepada semua pengguna FoSIM memandangkan kadar pusingan kerja kakitangan di PKD adalah tinggi.

3.4.2 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PENYENGGARAAN SISTEM ICT - TOTAL HOSPITAL INFORMATION SYSTEM (THIS) DI INSTITUT KANSER NEGARA (IKN)

Objektif Pengauditan Menilai sama ada aktiviti penyenggaraan telah dilaksanakan dengan berhemat, cekap dan berkesan selaras dengan objektif yang ditetapkan, iaitu untuk memastikan prestasi sistem ICT tidak terjejas dan data adalah boleh dipercayai, selamat dan berintegriti.	 Skop Pengauditan Meliputi aspek proses perolehan, prestasi perkhidmatan penyenggaraan, proses kewangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan penyenggaraan THIS di IKN dari bulan Mei 2019 sehingga April 2022.
Mei 2019 - April 2022 Nilai Kontrak RM29,465,222.80 Tempoh Kontrak 01.05.2019 – 30.04.2022	Pemeriksaan Fizikal:  ▪ Bahagian Teknologi Maklumat IKN ▪ Bilik Server ▪ Jabatan Pendaftaran/ Kemasukan & Hasil ▪ Jabatan Perubatan Nuklear ▪ Stor Perubatan ▪ Jabatan Radiologi
 Soal Selidik 303 responden	

A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, **perkhidmatan sokongan operasi dan perkhidmatan penyenggaraan sistem aplikasi dan THIS adalah memuaskan**. Bagaimanapun, terdapat perkara yang perlu diberi perhatian bagi memantapkan lagi pengurusan terhadap penyenggaraan THIS. Ringkasan penemuan utama Audit adalah seperti berikut:

- Kontrak tidak ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat dengan kelewatan selama 89 hari;
- Aktiviti simulasi BCP (planned downtime) tidak pernah dilaksanakan sepanjang tempoh kontrak;

- iii) Enam (6) daripada 60 dokumen ISMS (10%) dan Penyata pemakaian (Statement of Applicability) yang telah diserahkan kepada IKN adalah berstatus draf walaupun bayaran penuh telah dibuat;
- iv) *Refreshment Training*, Latihan Kemahiran Asas Teknikal ICT, *Basic Training for This Maintenance & Troubleshooting*, Latihan Daripada Pakar Aplikasi/ Principal (BTS, EIS dan RIS/ PACS) tidak pernah dibuat sepanjang tempoh kontrak berkuat kuasa;
- v) Latihan kakitangan baharu yang dilaksanakan tidak memenuhi kriteria bilangan minima peserta yang ditetapkan dan setiap sesi latihan yang dilaksanakan telah dibuat tuntutan oleh kontraktor;
- vi) Dua (2) tuntutan bayaran berjumlah RM248,146 masih belum mendapat kelulusan AP58(a);
- vii) Tiada bukti pembaharuan lesen perisian *Adobe Acrobat PRO DC* berjumlah RM4,500 pada pembayaran tahun 2019;
- viii) Penalti kerana ketidakpatuhan klausa kontrak sebanyak RM18,371.55 tidak dikenakan kepada kontraktor;
- ix) Pembayaran di luar kontrak rasmi bagi tiga (3) Arahan Pembayaran berjumlah RM5.59 juta telah dibayar kepada kontraktor;
- x) *Backup tape* IKN telah disimpan di dalam peti besi di lokasi yang berlainan (Off-Site) iaitu di Jabatan Teknologi Maklumat Hospital Putrajaya (JTM HPj). Bagaimanapun, peti besi tersebut telah disimpan di dalam Bilik Cetak yang turut digunakan sebagai tempat penyimpanan barang-barang yang lain; dan
- xi) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana O&M THIS IKN diadakan tidak mengikut tempoh yang telah ditetapkan.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Kontrak Lewat Ditandatangani

Kontrak perkhidmatan sokongan operasi dan perkhidmatan penyenggaraan bagi peralatan ICT, sistem aplikasi dan THIS di IKN telah lewat ditandatangani dalam tempoh empat (4) bulan selepas SST ditandatangani balas oleh syarikat. Bagi tujuan penentuan tempoh kelewatan, pihak Audit telah menggunakan tarikh 2 Mei 2019 sebagai asas pengiraan dan mendapati tempoh kelewatan adalah selama 88 hari.

Maklum balas IKN

Senarai Semak Proses Tender telah disediakan bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

ii) Pelan Kesyinambungan Perkhidmatan ICT (BP ICT)

Aktiviti simulasi BCP tidak pernah dilaksanakan sepanjang tempoh kontrak. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai IT, simulasi BCP tidak dilaksanakan disebabkan oleh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan berlakunya *unplanned downtime* pada 26 Ogos 2021. Bagaimanapun, pindaan untuk pengecualian terhadap klausa kontrak tidak dilaksanakan.

Maklum balas IKN

Aktiviti simulasi BCP secara *live* tidak dilaksanakan sepanjang kontrak kerana perkara ini akan menyebabkan perkhidmatan perawatan terhadap pesakit kanser terjejas. Bagaimanapun, pengaktifan BCP pernah dilaksanakan sebanyak tiga (3) kali kerana kegagalan sistem di IKN. *Planned Downtime* turut dilaksanakan dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada 20 Mac 2020 juga telah menjejaskan pelaksanaan perkhidmatan ICT dan semakan BCP ICT di IKN. Walaupun begitu, simulasi secara perbincangan dengan semakan terhadap aliran

dan proses kerja semasa BCP diaktifkan telah dilaksanakan bersama Klinik Radioterapi (Jabatan Radioterapi dan Onkologi).

iii) Prestasi Pelaksanaan *Information Security Management System (ISMS)*

Semakan Audit mendapati IKN telah membayar sejumlah RM140,000 (63.64%) kepada Syarikat NE berkaitan pelaksanaan skop kerja ISMS setakat tarikh akhir pengauditan. Pelaksanaan skop kerja ISMS perlu dilaksanakan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan di dalam kontrak. *Statement of Applicability* perlu disediakan setelah kesemua dokumen ISMS telah disahkan. Penemuan Audit adalah seperti berikut:

- a) Enam (6) daripada 60 dokumen ISMS (10%) yang telah diserahkan kepada IKN adalah berstatus draf. Hanya enam (6) dokumen telah dimuktamadkan dan disahkan oleh Pengarah IKN pada tahun ketiga kontrak. Manakala 54 dokumen ISMS yang berstatus draf/ penyediaan/ tiada diperincikan; dan
- b) Sehingga tarikh akhir pengauditan, Penyata Pemakaian (*Statement of Applicability*) adalah berstatus draf walaupun bayaran penuh telah dibuat.

Maklum balas IKN

Dokumen ISMS sebenar dan mandatori adalah sebanyak 20 unit sahaja. Enam (6) dokumen telah disempurnakan diselesaikan. Bagaimanapun, baki dokumen lain masih menunggu pengesahan pihak IKN. Pihak kontraktor telah berjanji akan menyelesaikan perkara ini berdasarkan *Under Taking Letter* yang akan dikemukakan pada 20 September 2022 bagi membolehkan kerja-kerja semakan serta penyempurnaan baki dokumen ISMS dilaksanakan sehingga akhir tahun.

iv) Latihan dan Pemindahan Teknologi

- a) Latihan kakitangan baharu yang dilaksanakan tidak memenuhi kriteria bilangan minima peserta yang ditetapkan dan setiap sesi latihan yang dilaksanakan telah dibuat tuntutan oleh kontraktor bernilai RM3,500.
- b) *Refreshment Training* dan *Training for The Trainers (TOT)* tidak dibuat mengikut kekerapan yang ditetapkan. *Refreshment Training* tidak dibuat

dalam tempoh tiga (3) tahun kontrak manakala *Training for The Trainers* (TOT) hanya dibuat sekali dalam tempoh tiga (3) tahun kontrak pada 5 November 2019.

- c) Latihan kemahiran asas teknikal ICT bagi Latihan Teknikal untuk staf JTM IKN dan *Basic Training for THIS Maintenance & Troubleshooting* tidak pernah dibuat sepanjang tempoh kontrak.
- d) Latihan teknikal daripada tiga (3) pakar aplikasi/ prinsipal tidak pernah dibuat sepanjang tempoh kontrak.

Maklum balas IKN

Takwim Latihan ICT telah disediakan untuk dilaksanakan berdasarkan keperluan. Panggilan latihan dibuat mengikut jadual dan memenuhi kuantiti/ kuota yang telah ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun, kehadiran kakitangan semasa sesi berkaitan tidak dapat dipenuhi pada saat akhir disebabkan faktor arahan Perintah Kawalan Pergerakan.

v) Prestasi Pembayaran

- a) Dua (2) tuntutan bayaran berjumlah RM248,146 masih belum mendapat kelulusan AP58(a) sehingga ke tarikh akhir pengauditan. Surat Permohonan Kelulusan Pembayaran di bawah AP58(a) telah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan KKM pada 30 Mac 2022 [Rujukan Surat: IKN/400-3/1 Jld.4 (15)].

Maklum balas IKN

Kelulusan AP58(a) telah diterima pada 1 Julai 2022. Pembayaran telah dibuat melalui Arahan Pembayaran bertarikh 13 Julai 2022.

- b) IKN telah terlebih bayar kepada Syarikat NE sebanyak RM4,500 iaitu berkaitan dengan pembayaran pembaharuan tiga (3) lesen perisian Adobe Acrobat PRO DC bagi tahun 2019.
- c) 33 Arahan Pembayaran berjumlah RM6,860,046.50 telah dikeluarkan bagi pembayaran bulanan perkhidmatan sokongan operasi dan penyenggaraan

yang telah dilaksanakan oleh Syarikat NE tanpa pengiraan dan tolakan penalti berjumlah RM18,371.55.

Maklum balas IKN

Penalti telah dikenakan sebanyak RM22,871.55 semasa pembayaran pada bulan April 2022 sebagai pemotongan terhadap amaun terlebih bayar bagi Pembaharuan Lesen Adobe sebanyak RM4,500 dan Perkhidmatan Sokongan Operasi dan Perkhidmatan Penyelenggaraan sebanyak RM18,371.55.

Penambahbaikan terhadap peruntukan dalam kontrak dibuat dengan memasukkan klausa pindaan kepada jadual iaitu pindaan versi perisian boleh dilaksanakan melalui persetujuan mesyuarat pemantauan projek peringkat IKN.

vi) Pembayaran Dibuat Di Luar Kontrak Rasmi

Tiga (3) Arahan Pembayaran berjumlah RM5.59 juta telah dibayar kepada Syarikat NE walaupun kontrak formal belum ditandatangani selepas empat (4) bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan.

Maklum balas IKN

Bahagian Perolehan IKN telah menghantar Surat Permohonan Kelulusan Pembayaran di luar kontrak kepada Pegawai Pengawal pada 21 Disember 2022. Tindakan penambahbaikan telah diambil dengan memasukkan elemen pemantauan terhadap penyediaan kontrak formal dalam senarai semak Pegawai Perolehan dan Pegawai Kewangan bagi memastikan perkara ini tidak berulang.

vii) Tempat Penyimpanan *Backup Tape*

Backup tape IKN telah disimpan di dalam peti besi di lokasi yang berlainan (off-site) iaitu di Jabatan Teknologi Maklumat Hospital Putrajaya (JTM HPj). Bagaimanapun peti besi tersebut telah disimpan di dalam Bilik Cetak yang turut digunakan sebagai tempat penyimpanan barang-barang yang lain.

Maklum balas IKN

Susulan daripada perbincangan bersama pihak IT Hospital Putrajaya (HPj) pada 18 Oktober 2022, surat permohonan penempatan telah dihantar ke Institut Endokrin HPj pada 22 November 2022. Aktiviti penempatan *backup tape* telah dilaksanakan pada 8 Disember 2022.

C. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan tindakan bagi mengatasi kelemahan yang dibangkitkan tidak berulang seperti berikut:

- Memastikan peraturan Kerajaan berkaitan pengurusan perolehan dipatuhi.
- Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor untuk memastikan terma-terma kontrak dipatuhi dan memastikan kerja telah selesai dilaksanakan sebelum tuntutan bayaran dibuat.
- Memastikan semua dokumen sokongan yang dilampirkan lengkap dan tepat sebelum melaksanakan sebarang pembayaran.
- Memastikan penyimpanan peralatan/ perkakasan ICT dibuat mengikut peraturan yang berkuat kuasa.
- Latihan yang komprehensif perlu dilaksanakan secara berkala kerana IKN mengintegrasikan sistem-sistem klinikal secara menyeluruh.

3.4.3 PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN ICT (KOMPUTER PERIBADI DAN KOMPUTER RIBA) DI BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Objektif Pengauditan Untuk menilai sama ada proses perolehan dilaksanakan berdasarkan amalan tadbir urus baik (good governance practices) dengan mematuhi prinsip-prinsip perolehan Kerajaan dan penerimaan setiap peralatan ICT menepati spesifikasi yang ditetapkan, diterima dalam keadaan yang baik, sempurna dan selamat untuk digunakan. Kontrak Yang Terlibat GEV (Zon 1) ▪ Nilai Kontrak: RM13.47 juta ▪ 1,450 Komputer Peribadi dan 307 Komputer Riba HF (Zon Tengah) ▪ Nilai Kontrak: RM16.4 juta ▪ 1,708 Komputer Peribadi dan 589 Komputer Riba Tahun 2022 (sehingga September) • Peruntukan RM253.58 juta • Belanja RM214.20 juta (84.5%)	Skop Pengauditan Meliputi aspek proses perolehan, prestasi perkhidmatan pembekalan peralatan ICT, proses kewangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap perolehan dan pengagihan peralatan ICT melibatkan dua (2) kontrak. PTJ/ Fasilitas Kesehatan ▪ Bahagian Pengurusan Maklumat ▪ Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya ▪ Hospital Putrajaya ▪ Hospital Kuala Lumpur ▪ Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang Responden Soal Selidik ▪ Kontrak GEV (25) ▪ Kontrak HF (20)
--	--

A. RUMUSAN AUDIT

Secara keseluruhannya, **Pengauditan Terhadap Pengurusan Perolehan Peralatan ICT (Komputer Peribadi Dan Komputer Riba) di BPM** adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian bagi memantapkan lagi pengurusan perolehan. Ringkasan penemuan utama Audit adalah seperti berikut:

- i) Kontrak perjanjian lewat ditandatangani dengan tempoh kelewatan antara 105 hari dan 260 hari.

ii) Prestasi perkhidmatan pembekalan kurang memuaskan kerana:

a) Kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV)

- Sebanyak 23 unit peralatan ICT tidak dapat disahkan lokasi sebenar agihan.
- Penalti terkurang tuntutan RM575.69 melibatkan 10 log aduan Borang *Corrective Maintenance* (CM).
- Maklumat lima (5) borang CM tidak lengkap bagi mengesahkan pengiraan penalti RM1,665.73.
- Tiada penalti dikenakan RM50 bagi dua (2) laporan CM telah lewat dihantar.
- Tiada penalti dikenakan RM5,425 atas kegagalan penghantaran Laporan CM pada tempoh bulan Februari hingga 31 Disember 2021.

b) Kontrak KKM-11/2022/ICT (HF)

- Jadual PM secara *in-house* di PTJ/ Fasiliti Kesihatan tidak disediakan.
- 73 hari kelewatan dengan tempoh kelewatan antara satu hingga 17 hari melibatkan lapan (8) (32%) daripada 25 penghantaran Laporan CM.
- Tiada klausa bagi menjamin kepentingan Kerajaan iaitu denda terhadap kegagalan pematuhan klausa penghantaran Laporan CM.

iii) Kelewatan bayaran kontrak antara lima (5) hingga 209 hari;

iv) Denda berjumlah RM25,163.90 tidak dikenakan kepada kontraktor atas 16 hari kelewatan terimaan peralatan (Kontrak KKM-11/2022/ICT-HF);

v) Tiada pemakluman/rujukan berkenaan skop kerja kontrak kepada pegawai bertanggungjawab di empat (4) PTJ/ Fasiliti Kesihatan; dan

vi) Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Penyelenggaraan, Penyewaan dan Pembelian Peralatan ICT Secara Berpusat tidak difailkan secara teratur.

B. PENEMUAN AUDIT

i) Kontrak Lewat Ditandatangani

Semakan Audit mendapati kedua-dua kontrak perjanjian secara sewa milik bagi Zon 1 iaitu telah lewat ditandatangani selama 105 hari dan Zon Tengah telah lewat ditandatangani selama 260 hari.

Maklum balas BPM

▪ Kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV)

Dimaklumkan bahawa kelewatan berlaku semasa proses semakan kontrak oleh Pejabat Undang-Undang (PUU) dengan mengambil masa tempoh tiga (3) bulan. Unit perolehan BPM telah menghantar draf kontrak kepada Pejabat Undang-Undang pada 11 Disember 2020. PUU telah mengembalikan draf kontrak pada 22 Mac 2021 dan kontrak telah ditandatangani pada 28 Mei 2021.

▪ Kontrak KKM-11/2022/ICT (HF)

Dimaklumkan bahawa kelewatan berlaku semasa proses semakan kontrak oleh Pejabat Undang-Undang dengan mengambil masa tempoh empat (4) bulan. Unit perolehan BPM telah menghantar draf kontrak kepada Pejabat Undang-Undang pada 21 April 2022 dan telah mengembalikan draf kontrak pada 22 Ogos 2022 dan kontrak telah ditandatangani pada 12 Oktober 2022.

ii) Lokasi Pengagihan Peralatan/ Perkakasan ICT

Semakan Audit terhadap fail Borang PM 1 dan senarai lokasi seperti Jadual 3 kontrak, terdapat perubahan lokasi bagi 54 pembekalan/ penghantaran peralatan ICT bagi lokasi ILKKM Jururawat Sg. Petani, Kedah dan Institut Kesihatan Umum (IKU), Putrajaya. Semakan Audit selanjutnya mendapati sebanyak 23 unit peralatan ICT tidak dapat disahkan lokasi sebenar agihan terdiri daripada agihan ILKKM Jururawat Sg. Petani dan IKU masing-masing sebanyak dua (2) dan 21 unit komputer peribadi kerana tiada surat/ pemberitahuan secara bertulis berkaitan dengan pertukaran tempat pengagihan peralatan ICT berdasarkan kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV).

Maklum balas BPM

Berdasarkan Laporan PM 2 (mulai September 2022 - November 2022) dan juga maklumat pengagihan asal, lokasi bagi kesemua 23 unit PC telah dikenalpasti. Bagi tujuan penambahbaikan, BPM akan meminta setiap fasiliti sentiasa mengemas kini lokasi penempatan komputer secara berkala.

iii) Perkhidmatan Penyelenggaraan Pencegahan (Preventive Maintenance - PM)

Semakan Audit terhadap kontrak KKM-11/2022/ICT (HF) pula mendapati skop kerja penyelenggaraan hanya melibatkan penyelenggaraan pembaikan sahaja tidak termasuk penyelenggaraan pencegahan. Berdasarkan lawatan Audit di empat (4) PTJ/ Fasiliti kesihatan, Jadual PM secara *in-house* tidak dapat disediakan bagi peralatan ICT yang dibekalkan kerana PTJ tidak dimaklumkan bahawa kerja PM tidak termasuk dalam skop kerja kontrak.

Maklum balas BPM

BPM telah mengemukakan semula salinan kontrak kepada Penyelaras ICT Negeri untuk dipanjangkan kepada semua Penyelaras ICT di Fasiliti/ PTJ. Menjadi tanggungjawab Penyelaras ICT di Fasiliti/ PTJ untuk merancang pelaksanaan PM secara *in-house* memandangkan kerja PM tidak termasuk dalam skop kerja kontrak. Bagi tujuan penambahbaikan, BPM akan memberikan taklimat kepada semua Penyelaras ICT di Fasiliti/ PTJ bagi kontrak-kontrak yang akan datang.

iv) Perkhidmatan Penyelenggaraan Pembaikan (Corrective Maintenance – CM)

- a) Semakan Audit terhadap Arahan Pembayaran tuntutan kontrak KKM-11/2022/ICT (HF) mendapati penalti yang dikenakan bagi kerja-kerja penyelenggaraan pembaikan selepas ORT dan PRT adalah sama berdasarkan formula dan spesifikasi yang dinyatakan dalam Jadual Kontrak. Namun begitu, didapati penalti yang dikenakan melibatkan 10 log aduan terkurang tuntutan berjumlah RM575.69 bagi Arahan Pembayaran tuntutan kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV).

Maklum balas BPM

Penalti terkurang tuntutan sebanyak RM575.69 akan dikenakan dalam mesyuarat pada bulan Februari 2023. Bagi tujuan penambahbaikan, prosedur kiraan penalti akan ditambah baik dengan semakan akan dibuat dalam Mesyuarat Pra-Pembayaran dan pegawai bertanggungjawab perlu menunjukkan kaedah kiraan, dan borang CM yang lengkap.

- b) Semakan Audit mendapati pada tahun 2021, GEV telah menggunakan format borang CM yang tidak menepati kehendak kontrak. Borang yang diguna tidak mempunyai nombor log aduan BPM, tarikh dan masa laporan diterima dan tarikh dan masa penyelesaian. Maklumat tersebut diperlukan bagi pengiraan penalti jika tempoh penyelenggaraan tidak mengikut SLA yang ditetapkan. Bagaimanapun, maklumat tersebut ditulis secara manual oleh kontraktor pada borang tersebut. Selain itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan pengiraan penalti berjumlah RM1,665.73 disebabkan maklumat bagi lima (5) borang CM tidak lengkap kerana tidak ditulis secara manual.

Maklum balas BPM

BPM mengakui teguran ini disebabkan GEV tidak menggunakan format seperti kontrak bagi butiran maklumat IRT, ORT dan PRT. Bagi tujuan penambahbaikan pada kontrak akan datang, BPM akan memastikan borang CM yang akan digunakan oleh kontraktor perlu disahkan terlebih dahulu sebelum dicetak dan digunakan.

v) Penalti Kelewatan Penghantaran Dokumen Penghantaran Laporan Corrective Maintenance (CM) Pada Setiap Hari Selasa

- a) Pihak Audit tidak dapat mengesahkan penghantaran Laporan CM bagi kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV) pada tahun 2021 disebabkan maklumat tersebut tidak dikemukakan. Perkara ini menyebabkan pengiraan penalti tidak dapat dibuat kerana tiada maklumat penghantaran laporan pada tahun 2021. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada penalti dikenakan

berjumlah RM50 pada tahun 2022 melibatkan dua (2) laporan telah lewat dihantar.

Maklum balas BPM

Jadual Pembayaran bagi kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV) bermula pada 15 Februari 2021, namun tiada Laporan CM yang diemelkan pada setiap hari Selasa dari 16 Februari 2021 hingga tarikh 31 Disember 2021. BPM akan mengenakan penalti sebanyak RM5,425.00 (RM25 x 217 hari) bagi tempoh tersebut pada Bayaran Kelima Tahun Kedua. Bagi tujuan penambahbaikan, semakan status penghantaran akan dibuat dalam Mesyuarat Pra-Pembayaran dan pegawai bertanggungjawab perlu menyediakan laporan penghantaran Laporan CM pada setiap hari Selasa.

- b) Semakan Audit selanjutnya mendapati berlaku kelewatan antara satu hingga 17 hari melibatkan lapan (8) (32%) daripada 25 penghantaran Laporan CM bagi KKM-11/2022/ICT (HF) dengan kelewatan sebanyak 73 hari. Walaupun begitu, klausa bagi menjamin kepentingan Kerajaan iaitu denda terhadap kegagalan pematuhan klausa penghantaran Laporan CM tidak dinyatakan dalam kontrak tersebut. Anggaran denda yang boleh dikenakan sekiranya ketetapan kontrak penalti dikenakan dengan andaian kadar RM25 per hari kelewatan adalah berjumlah RM1,825 (RM25 x 73 hari).

Maklum balas BPM

BPM mengakui klausa denda terhadap kelewatan penghantaran laporan CM tiada dalam kontrak KKM-11/2022/ICT (HF). Namun begitu, kontraktor telah mengemukakan alasan kelewatan penghantaran Laporan CM kepada BPM. Bagi tujuan penambahbaikan, BPM akan mengkaji semula untuk memasukkan klausa berkenaan dalam kontrak sewaan yang akan datang.

vi) Kelewatan Pembayaran Kontrak

Semakan Audit terhadap rekod pembayaran kontrak GEV dan HF mendapati berlaku kelewatan bayaran kontrak berjumlah masing-masing RM449,058 dan RM1.82 juta dengan tempoh kelewatan antara lima (5) hingga 209 hari. Semakan

lanjut mendapati pembayaran tersebut hanya dibuat selepas kontrak formal ditandatangani.

Maklum balas BPM

- **Kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV)**

Kelewatan pembayaran adalah disebabkan kelewatan pembekalan dan juga perubahan spesifikasi. Perkara ini telah dibincangkan di dalam Mesyuarat Khas Jawatankuasa Tadbir Urus pada 22 Julai 2021.

- **Kontrak KKM-11/2022/ICT (HF)**

Kelewatan pembayaran adalah disebabkan oleh kelewatan penerimaan draf kontrak yang lengkap disemak oleh Pejabat PUU.

vii) Denda Perkhidmatan Lewat Diserahkan

Pihak Audit mendapati denda berjumlah RM25,163.90 tidak dikenakan kepada kontraktor atas kelewatan terimaan agihan peralatan ICT selama 16 hari berdasarkan tarikh akhir penghantaran, pemasangan dan tarikh terakhir Borang FAT yang disahkan oleh pengguna di PTJ/ Fasiliti Kesihatan bagi kontrak KKM-11/2022/ICT (HF).

Maklum balas BPM

Permohonan pengenaan denda sebanyak RM40,891.34 telah dihantar kepada Bahagian Perolehan dan Penswastan pada 15 Ogos 2022 dengan kelewatan selama 28 hari.

viii) Rujukan Skop Kerja Kontrak di Lokasi Pengagihan PTJ/ Fasiliti Kesihatan

Berdasarkan semakan terhadap kesemua empat (4) PTJ/ Fasiliti Kesihatan yang dilawati, didapati tiada pemakluman/ rujukan berkenaan skop kerja bagi kedua-dua kontrak dikemukakan oleh BPM sebagai panduan kepada pegawai bertanggungjawab bagi memastikan pematuhan kontrak dipatuhi.

Maklum balas BPM

▪ **Kontrak KKM-249/2020/ICT (GEV)**

Salinan kontrak telah dipanjangkan kepada semua penyelaras ICT Negeri pada 6 Januari 2023.

▪ **Kontrak KKM-11/2022/ICT (HF)**

Salinan Setuju Terima dan salinan kontrak telah dipanjangkan kepada semua penyelaras ICT negeri (JKN) yang terlibat melalui group rasmi Penyelaras ICT kontrak pada 8 November 2022 untuk dipanjangkan kepada PTJ/ Fasiliti Kesihatan di negeri masing-masing. Justeru itu, BPM telah menghantar semula salinan kontrak kepada penyelaras ICT negeri melalui email pada 11 Januari 2023.

ix) Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Penyelenggaraan, Penyewaaan dan Pembelian Peralatan ICT Secara Berpusat

Sehingga tarikh akhir pengauditan, pemantauan terhadap pengurusan perolehan peralatan ICT (komputer peribadi dan komputer riba) untuk GEV dan HF telah dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Penyelenggaraan, Penyewaaan dan Pembelian Peralatan ICT Secara Berpusat masing-masing sebanyak sembilan (9) kali dan sekali untuk memperaku bayaran RM4.49 juta dan RM1.82 juta.

Bagaimanapun minit mesyuarat jawatankuasa tersebut hanya dilampirkan berserta dengan Arahan Pembayaran semasa membuat bayaran. Minit mesyuarat tersebut tidak difailkan dalam fail minit mesyuarat secara berasingan.

Maklum balas BPM

Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Projek Penyelenggaraan, Penyewaaan dan Pembelian Peralatan ICT Secara Berpusat diuruskan oleh pegawai yang menyelia projek secara berasingan. Bagi tujuan penambahbaikan, hanya satu minit akan dikeluarkan bagi setiap mesyuarat jawatankuasa walaupun melibatkan banyak kontrak dan akan dimasukkan dalam satu fail secara teratur bermula tahun 2023.

C. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan tindakan seperti berikut:

- Memastikan peraturan Kerajaan berkaitan pengurusan perolehan dipatuhi.
- Menjalankan penyeliaan yang lebih rapi terhadap kerja-kerja yang dilaksanakan oleh pihak kontraktor untuk memastikan terma-terma kontrak dipatuhi dan memastikan kerja telah selesai dilaksanakan sebelum tuntutan bayaran dibuat.
- Memastikan semua dokumen sokongan yang dilampirkan lengkap dan tepat sebelum melaksanakan sebarang pembayaran.

3.5 PENGAUDITAN KHAS DAN SIASATAN

Pada tahun 2022, Cawangan Audit Dalam (CAD) telah melaksanakan dua (2) pengauditan khas yang diarahkan oleh Pengurusan Tertinggi KKM. Senarai pengauditan khas yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

3.5.1 PENGAUDITAN TERHADAP TINDAKAN PENAMBAHBAIKAN YANG TELAH DISYORKAN OLEH PIHAK KEMENTERIAN BAGI KES-KES KEHILANGAN ASET YANG BERLAKU DI PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

Pengauditan ini dilaksanakan berdasarkan arahan oleh YBhg. Dato' Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan) KKKM melalui memo yang dikemukakan oleh Bahagian Perolehan Dan Penswastaaan (BPPs) bertarikh 11 Ogos 2022. Pengauditan telah dilaksanakan bermula pada 13 hingga 21 Oktober 2022 melibatkan 40 syor penambahbaikan di enam (6) PTJ seperti berikut:

- i) Hospital Raja Permaisuri Bainun, Perak.
- ii) Pejabat Kesihatan Pergigian Daerah Petaling, Selangor.
- iii) Pejabat Kesihatan Daerah Gombak, Selangor.
- iv) Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi, Johor.
- v) Hospital Temenggung Seri Maharaja Tun Ibrahim, Kulai, Johor.
- vi) Hospital Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

3.5.2 PENGAUDITAN EMOLUMEN TERLEBIH BAYAR

Pengauditan ini dilaksanakan berdasarkan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan dan Akaun (JPKA) Peringkat Kementerian Kesihatan Malaysia Bilangan 4 Tahun 2022 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Ketua Setiausaha KKM. Pengauditan Emolumen Terlebihi Bayar ini telah dilaksanakan ke atas 19 PTJ di lima (5) negeri bermula pada 24 November hingga 7 Disember 2022. Sebanyak 75 sampel kakitangan berjumlah RM1,181,719.21 telah dipilih bagi tujuan pengauditan. Senarai PTJ yang diaudit adalah seperti dalam **Jadual 3.5.1**.

JADUAL 3.5.1
SENARAI PTJ YANG DIAUDIT BERKAITAN DENGAN
PENGAUDITAN EMOLUMEN TERLEBIH BAYAR

NEGERI	PTJ
Sabah	1. Jabatan Kesihatan Negeri 2. Hospital Wanita Dan Kanak-Kanak Likas 3. Hospital Queen Elizabeth I 4. Hospital Queen Elizabeth II
Selangor	1. Jabatan Kesihatan Negeri 2. Hospital Ampang 3. Pejabat Kesihatan Daerah Sepang 4. Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Langat
Perak	1. Jabatan Kesihatan Negeri 2. Hospital Bahagia Ulu Kinta 3. Makmal Kesihatan Awam Ipoh
Kelantan	1. Hospital Raja Perempuan Zainab II 2. Pejabat Kesihatan Daerah Pasir Mas 3. Pejabat Kesihatan Daerah Kuala Krai 4. Pejabat Kesihatan Daerah Gua Musang
Pulau Pinang	1. Jabatan Kesihatan Negeri 2. Hospital Pulau Pinang 3. Hospital Seberang Jaya 4. Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut

Laporan yang berkaitan telah dikemukakan kepada Ketua Setiausaha Kementerian serta pihak yang berkenaan.

3.6 PENGESAHAN DATA BAKI AWAL PERAKAUNAN AKRUAN

Objektif Pengauditan

Menentukan sama ada data baki awal yang dikemukakan boleh disahkan dan digunakan bagi tujuan penyediaan penyata kewangan berasaskan akruan.

Item Penyata Kewangan Terlibat

- Aset Tak Alih
- Aset Tak Ketara
- Aset Alih
- Inventori
- Aset Pajakan Kewangan
- Akaun Belum Terima

Nilai Aset Diverifikasi

RM 397.96 juta nilai aset *cut off* 31 Disember 2021

RM 5.62 bilion nilai aset *cut off* 31 Disember 2021 (Tambahan)

RM 433.67 bilion nilai aset *cut off* 30 Jun 2022 (Tambahan)

A. PENDAHULUAN

Cawangan Audit Dalam (CAD) telah melaksanakan verifikasi baki awal aset dan liabiliti bagi membantu KKM mengesahkan data perakaunan di peringkat Kementerian selaras dengan pelaksanaan Perakaunan Akruan Kerajaan Persekutuan.

i) Pengesahan Data Baki Awal Perakaunan Akruan – Aset Alih/ Aset Tak Alih/ Aset Tak Ketara/ Inventori/ Akaun Belum Terima/ Aset Pajakan Kewangan

Pada tahun 2022, CAD telah melaksanakan pengesahan terhadap data Baki Awal Aset dan Liabiliti KKM bagi data *cut off* 31 Disember 2021, 31 Disember 2021 (Tambahan) dan 30 Jun 2022 (Tambahan). Butiran terperinci data baki awal aset dan liabiliti yang telah diverifikasi adalah seperti dalam **Jadual 3.6.1**.

JADUAL 3.6.1
DATA BAKI AWAL ASET DAN LIABILITI BAGI CUT OFF 31 DISEMBER 2021,
31 DISEMBER 2021 (TAMBAHAN) DAN CUT OFF 30 JUN 2022 (TAMBAHAN)

BIL.	PERKARA	CUT OFF 31 DISEMBER 2021 (RM)	CUT OFF 31 DISEMBER 2021 (TAMBAHAN) (RM)	CUT OFF 30 JUN 2022 (TAMBAHAN) (RM)
1.	Aset Alih	2,796,343.02	-	-
2.	Aset Tak Alih	239,542,050.00	-	-
3.	Aset Tak Ketara	69,153,343.25	127,703,380.22	-
4.	Inventori	32,441,650.22	17,777,388.06	-
5.	Akaun Belum Terima	54,028,800.69	5,476,621,567.00	-
6.	Aset Pajakan Kewangan	-	-	433,674,654.24

Sumber : Bahagian Akaun Kementerian Kesihatan Malaysia

ii) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Aset Alih

Cawangan Audit Dalam (CAD) telah melaksanakan verifikasi data baki awal Aset Alih Kerajaan (AAK) melibatkan 14 Pusat Tanggungjawab (PTJ) terdiri daripada Program dan Bahagian, Pejabat Jabatan Kesihatan Negeri, Hospital dan Institusi terpilih berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun (BA) KKM bagi *cut off* 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2021 (Tambahan). Bagaimanapun, seunit Ventilator Model PB980 bernilai RM231,600.00 telah direkod sebanyak dua (2) kali menyebabkan data baki awal terlebih nyata.

iii) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Aset Tak Alih

Hasil verifikasi yang dilaksanakan secara persampelan terhadap data baki awal Aset Tak Alih (ATA) bagi tempoh *cut-off* 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2021 (Tambahan) melibatkan ATA Tanah dan Bangunan. Penemuan Audit seperti berikut:

a) ATA Tanah

- Aset Tak Alih Tanah bernilai RM174.16 juta tidak disahkan kerana butiran hak milik tidak direkodkan dalam data.
- Sebanyak 11 sampel ATA Tanah bernilai RM2.95 bilion tidak disahkan disebabkan isu keluasan tanah yang dilaporkan.
- Dua (2) nilai ATA Tanah dan Bangunan tidak dinyatakan oleh BA melibatkan rekod Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Johor.

b) ATA Bangunan

- Penilaian JPPH terhadap Bangunan NPRA bernilai RM39.28 juta lebih rendah daripada rekod BA berjumlah RM46.09 juta.
- Bangunan Hospital Cyberjaya bernilai RM405.85 juta masih dalam peringkat perbincangan untuk dimuktamadkan.
- Tanah bagi Rumah Bidan Kerajaan Bukit Kangar telah diserahkan kepada Kerajaan Negeri selepas pembinaan Klinik Desa Bukit Kangar dan tidak diiktiraf sebagai ATA Bangunan KKM.
- ATA Bangunan di Institut Kesihatan Negara (NIH) tidak disahkan disebabkan perbezaan nilai yang dikemukakan oleh Bahagian Kejuruteraan NIH berjumlah RM797.44 juta berbanding nilai yang dilaporkan oleh BA berjumlah RM671.78 juta.

iv) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Aset Tak Ketara

Pelaksanaan verifikasi data baki awal bagi aset tak ketara telah dibuat ke atas 32 sampel aset bernilai RM67.86 juta yang telah dipilih berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh BA bagi *cut off* 31 Disember 2021 dan *cut off* 31 Disember 2021 (Tambahan). Hasil verifikasi seperti berikut:

- a) Nilai aset tak ketara yang dapat disahkan bernilai RM69.15 juta bagi data baki awal *cut off* 31 Disember 2021.
- b) Perisian Microsoft SQL Standard 2016 bernilai RM15,000 di Bahagian Perkhidmatan Farmasi tidak dapat disahkan kerana dokumen sokongan dan arahan pembayaran tidak dapat dikemukakan untuk semakan.

v) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Inventori

Verifikasi data baki awal Inventori melibatkan 83 Pusat Tanggungjawab (PTJ) berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh BA KKM bagi *cut off* 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2021 (Tambahan). Pelaksanaan verifikasi oleh pihak CAD telah dibuat dan disahkan sepenuhnya untuk migrasi ke sistem iGFMS bagi Inventori Reagent berjumlah RM36.08 juta dan *Consumables* berjumlah RM14.14 juta.

vi) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Akaun Belum Terima

Verifikasi data baki awal Akaun Belum Terima melibatkan 2 PTJ bagi ABT pembekalan darah, 12 PTJ bagi ABT Caj Rawatan Hospital, 1 PTJ bagi ABT pelbagai Penghutang, dan 1 PTJ bagi ABT denda, Penalti dan Gantirugi HLP. Pelaksanaan verifikasi adalah berdasarkan senarai yang dikemukakan oleh Bahagian Akaun (BA) KKM bagi *cut off* 31 Disember 2021 dan 31 Disember 2021 (Tambahan). Hasil verifikasi adalah seperti berikut:

a) Pembekalan Darah

- ABT Bekalan Darah di Pusat Darah Negara disahkan untuk migrasi berjumlah RM33,036.
- Sebanyak 160 invois bekalan darah di Hospital Tuanku Jaafar berjumlah RM11,050 telah dimasukkan dalam iGFMS dan tidak terlibat dalam proses migrasi data baki awal.

b) Caj Rawatan Hospital

ABT Caj Rawatan Hospital berjumlah RM54 juta telah disemak oleh CAD melaporkan data ABT yang tepat dan sama seperti di rekod BA.

c) Pelbagai Penghutang

Jumlah rekod Pelbagai Penghutang di Bahagian Pengurusan Latihan (BPL) berjumlah RM53.15 juta berbeza dengan baki rekod BA berjumlah RM54.89 juta.

d) Denda, Penalti dan Gantirugi HLP

Semakan terhadap 30 sampel bernilai RM4.94 juta menunjukkan kewujudan dan nilai ABT adalah saksama.

vii) Penemuan Audit Verifikasi Data Baki Awal Aset Pajak Kewangan

Pengesahan pengiktirafan nilai *present value* aset pajakan kewangan bagi Hospital Umum Sarawak adalah selaras dengan kontrak perjanjian dan pengesahan pengiktirafan nilai *present value* aset pajakan kewangan bagi Day Care Block, Medi Hotel and Car Park (North) Block, dan Multi Storey Car Park (West) Block berjumlah RM433,674,654.24.


B. RUMUSAN

Secara keseluruhannya berdasarkan dokumen sokongan dan bukti fizikal bagi sampel yang dipilih menunjukkan nilai yang saksama kecuali bagi beberapa item.

C. SYOR AUDIT

- Membuat semakan awal terhadap baki yang dikemukakan oleh PTJ bagi memastikan kelengkapan dan ketepatan data.
- Memberi latihan dan pendedahan kepada pegawai di PTJ dalam melaksanakan semakan awal terhadap dokumen daftar hak milik dan penilaian bangunan, pengendalian Lejar Subsidiari luar iGFMAS, dan penentuan komponen bagi Aset Tak Ketara dan Aset Alih.
- Templat jurnal yang tidak mematuhi piawai atau tidak menunjukkan nilai yang saksama perlu dikembalikan kepada PTJ untuk tindakan pembetulan.
- Membuat perbincangan dengan Bahagian Kejuruteraan NIH untuk menentukan nilai saksama bangunan yang sepatutnya dilaporkan sebagai Aset Tak Alih Bangunan.





4.0

LAPORAN AG'S DASHBOARD

183

4.1 PEMANTAUAN ISU-ISU YANG DIPAPARKAN DALAM AG'S DASHBOARD

- i) Dengan pelancaran Paparan Susulan Laporan Ketua Audit Negara (AG's Dashboard) Versi 2.0 pada 26 Mac 2015 yang memerlukan maklum balas terkini isu-isu yang dipaparkan, dikemaskinikan secara dalam talian, Ketua Setiausaha melalui Surat Pekeliling Ketua Setiausaha KKM Bil. 5/2015 telah melantik CAD sebagai Penyelaras bagi *AG's Dashboard* Versi 2.0 di KKM.
- ii) Sebagai Penyelaras *AG's Dashboard* di KKM, CAD telah memainkan peranan yang aktif dalam membantu pihak Kementerian menyelesaikan isu-isu yang dipaparkan dalam tempoh yang ditetapkan. LKAN 2019 Siri 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 28 September 2021, terdapat 15 isu yang telah dibangkitkan dan 11 isu telah selesai. Pada tahun 2022, tiada LKAN yang dibentangkan di Parlimen. Bagaimanapun, CAD telah membuat susulan terhadap empat (4) penemuan Audit yang masih berstatus belum selesai sebagaimana di paparan *AG's Dashboard*. Pada 31 Disember 2022, empat (4) penemuan Audit telah diselesaikan seperti dalam **Jadual 4.1**.

JADUAL 4.1
STATUS ISU LKAN TAHUN 2019 SIRI 2
YANG DIPAPARKAN DALAM AG'S DASHBOARD

TAJUK KAJIAN	JUMLAH ISU YANG DIPAPAR	STATUS LAPORAN SETAKAT 31.12.2022		PERATUS PENCAPAIAN
		SELESAI	DALAM TINDAKAN	
Pengurusan Peralatan Perubatan Hospital	15	15	0	100%



5.0

185

**MESYUARAT
JAWATANKUASA
AUDIT**

5.1 PENUBUHAN DAN KEAHLIAN

Keahlian Jawatankuasa Audit terdiri daripada 39 ahli iaitu Ketua Setiausaha Kementerian selaku Pengerusi, dua (2) Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian, tiga (3) Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan, tiga (3) Pengarah Kanan Kesihatan, 11 Pengarah/ Setiausaha Bahagian, 15 Pengarah Kesihatan Negeri/ Wilayah Persekutuan serta empat (4) Ketua Cawangan/ Unit yang berkaitan.

5.2 TARIKH MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Jawatankuasa Audit telah bersidang sebanyak empat (4) kali seperti dalam **Jadual 5.1**.

JADUAL 5.1
MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2022

BIL.	MESYUARAT	TARIKH
1.	Bil. 1 Tahun 2022	07.04.2022
2.	Bil. 2 Tahun 2022	05.07.2022
3.	Bil. 3 Tahun 2022	27.09.2022
4.	Bil. 4 Tahun 2022	10.01.2023

5.3 STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT JAWATANKUASA AUDIT

Status isu-isu yang dibentangkan pada tahun 2022 dalam mesyuarat-mesyuarat JKA setakat 10 Januari 2023 adalah seperti dalam **Jadual 5.2**.

JADUAL 5.2
STATUS ISU-ISU AUDIT YANG DIBENTANGKAN DALAM MESYUARAT
JAWATANKUASA AUDIT TAHUN 2022, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
KEDUDUKAN SETAKAT 10 JANUARI 2023

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)	
			DALAM TINDAKAN	SELESAI
BIL.1/2022 TARIKH 7 APRIL 2022				
1.	Pengauditan Pengurusan Kewangan	143	0	143
2.	Pengauditan Pemeriksaan Mengejut	1180	0	1180
3.	Pengauditan Penilaian Risiko Pengurusan Kewangan Bagi Kutipan Hasil	4	0	4
4.	Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (Sistem 3PK) Bagi Setengah Tahun Pertama (Julai - Dis 2021)	7	0	7
BIL. 2/2022 TARIKH 5 JULAI 2022				
1.	Pengurusan Aktiviti Pencegahan dan Kawalan Penyakit Denggi	23	0	23
2.	Pengurusan Perolehan bagi Perkhidmatan Nilai Tambah Locker4U di KKM	9	0	9
3.	Pengurusan Tanah Kosong Milik Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)	7	0	7
4.	Pembangunan Sistem Maklumat Keselamatan Makanan (FoSIM)	15	0	15
5.	Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan)	65	0	65
6.	Pengauditan Kewangan (Arahan Pembayaran)	61	0	61
7.	Perolehan Darurat di Hospital	71	0	71
BIL. 3/2022 TARIKH 27 SEPTEMBER 2022				
1.	Aduan Awam Yang Dilaksanakan Melalui Sistem Pengurusan Aduan Awam (SiSPAA)	19	0	19
2.	Penyenggaraan Sistem KKM - Total Hospital Information System (THIS) di Institut Kanser Negara	19	0	19
3.	Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan)	110	1	109
4.	Pengauditan Kewangan (Arahan Pembayaran)	27	2	25

BIL.	TAJUK PENGAUDITAN	JUMLAH ISU	STATUS ISU YANG DIBENTANGKAN (BILANGAN)	
			DALAM TINDAKAN	SELESAI
5.	Aktiviti Penilaian KIT Ujian COVID-19 di Fasiliti Ujian	5	0	5
6.	Sistem Penilaian Prestasi Pengurusan Kewangan (Sistem 3PK) Bagi Setengah Tahun Kedua (Januari - Jun 2022)	10	0	10
BIL. 4/2022 TARIKH 10 JANUARI 2023				
1.	Pengurusan Projek Naik Taraf <i>Wellness Hub</i> di JKN dan PKD	14	1	13
2.	Pengurusan Program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling	12	1	11
3.	Pengauditan Kewangan (Pengurusan Kewangan)	110	1	109
4.	Pengauditan Kewangan (Arahan Pembayaran)	27	2	25
5.	Pematuhan Terhadap Pengurusan Perkhidmatan Kawalan Keselamatan Tanpa Senjata Api di Pusat Tanggungjawab KKM	37	11	26
JUMLAH KESELURUHAN		1,975	19	1,956

5.4 RUMUSAN

Secara keseluruhannya JKA KKM telah berjaya mencapai matlamat dan objektif penubuhannya kerana selain daripada pembentangan isu-isu yang ditemui, mesyuarat JKA turut berfungsi sebagai satu medium untuk bertukar pandangan serta mendapatkan khidmat nasihat berkaitan tadbir urus dan pengurusan kewangan.



6.0

OUTCOME
DAN IMPAK

189

Outcome dan Impak yang dihasil daripada pelaksanaan aktiviti Cawangan Audit Dalam adalah seperti dalam **Jadual 6.1**.

JADUAL 6.1
OUTCOME DAN IMPAK CAWANGAN AUDIT DALAM KEPADA KEMENTERIAN/ JABATAN BAGI TAHUN 2022

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
A. PENGAUDITAN PENGURUSAN KEWANGAN						
1.	11.02.2022	Hospital Sultanah Aminah, Johor	Memastikan pembayaran yang dibuat adalah teratur mengikut klausa yang ditetapkan di dalam kontrak.	172.99 (a)	-	-
			Memastikan pengiraan denda merujuk kepada kadar denda yang telah dinyatakan dalam dokumen kontrak bagi mengelakkan kesilapan pengiraan.	2,796.25 (c)	-	-
2.	03.05.2022	PKPD Kinta, Perak	Menuntut balik lebihan penggunaan bahan api bagi pegawai JUSA.	747.69 (b)	-	-
3.	01.06.2022	PKPD Kota Bharu, Kelantan	Membuat pelarasan elaun yang terlebih bayar mengikut jumlah yang sebenar.	2,100.00 (b)	-	-
4.	02.06.2022	PKPD Padang Terap, Kedah	Ketua Jabatan hendaklah mengenal pasti pemandu/ pegawai yang bertanggungjawab terhadap kesalahan lalu lintas berkenaan dan mengambil tindakan berdasarkan WP 4.1.	450.00 (d)	-	-
5.	03.06.2022	PKPD Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Menuntut balik lebihan bayaran bagi nilai helaian kertas percuma mesin penyalin.	90.00 (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Menuntut balik atas tambang pengangkutan terlebih bayar.	37.87 (b)	-	-
6.	08.06.2022	Bahagian Kesihatan Pergigian, JKWPKL & Putrajaya	Memastikan bekalan stok yang diterima disusun di ruangan yang telah disediakan.	-	Proses menyusun atur diruang yang disediakan sedang dilaksanakan. Pemantauan dibuat secara berkala.	-
7.	08.06.2022	JKN Selangor	Mengutip denda dan perlu dapatkan justifikasi kelewatan daripada pembekal.	47.56 (c)	-	-
			Memastikan perkhidmatan telah dilaksanakan dengan sempurna sebelum bayaran dilakukan serta mengambil kira apa-apa potongan seperti kenaikan denda terhadap ketidakpatuhan klausa kontrak.	16,187.60 (c)	-	-
			Menyemak butiran tuntutan ELM dengan lebih teliti dan menuntut bayaran balik ke atas lebihan bayaran ELM.	50.79 (b)	-	-
8.	13.06.2022	PKD Kuantan, Pahang	Kutipan balik caj bacaan meter mesin penyalin terlebih bayar.	1,006.62 (b)	-	-
9.	17.06.2022	PKPD Seremban, Negeri Sembilan	Mengenakan Denda/ tolakan kepada syarikat sekiranya perkhidmatan gagal disempurnakan.	4,551.84 (c)	-	-
10.	27.06.2022	Bahagian Perkhidmatan Farmasi, JKN Johor	Membuat kutipan elaun lebih masa (ELM) 8 jam atau lebih yang tidak ditolak 1 jam waktu rehat.	10.21e (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalam/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Mengenakan denda kerana lewat melaksanakan penghantaran.	141.09 (c)	-	-
			Membuat kutipan bayaran elaun pertukaran luar stesen terlebih bayar.	160.80 (b)	-	-
11.	27.06.2022	PKPD Maran, Pahang	Memastikan kerja dibuat mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan.	-	-	767.31
			Memastikan pembayaran kepada syarikat/pembekal selepas bekalan disempurnakan.	-	-	5,824.00
12.	01.07.2022	PKPD Sepang, Selangor	Menghantar surat tuntutan dan surat peringatan dalam tempoh yang ditetapkan dan merujuk kepada PUU Kementerian/ Jabatan untuk tindakan lanjut selepas 14 hari dari tarikh surat peringatan ketiga dikeluarkan bagi mengambil tindakan terhadap tunggakan bayaran ABT.	1,200.00 (d)	-	-
13.	01.07.2022	Hospital Labuan, WP Labuan	Memastikan keselamatan bagi penyimpanan stok-stok Buku Resit Rasmi yang belum digunakan.	-	Satu unit kontena akan disewa untuk menempatkan secara sementara Kaunter Utama Unit Hasil dan bagi penyimpanan stok-stok buku Resit Rasmi yang belum digunakan memandangkan bangunan sediaada adalah tidak selamat untuk diduduki.	-
			Memastikan klausa dalam dokumen kontrak meliputi semua aspek bagi menjamin kepentingan Kerajaan. Sebarang pindaan	-	Pembetulan dan pindaan telah dibuat dan dipanjangkan kepada PUU	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			kontrak sedia ada hendaklah dirujuk kepada Penasihat Undang-Undang Kementerian.		KKM untuk semakan dan pengesahan.	
14.	06.07.2022	PKPD Melaka Tengah, Melaka	Membuat kutipan lebihan bayaran Elaun Lebih Masa pegawai.	195.81 (b)	-	-
15.	18.07.2022	PKPD Segamat, Johor	Membuat kutipan Elaun Lojing yang terlebih bayar.	80.00 (b)	-	-
			Membuat kutipan penyelenggaraan kenderaan jabatan terlebih bayar.	10.00 (b)	-	-
16.	17.08.2022	Hospital Kapit, Sarawak	Mengutip tunggakan bayaran sewa bangunan.	4,400.00 (d)	-	-
			Mengutip denda yang tidak dikenakan bagi kerja yang lewat disiapkan.	1,756.51 (c)	-	-
17.	19.08.2022	Hospital Tuanku Ja'afar, Seremban, Negeri Sembilan	Mengutip semula bayaran EKLWBB yang telah dibayar dari pegawai yang menerimanya.	82,060.00 (b)	-	-
18.	15.09.2022	Bahagian Kesihatan Pergigian Negeri Melaka	Membuat kutipan lebihan bayaran terhadap bekalan yang tidak diterima.	4,092.00 (b)	-	-
19.	03.10.2022	PKD Semporna, Sabah	Menyemak semua dokumen tuntutan yang terlibat dan disahkan benar sebelum bayaran dilakukan dengan mengambil kira apa-apa potongan seperti pulangan rebat ataupun pelarasan bayaran jika terdapat pelanggaran dalam syarat perkhidmatan.	497.80 (b)	-	-
			Melaksanakan kutipan semula bayaran ELKWBB yang telah dibayar dari pegawai yang menerima tuntutan tersebut.	32,310.00 (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
20.	19.11.2022	Hospital Pulau Pinang	Menuntut bayaran balik amaun yang terlebih dibayar pada Agensi Pukul. Penggunaan kaedah <i>set-off</i> atau kontra bil hendaklah dielakkan.	41,719.00 (b)	-	-
			Menuntut balik bayaran tol tanpa resit (Touch N Go) yang bukan bagi tujuan rasmi.	50.20 (a)	-	-
			Jumlah Kecil	196,922.63	-	6,591.31
B. PENGAUDITAN PEMATUHAN PENGURUSAN KAWALAN KESELAMATAN (TANPA SENJATA API)						
1.	31.10.2022	PKD Rembau, Negeri Sembilan	Sekiranya didapati syarikat gagal mematuhi kehendak kontrak maka penalti/ tolakan hendaklah dikenakan kepada syarikat.	5,177.04 (c)	-	-
2.	02.11.2022	PKD Manjung, Perak	Mengenakan penalti disebabkan: i. Pegawai Keselamatan lewat masuk bertugas mengikut masa yang ditetapkan. ii. Kegagalan pengawal keselamatan melakukan rondaan dan <i>clocking</i> mengikut masa yang ditetapkan. iii. Peralatan yang disediakan tidak mencukupi.	21,388.98 (c)	-	-
3.	03.11.2022	PKD Dungun, Terengganu	Mengutip semula jumlah denda yang tidak dikenakan kepada syarikat dan mengambil tindakan pemotongan bayaran sekiranya masih berlaku ketidakpatuhan kepada syarat kontrak.	287,273.45 (c)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
4.	03.11.2022	PKD Maran, Pahang	Mengenakan denda/ tolakan terhadap pengawal keselamatan gantian tidak disediakan.	6,207.00 (c)	-	-
			Mengenakan denda/ tolakan terhadap kelengkapan dan kemudahan tidak disediakan.	1,550.31 (c)	-	-
			Mengenakan denda/tolakan terhadap ketiadaan pengawal keselamatan.	717.75 (c)	-	-
			Mengenakan denda/ tolakan terhadap kegagalan <i>clocking</i> .	272.60 (c)	-	-
5.	07.11.2022	PKD Tumpat, Kelantan	Mengutip semula jumlah denda yang tidak dikenakan kepada syarikat dan mengambil tindakan pemotongan bayaran sekiranya masih berlaku ketidakpatuhan kepada syarat kontrak.	1,146.10 (c)	-	-
6.	09.11.2022	PK Kepong, Kuala Lumpur	Mengenakan tolakan bayaran terhadap kegagalan Syarikat menyediakan pengawal keselamatan berdasarkan formula yang telah dipersetujui seperti dalam kontrak perjanjian.	2,277.60 (c)	-	-
			Menuntut balik lebihan bayaran atas kelewatan pengawal keselamatan masuk bertugas berdasarkan formula yang ditetapkan di dalam kontrak.	1,737.40 (c)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Mengenakan tolakan bayaran terhadap kegagalan pengawal keselamatan untuk membuat <i>clocking</i> berdasarkan formula yang ditetapkan dalam kontrak.	648.24 (c)	-	-
			Kegagalan Syarikat membekalkan pengawal keselamatan yang mencukupi bagi semua pos kawalan mengikut kehendak kontrak telah menyebabkan tahap keselamatan tidak mencapai tahap seperti yang diperlukan. Tolakan bayaran perlu dikenakan terhadap Syarikat berdasarkan formula yang dinyatakan di dalam kontrak.	2,014.80 (c)	-	-
7.	10.11.2022	PKK Lahad Datu, Sabah	Mengenakan tolakan denda/ penalti kepada syarikat sekiranya didapati gagal mematuhi syarat kontrak.	4,246.44 (c)	-	-
8.	14.11.2022	PKD Melaka Tengah, Melaka	Membuat kutipan denda bagi ketidakhadiran pengawal keselamatan.	1,576.80 (c)	-	-
			Membuat kutipan denda dan penalti bagi laporan <i>clocking</i> yang meragukan - dua (2) laporan pada tarikh yang sama tetapi waktu <i>clocking</i> yang berbeza.	11,773.44 (c)	-	-
			Membuat kutipan penalti bagi laporan <i>clocking</i> yang meragukan - tiada <i>clocking</i> pada 1hb dan 16hb kerana alat GTS dibawa ke Kuala Lumpur bagi tujuan muat turun laporan aktiviti GTS.	42,880.20 (c)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Membuat kutipan penalti bagi laporan <i>clocking</i> yang meragukan - waktu <i>clocking</i> yang sama di semua premis pada bulan Februari dan Mac 2021.	26,604.12 (c)	-	-
			Membuat kutipan terhadap amaun tolakan disebabkan kegagalan membuat rondaan dan <i>clocking</i> .	190,299.80 (c)	-	-
			Membuat kutipan denda bagi ketidakcukupan kelengkapan dan peralatan bagi bulan September 2022.	908.27 (c)	-	-
			Membuat kutipan penalti bagi kegagalan membekalkan alat perhubungan <i>walkie-talkie</i> oleh syarikat.	12,614.40 (c)	-	-
			Membuat kutipan bagi lebihan bayaran perkhidmatan <i>cash in transit</i> (CIT).	4,160.00 (b)	-	-
9.	14.11.2022	PKD Kuala Muda, Kedah	Memastikan kandungan kontrak perjanjian dipatuhi selaras dengan peraturan yang berkuat kuasa dan memastikan pegawai yang bertanggungjawab memantau perkhidmatan yang diberikan oleh Syarikat yang dilantik.	2,063.73 (c)	-	-
10.	17.11.2022	PKD Gombak, Selangor	Mengenakan tolakan denda/ penalti kepada syarikat sekiranya didapati gagal mematuhi syarat kontrak.	6,533.61 (c)	-	-
11.	22.11.2022	PKB Miri, Sarawak	Mengutip denda yang tidak dibuat penolakan kelewatan <i>clocking</i> .	4,103.30 (c)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalam/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Mengutip denda yang tidak dibuat penolakan kerana tidak membekalkan peralatan mengikut kontrak.	11,408.58 (c)	-	-
12.	22.11.2022	PKD Barat Daya, Pulau Pinang	Mengenakan penalti bagi kegagalan syarikat menyediakan peralatan atau kelengkapan.	314.25 (c)	-	-
			Mengenakan penalti bagi kegagalan pengawal keselamatan menjalankan rondaan dan <i>clocking</i> setiap dua (2) jam.	65.25 (c)	-	-
			Mengenakan penalti bagi pengawal keselamatan tidak memakai pakaian seragam.	309.10 (c)	-	-
			Mengenakan penalti bagi jumlah jam pengawal keselamatan tiada di lokasi.	1,476.79 (c)	-	-
13.	25.11.2022	PKD Muar, Johor	Membuat kutipan bayaran di atas kegagalan pelaksanaan kunci jam <i>watchman clock</i> mengikut kadar yang ditetapkan.	92.96 (d)	-	-
			Membuat kutipan tolakan yang tidak dikenakan bagi bayaran dibuat sebelum perkhidmatan disempurnakan.	11.68 (d)	-	-
			Jumlah Kecil	651,853.99	-	-
C. PENGAUDITAN ARAHAN PEMBAYARAN						
1.	15.02.2022	PKD Kampar, Perak	Menuntut balik lebihan bayaran elaun lebih masa yang terlebih bayar.	35.85 (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Penalti bagi kegagalan kontraktor menyediakan peralatan kawalan keselamatan perlu dikenakan hendaklah dituntut.	1,402.24 (c)	-	-
			Mengutip penalti bagi kegagalan kontraktor melakukan rondaan dan <i>clocking</i> .	16,123.23 (c)	-	-
			Mengenakan denda kerana lewat membekalkan bekalan.	970.15 (c)	-	-
			Mengutip balik Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) yang terlebih bayar.	360.00 (b)	-	-
2.	14.03.2022	Hospital Sultanah Nora Ismail, Johor	Membuat kutipan elaun lebih masa (ELM) yang terlebih bayar.	211.40 (b)	-	-
			Mengenakan denda kerana lewat melaksanakan penghantaran.	25,935.53 (c)	-	-
3.	14.03.2022	PKD Kota Setar, Kedah	Menuntut jumlah denda yang berkurang caj daripada pihak pembekal kerana kelewatan menghantar alat tulis dan <i>toner</i> seperti yang telah dipersetujui dalam kontrak.	469.85 (c)	-	-
4.	14.03.2022	Hospital Jasin, Melaka	Membuat kutipan terhadap amaun tolakan yang berkurang bayar disebabkan kegagalan menempatkan pengawal keselamatan.	413.94 (b)	-	-
			Membuat kutipan terhadap amaun tolakan yang berkurang bayar yang disebabkan kegagalan membuat rondaan dan <i>clocking</i> .	460.70 (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalam/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			Membuat kutipan denda bagi ketidakcukupan kelengkapan dan peralatan bagi bulan Februari 2022.	1,073.89 (c)	-	-
			Membuat kutipan kadar fi ePerolehan yang berkurang caj.	290.40 (b)	-	-
			Membuat kutipan lebih bayaran terhadap bekalan yang tidak diterima.	5,738.00 (b)	-	-
			Membuat kutipan terhadap lebih bayaran GCR kepada pegawai.	140.73 (b)	-	-
5.	16.03.2022	Cawangan Farmasi Logistik Negeri Sarawak	Mengutip denda yang tidak dikenakan atas pelanggaran syarat kontrak Perkhidmatan Kawalan Keselamatan.	6,688.00 (c)	-	-
			Mengutip denda yang tidak dikenakan atas pelanggaran syarat kontrak perkhidmatan pembersihan kawasan.	1,145.86 (c)	-	-
6.	16.03.2022	PK Titiwangsa, Kuala Lumpur	Memastikan jumlah pengawal keselamatan yang ditempatkan di klinik setiap hari adalah mencukupi pada pos kawalan yang ditetapkan. Tolakan hendaklah dikenakan terhadap kegagalan pihak syarikat dalam melaksanakan perkhidmatan.	2,277.60 (c)	-	-
7.	28.03.2022	PKD Kuantan, Pahang	Membuat kutipan semula terhadap perbezaan amaun kerja-kerja yang tidak dibuat oleh pihak kontraktor.	1,233.00 (b)	-	-
			Memastikan dokumen sokongan adalah lengkap dan butiran tolakan/ set-off	1,152.48 (c)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
			kegagalan menempatkan pengawal keselamatan telah diambil kira sebelum pembayaran diluluskan.			
			Memastikan pembayaran yang dibuat mengambil kira klausa yang ditetapkan di dalam kontrak (rebat caj bacaan meter mesin pencetak).	330.00 (c)	-	-
			Memastikan pembayaran perkhidmatan sewaan komputer hanya dibuat setelah perolehan disempurnakan.	-	-	1,550.40
8.	30.03.2022	Hospital Beluran, Sabah	Menyemak semula tuntutan ELM.	1,270.76 (b)	-	-
9.	14.07.2022	PKPD Kuala Krai, Kelantan	Memastikan kiraan kadar setiap jam adalah berdasarkan gaji pokok dalam penyata gaji pegawai.	83.86 (b)	-	-
10.	29.07.2022	Hospital Daro, Sarawak	Mengutip semula Tuntutan Perpindahan terlebih dibayar.	109.62 (b)	-	-
11.	09.08.2022	ILKKM Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Mengenakan denda/ tolakan kepada syarikat sekiranya perkhidmatan gagal disempurnakan.	2,525.71 (c)	-	-
12.	09.08.2022	Hospital Balik Pulau, Pulau Pinang.	Menuntut balik Elaun Lebih Masa terlebih bayar (tolakan 1 jam, 2 jam 15 minit, kadar sejam dan jumlah bayaran).	4,946.40 (b)	-	-

BIL.	TARIKH SURAT/ LAPORAN	TAJUK PENGAUDITAN/ PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ)	SYOR AUDIT	OUTCOME DAN IMPAK		
				(a) Penjimatan Kepada Kem./ Jab. (b) Kutipan Amaun Terlebih Bayar (c) Denda/ Penalti Dikenakan (d) Kutipan ABT (RM)	Penambahbaikan Sistem Kawalan Dalaman/ Tadbir Urus/ Prosedur Kerja/Khidmat Nasihat	Lain-Lain (RM)
